

**Jilid II
Bil. 20**



MALAYSIA

**Hari Kamis
17hb Ogos, 1972**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan
2595]**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia [Ruangan
2637]**

USUL:

Ucapan-ucapan Penangguhan—

Perjudian di Casino Genting Highlands [Ruangan 2694]

Guru-guru mengambil bahagian dalam politik [Ruangan 2697]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Kamis, 17hb Ogos, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P. Datuk Bendahara Perak.

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATUK ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timur).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

- Yang Berhormat TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jelai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

Yang Berhormat WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DATUK DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN,
S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johork Timur).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.
(Sungei Siput).

„ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI
BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

„ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).

„ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI
MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

„ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N.
(Kuala Kedah).

„ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ DATUK PETER LO SU YIN (Sandakan).

„ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

„ DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.,
(Kota Bharu Hulu).

„ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

„ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K.
(Kota Belud).

„ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).

„ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.,
K.V.O., O.B.E. (Marudu).

„ DATUK S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).

„ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

DO'A

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PASUKAN KAWALAN KAMPUNG SARAWAK—BAYARAN ELAUN

1. Tuan Latip bin Haji Dris minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada ahli-ahli Pasukan Kawalan Kampung yang baharu ditubuhkan di Sarawak dibayar elaun semasa mereka menjalankan tugas "Kawalannya"; dan
- (b) samada mereka dibayar bayaran pampasan dan sebagainya jika mereka mendapat cedera semasa menjalankan tugasnya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Ahli-ahli Pasukan Kawalan yang berkhidmat di Sarawak dan di kawasan-kawasan lain di Malaysia ini tidaklah dibayar apa-apa elaun pun semasa mereka menjalankan tugas kawalannya. Mereka ini berkhidmat secara sukarela. Ini adalah ternyata dalam Akta Peraturan-peraturan (Pasukan Kawalan) 1966. Kewajipan mereka adalah untuk berjaga-jaga dan memerhatikan jika ada pengganas-pengganas kominis, anasir-anasir sabversif atau anti-national yang cuba masuk ke kawasan kediaman mereka, dan melaporkan hal itu kepada pihak-pihak yang berkuasa. Mereka tidak dibayar elaun-elaun semasa menjalankan tugas kerana mereka berkhidmat secara bergilir-gilir tidak lebeh daripada 4 jam selepas kerja harian mereka.
- (b) Mereka adalah layak mendapat pampasan sekiranya tercedera semasa menjalankan tugas mengikut Seksyen 12, Akta Peraturan-peraturan Perlu (Pasukan Kawalan) 1966.

KAD PENGENALAN BIRU MEMOHON PEKERJAAN

2. Tuan Chan Fu King minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, ejensi-ejensi Kerajaan, firma-firma dan pertubuhan-pertubuhan persendirian telah menolak pemohon-pemohon kerja yang memegang kad pengenalan biru dengan alasan bahawa mereka tidak dapat menunjukkan Sijil Kerakyatan yang berasingan; dan
- (ii) samada beliau akan mengarahkan dan memberitahu semua Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, ejensi Kerajaan, firma dan pertubuhan persendirian bahawa rakyat Malaysia yang menjadi warganegara mengikut perjalanan undang-undang tidak memiliki Sijil-sijil Kerakyatan yang berasingan, dan mereka tidak patut di tolak dan dinafikan peluang-peluang bagi mendapat pekerjaan oleh kerana kurang faham mengenai undang-undang, kerakyatan yang kompleks.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, biasanya kad pengenalan biru adalah diterima sebagai "*prima facie* proof" yang pemegangnya ialah warganegara Malaysia. Namun demikian, sekiranya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, ejensi-ejensi Kerajaan, Firma-firma dan pertubuhan-pertubuhan persendirian berasa waham tentang taraf kewarganegaraan pemegang-pemegang kad biru itu, maka adalah wajar bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan lain-lain perbadanan itu meminta pemegang-pemegang kad pengenalan itu menunjukkan bukti-bukti lain bagi mengesahkan taraf kewarganegaraannya. Ini adalah mengikut Peraturan 23 (i) Peraturan Pendaftaran Negara, 1960 dalam mana peruntukan telah diperbuat bahawa adalah menjadi tanggungjawab pemegang-pemegang kad pengenalan itu membuktikan kebenaran segala keterangan termasuk taraf kewarganegaraannya yang tercatat di dalam kad pengenalan.

Setahu saya tidak ada warganegara Malaysia yang memegang kad pengenalan biru yang dapat membuktikan taraf kewarganegaraan mereka kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ataupun kepada badan-badan yang berkenaan ditolak atas dasar

warganegara sahaja. Mungkin penulakan itu atas sebab-sebab yang lain. Oleh yang demikian, saya berpendapat tidak perlu bagi saya mengeluarkan sebarang arahan atas perkara ini.

Tuan Chan Fu King: Soalan tambahan. Sama ada Yang Berhormat Menteri sedar yang pemegang-pemegang kad pengenalan biru terutama orang-orang India dan Cina menghadapi banyak kesulitan bila mereka pergi ke pejabat-pejabat Kerajaan, kerana mereka tidak tahu kedudukan kerakyatan mereka sebenarnya. Dan samada Kerajaan akan menimbangkan untuk memberi arahan kepada Pejabat Pendaftaran, menulis di setiap kad pengenalan biru, taraf kerakyatan bagi membantu orang-orang desa ini dapat dilakukan dengan memasukkan butir-butir ini di semua kad pengenalan biru yang baharu yang dikeluarkan termasuk mengganti atau membaharukannya.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya tidak sedar yang mereka ini ada kesulitan di pejabat-pejabat. Setahu saya memang tidak ada apa-apa kesulitan.

Tuan Goh Hock Guan: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam terkenal dengan red tape dan melambatkan di dalam temuduga dan melantek orang-orang berkhidmat di dalam perkhidmatan Kerajaan. Saya sendiri terpaksa menunggu hampir-hampir dua tahun sebelum dipanggil untuk temuduga bila saya bekerja dengan Kerajaan di dalam Jabatan Kerjaraya, Jabatan Perancangan Bandar dan Negeri. Bolehkah Kerajaan menjamin di masa akan datang red tape seperti ini tidak lagi timbul?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Soal itu tidak berkenaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Apakah arahan-arahan yang dibuat serta usaha-usaha yang dilakukan supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, ejensi-ejensi Kerajaan dapat menjalankan pemilehan bagi kerja-kerja dengan-nya dengan secara yang adil dan jauh sekali daripada pemilehan atas pandangan-pandangan parti?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, tidak ada kena-mengena.

PAUN STERLING—KRISIS MATAWANG DUNIA

3. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada krisis-krisis matawang dunia seperti ketidak-stabilan paun sterling, kejatuhan nilai ringgit Amerika dan Yen Jepun itu akan menjejaskan matawang Malaysia; dan
- (b) apakah sebabnya Majlis Timah Antara-bangsa menetapkan harga timah dengan ringgit Malaysia dan sama ada jaminan telah diberi bahawa langkah ini adalah langkah yang kekal.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membuat satu kenyataan penuh berkenaan perkara ini bagi menjawab satu soalan yang dikemukakan kepadanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun pada 9hb Ogos yang lalu. Tidak ada apa² lagi saya hendak ditambah lagi.

PELABUHAN DI MELAKA— KENYATAAN TETAP

4. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perhubungan menyatakan satu kenyataan yang tetap terhadap rancangan dan tujuan Kerajaan di dalam soal membina sebuah pelabuhan di Melaka.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, Kerajaan ada tujuan dan mempunyai rancangan untuk membina kemudahan-kemudahan sebuah jeti/pelabuhan kecil di Melaka. Sebuah Syarikat Perunding tempatan telahpun dilantik oleh Kerajaan tahun lepas untuk menjalankan satu kajian ekonomik dan teknikal tentang kemungkinan membina sebuah jeti/pelabuhan kecil di Melaka itu. Kajian tersebut telahpun selesai dan laporannya dikemukakan kepada Kerajaan.

Jeti tersebut bertujuan untuk kemudahan-kemudahan perdagangan pantai atau coastal trade di antara Malaysia Barat dan Indonesia terutamanya ke Pulau Sumatra.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa dalam Pilihan-raya Umum tahun 1969 Parti Perikatan ada

membuat satu jaminan kepada rakyat dan negeri Melaka akan membinakan sebuah pelabuhan dan pelabuhan adalah jauh beza daripada sebuah jeti. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengatakan ada kemungkinan atau tidak untuk menukarkan jeti kepada pelabuhan?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kerajaan baharu menerima siasatan daripada pakar tetapi Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka mesti faham pelabuhan antarabangsa kita yang akan menggunakan containerisation system di-Klang hanyalah 80 batu mengikut jalan laut sampai ke Melaka dan mengikut conference kapal-kapal sedunia, dia tidak akan berhenti ketiapi pelabuhan maka dengan sebab itu kita mahu tahu berapa tan ada setahun dan adakah ekonomik dan adakah kapal hendak pergi kesana, kalau tidak kita berbelanja berpuluh-puluh juta ringgit kapal tidak datang; perbelanjaan hendak menjalankan pelabuhan itupun tidak ada, mahu minta daripada Kerajaan Pusat lagi, Kerajaan Pusat sudah ada cukup berapa banyak pelabuhan antarabangsa seperti Pulau Pinang, Klang dan baru-baru ini Johor bagi sebelah timor, itupun coastal bukan antarabangsa.

Tuan Lim Kit Siang: Berpunca daripada Keterangan Yang Berhormat Menteri itu bukanlah betul bahawa dalam Pilihanraya Umum 1969 Parti Perikatan sudah tipu rakyat Melaka kerana sudah membuat satu jaminan, tetapi sekarang tidak mahu menguatkuasakan, tidak mahu memenuhi-nya?

Tuan Yang di Pertua: Perkataan "tipu" itu saya suruh tarek balek, kalau tidak boleh tarek balek pun perkataan tipu, tidak payah di jawab soalan ini. Perkataan itu tidak boleh di gunakan di dalam Rumah ini.

Tuan Lim Kit Siang: Jikalau saya

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat itu tarek balek perkataan "tipu" itu—unparliamentary.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak cakap Ahli Yang Berhormat

Tuan Yang di Pertua: Tarek balek dan gantikan dengan perkataan yang lain, itu boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Soalannya ialah benarkah keterangan Yang Berhormat Menteri bahawa Kerajaan sudah gagal untuk memenuhi jaminan mereka pada Pilihanraya Umum tahun 1969 yang akan membina sebuah pelabuhan dan dengan sebab itu apakah keterangan Kerajaan memberitahu kepada rakyat Melaka?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat ini tidak faham bahasa Malaysia, kalau tidak faham tanya betul-betul.

Saya telah katakan bahawa pihak Kerajaan telah mengadakan seorang consultant dan ia sudah membuat siasatan dan sudah dihantar kepada Kerajaan. Kerajaan sedang mengkaji, tetapi secara kasarnya supaya pelabuhan kecil itu boleh coastal antara Sumatra dengan Melaka. Ini ialah semata-mata hendak menghidupkan bandar dan rakyat Melaka termasuk Ahli Yang Berhormat ini juga. Yang dikatakan kita "tipu", tidak bolehlah. (Ketawa).

SUPERSONIC CONCORDE— PENDARATAN DI MALAYSIA

5. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Perhubungan mengapa Supersonic Concorde tidak mendarat di Malaysia untuk pertunjukan tetapi mendarat di Singapura dan tinggal di sana selama tiga hari, dan sama ada benar bahawa MAS tidak berapa tertarik kepada "Concorde" dan tidak mempunyai keupayaan untuk bertanding dengan lain-lain syarikat penerbangan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, keputusan untuk mendarat atau tidak di mana-mana tempat oleh pihak Supersonic Concorde adalah keputusan mereka sendiri dan pihak Kerajaan tidak ada kena-mengena dengannya.

Adalah tidak benar bahawa pihak MAS tidak berapa tertarik kepada "Concorde" dan tidak mempunyai keupayaan untuk bertanding dengan syarikat-syarikat penerbangan lain. Syarikat MAS memang mempunyai kelayakkan yang setanding dengan syarikat-syarikat penerbangan yang lain dan akan muncul sebagai sebuah syarikat penerbangan yang maju dan terkemuka di Tenggara Asia ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, adakah Kerajaan Perikatan mempunyai satu rancangan hendak membeli "Concorde" pada masa yang akan datang?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya hendak memberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat itu sebelum kita hendak membeli, kenalah kita siasat dahulu samada ekonomik atau tidak, samada juruterbangnya boleh dibawa disebelah sini atau bagaimana sparepartnya. Pada masa ini, sama ada hendak membeli atau tidak adalah tidak timbul. Oleh kerana saya sendiri telah berjumpa dengan Menteri Pos dan Telekom waktu saya di London (dahulu beliau dalam Kementerian Indasteri) dahulu beliau telah bertanya dengan saya berkenaan dengan 001 Concorde ini. Saya kata: "You can keep your Concorde. We will see if it is economic; if we are in a position to buy, we will not even buy; we lease, you can do the maintenance, you find the spareparts and the pilots". Kerana hendak menjaga satu-satu kapal terbang supersonic ini adalah satu perkara yang sangat mahal harganya. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu faham daripada apa yang telah saya terangkan tadi mengenai perkara yang tersebut itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, boiehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan dalam Dewan ini, berapa lama Kerajaan mahu menyiasat atas perkara ini, atau pun sudahkah Kerajaan menyiasatnya? Kalau tidak, tulung beritahu, berapa lama mahu menyiasat mengenai Concorde ini samada ekonomik atau tidak?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya tidak tahu samada Ahli Yang Berhormat ini ada kena-mengena dengan Concorde, saya sudah terangkan tadi—premature.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, kalau Kerajaan berfikir tidak hendak membeli Concorde, macam mana; apakah kapal terbang yang kita sudah siasat hendak membeli sekarang?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu soalan lain. Itu kita akan timbangkan mana satu kapal terbang yang baik dan ekonomik; kita ahli perniagaan mestilah menyiasat sebelum kita membelinya.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, perkara Concorde ini bukan baru, sudah lama, Kerajaan mestilah sudah mengambil satu keputusan yang tetap samada mahu membeli atau tidak? Itu sahaja yang saya hendak minta jawapan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat ini bukanlah seorang dictator hendak perintah saya, hendak buat rancangan. Kerajaan Perikatan tahu atas rancangan ini dan segala-segalanya. Menteri Perhubungan akan sedia berhubung tetapi Concorde belum sampai waktunya—premature lagi.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, kenapa Kerajaan tidak ada rancangan yang tetap, bagaimana apa yang mahu dibeli, apa yang tidak mahu dibeli, tulunglah beritahu Rumah ini bagaimana rancangan Kerajaan? Adakah satu rancangan hendak membeli Concorde atau tidak?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini sudah dijawab segala-segalanya, saya tidak mahu jawab lagi—tidak layan lagi.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di Pertua, minta izin. Tadi Yang Berhormat Menteri berucap dalam bahasa Inggeris, saya hendak bertanya sedikit dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua: Tidak boleh.

Tuan Goh Hock Guan: Baik. Tuan Yang di Pertua, Menteri yang berkenaan telah berkata tadi barangkali Malaysia tidak ada wang hendak membeli Concorde, tetapi saya hendak bertanya kepada Menteri, adakah kita mempunyai wang ataupun keupayaan membeli Boeing 747 Jumbo Jet, oleh sebab kita nampak lain-lain syarikat airlines seperti Singapore Airlines, Japan Airlines, semua ada Jumbo Jet, oleh sebab Jumbo Jet boleh mengambil lebih passengers, cargo, adakah rancangan ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bungsar ini tidak faham. Soalnya ialah Supersonic Concorde—Boeing 747 tidak timbul.

SAMAD BIN YIM—PERKHIDMATAN KE JABATAN KERETAPI TANAH MELAYU

6. Tuan V. David minta Menteri Perhubungan menyatakan:-

- (a) kelulusan Encik Samad bin Yim, seorang pegawai Jabatan Keretapi Malaya dan pangkatnya dalam Jabatan tersebut; dan
- (b) samada benar bahawa Encik Samad bin Yim telah dipinjamkan ke Jabatan Keretapi Malaya, dan jika ya, bagaimanakah beliau boleh mewakili Keretapi Tanah Melayu di Kanada.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Encik Samad bin Yim adalah seorang Pegawai di dalam Perkhidmatan Pentadbiran Malaysia dan kelulusan-kelulusan bagi pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan tersebut adalah ternyata di dalam sekim perkhidmatannya. Ia telah pun berkhidmat selama 20 tahun dan mempunyai pengalaman di beberapa lapangan termasuk perkhidmatan di Perbendaharaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Perkhidmatan Luar Negeri dan Pentadbiran di jajahan-jahan.

Jawatannya di Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu ialah sebagai Timbalan Pengurus Besar Kakitangan (Personnel).

- (b) Adalah benar Encik Samad bin Yim seorang Pegawai yang dipinjamkan daripada Perkhidmatan Pentadbiran Malaysia ke jawatannya di Pentadbiran Keretapi. Ia tidak pernah dilantik mewakili Pentadbiran Keretapi di Kanada. Mulai 16hb Ogos ini pegawai tersebut tidak lagi berkhidmat dengan Pentadbiran Keretapi.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, saya bukanlah hendak mengetahui latar-belakang Encik Samad semasa beliau bertugas di lain-lain pejabat. Saya ingin mengetahui sama ada Encik Samad tahu menjalankan keretapi, oleh kerana jika kita mengambil orang-orang yang tidak mengetahui berkenaan dengan hal ehwal keretapi, itulah yang menyebabkan keretapi menempuh

kerugian. Diharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberitahu bagaimanakah ianya akan dihubungkan dengan Pentadbiran Keretapi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, pertanyaan yang asal bukan begitu. Kalau hendak tahu sama ada beliau tahu menjalankan keretapi, saya ingin tahu samada Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat sendiri pandai juga membawa keretapi, pada hal beliau hanya menjadi Setiausaha Agung, Kesatuan Pengangkutan Jalan. Soal samada beliau tahu membawa keretapi ataupun tidak, tidak menjadi soal pokok. Encik Samad menjadi Timbalan Pengurus Besar berkenaan personnel. Adakah Ahli Yang Berhormat faham? Kalau tidak faham belajar dahulu. (*Ketawa*)

Tuan V. David: Diharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bersabar sedikit, dengarlah dahulu saya bercakap. Jikalau seorang Pegawai Personnel, tentulah beliau dikehendaki menjalankan suatu latihan. Di manakah beliau mendapat latihan, sedangkan beliau memporakperandakan Pentadbiran Keretapi, sebab itulah keretapi menempuh kerugian?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya tidak mahu statements, saya mahu soalnya.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, saya ingin tahu, di manakah beliau mendapat latihan itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya katakan, sebagai seorang Pegawai M.C.S. yang telah berkhidmat di dalam Perkhidmatan Kerajaan selama 20 tahun, sudah bekerja di Perbendaharaan; sudah cukup pengalaman, lebih daripada Ahli Yang Berhormat itu barangkali.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, saya boleh memberitahu lebih sedikit lagi berkenaan perkara Yang Berhormat Menteri sendiri tidak ketahui. Beliau membuat penukaran pakaian seragam kakitangan keretapi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya tidak mahu statement (*Disampuk*).

Tuan Yang di Pertua: Sabarlah sedikit! Kalau sudah berdua sahaja berchakap, saya tidak masuk di mana pun. Saya baharu hendak terangkan, ini bukannya soalan, ini statement. Statement saya tidak benarkan di sini. Itu sahaja.

Tuan V. David: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Encik Samad tidak ada pengalaman langsung dalam hal pekerjaan sebagai seorang Personnel Officer. Kalau beliau menjadi seorang Pegawai Pentadbir pun, beliau bukannya berkenaan dengan Personnel Officer. Jawatan itu berkehendakkan seseorang yang mempunyai ilmu saikoloji dan human relation. Diharap Yang Berhormat Menteri dapat memberitahu samada beliau ada latihan yang tersebut?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, saya minta menerusi Tuan Yang di Pertua, diharap Ahli Yang Berhormat dapat menarik balik kata-katanya.

Tuan Yang di Pertua: (Kepada Tuan V. David) Adakah Ahli Yang Berhormat mahu menarik balik?

Tuan V. David: Saya tidak mahu menarik balik. Apa yang saya katakan ini ialah facts, tetapi kalau Tuan Yang di Pertua nasehatkan supaya saya menarik balik, saya boleh; bukannya Yang Berhormat Menteri boleh menasehatkan saya menarik balik, tidak.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya minta Tuan Yang di Pertua menasehatkan. Saya tidak ada kenamengena.

Tuan Yang di Pertua: Saya memberi keputusan bahawa soalan itu sudah keluar daripada batasannya, sudah melirit-lirit ke mana-mana. Jadi, tidak boleh lagi diteruskan.

Tuan V. David: Apakah perkara Yang Berhormat Menteri yang berkenaan minta agar saya menarik balik?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Perkara ini ialah menerusi Tuan Yang di Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang lagi. Memang mukanya pun saya tidak mahu

menenguk lagi. (Ketawa) Saya minta Ahli Yang Berhormat menarik balik cakapannya ialah kerana ada mengenai integrity of the civil servant. Ahli Yang Berhormat ada mengatakan tentang ejensi-ejensi dan sebagainya. Sebab itulah saya minta Tuan Yang di Pertua memberhentikan perkara ini.

Tuan Yang di Pertua: Saya boleh memberhentikan sama sekali soalan ini, tidak payah pun ditarik balik. Soalan ini habis di sini.

NELAYAN-NELAYAN PULAU PANGKOR—KETAKUTAN ROMPAKAN LAUT

7. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada ia sedar akan ketakutan nelayan-nelayan Pulau Pangkor, Perak tentang rompakan laut yang telah dilakukan atas mereka baru-baru ini yang telah memaksa ramai daripada mereka supaya mengelakkan padang laut yang biasanya mendatangkan nafkah mereka. Jika ya, apakah langkah-langkah telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian supaya ketakutan itu dihapuskan agar kehidupan tradisi mereka dapat dijamin.

Timbalan Menteri Perikanan dan Pertanian (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua, kita semua sedar rompakan adalah menakuti sesiapa juga dan saya juga sedar nelayan-nelayan ketakutan dengan rompakan laut seperti yang berlaku dekat dengan Pulau Jerak kepada beberapa orang nelayan dari Pulau Pangkor yang keluar ke laut menangkap ikan. Oleh kerana itu ada gulungan nelayan yang takut ke laut. Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk memperolehi bantuan dari Polis Laut dan Tentera Laut Di Raja Malaysia untuk menambah lagi rondaan laut seperti di dalam jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kepada pertanyaan No. 7 pada 8hb Ogos, 1972.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar, iaitu nelayan-nelayan kita yang tidak sengaja memasuki ke wilayah perairan

Indonesia, sudah dihukum berat dan setelah barang-barang dan lain-lainnya dirampas oleh mahkamah-mahkamah di Indonesia, kalau begitu adakah tidak nelayan-nelayan Indonesia yang seperti itu memasuki ke dalam perairan kita dan apakah tindakan yang Kerajaan telah ambil?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, soalan ini sudah beberapa kali dibangkitkan di dalam Dewan ini dan jawapan juga telah diberikan beberapa kali dan saya rasa cukuplah dengan penerangan yang sudah-sudah.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN ANGKATAN TENTERA

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau bercadang mengambil orang-orang baru dalam setengah-tengah lapangan pekerjaan di Kementerannya sepanjang tahun ini bagi memenuhi jawatan-jawatan yang kosong seperti juruteknik-juruteknik dan sebagainya, atau mengisi jawatan-jawatan yang baru diadakan; jika ada, nyatakan butir-butir jawatan atau jenis pekerjaan yang terdapat di dalam T.U.D.M., T.L.D.M. dan T.D.D.M.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, pengambilan anggota-anggota Tentera samada untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong atau jawatan-jawatan baru adalah dijalankan pada setiap masa. Kekosongan adalah terdapat di dalam berbagai-bagai cawangan di ketiga-tiga Perkhidmatan Angkatan Tentera. Jumlah dan jenisnya adalah terlampau banyak untuk diterangkan disini satu persatu. Apabila urusan-urusan pengambilan dijalankan, kekosongan-kekosongan itu adalah diumumkan seluas-luasnya kepada orang ramai melalui akhbar-akhbar dan alat-alat sebaran am yang lain.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Adakah jawatan guru-guru agama di dalam Kementerian Pertahanan ini juga telah diadakan atau akan diadakan di dalam sepanjang tahun ini?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya fikir guru agama ini berlainan daripada technicians—macam langit dengan bumi juga.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan asal saya ialah juruteknik-juruteknik dan sebagainya, ertinya segala kakitangan yang bekerja di dalam Kementerian Pertahanan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Jadi, kalau saya ertikan "dan sebagainya" berkait dengan juruteknik dan sebagainya dan "sebagainya itu" berkait dengan juruteknik.

Tuan Yang di Pertua: Saya suka hendak bertanya, kalau berkehendakkan soalan itu, kenapa tidak dimasukkan di dalam soalan ini?

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, saya tidak berkehendakkan kepada apa-apa jawapan lagi, tetapi di suatu masa saya harap Timbalan Menteri Pertahanan akan menulis kepada saya berkenaan dengan jawatan-jawatan itu?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Boleh.

DEWAN PERNIAGAAN CINA MALAYSIA—SOKONGAN KEPADA BUMIPUTRA

9. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah sokongan yang telah diberi oleh Dewan Perniagaan Cina Malaysia kepada ahli-ahli perniagaan bumiputra sebagaimana yang mereka janjikan dahulu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di Pertua, bantuan dan sokongan yang di berikan oleh Dewan Perniagaan Cina Malaysia kepada ahli-ahli perniagaan bumiputra adalah menggalakkan. Jumlah ahli-ahlinya dan institusi-institusi yang memberi peluang kepada bumiputra samada sebagai partner, pembahagi-pembahagi dan sebagainya adalah bertambah. Walau bagaimana pun saya harap akan dapat melihat sokongan dan bantuan ini diperlipat gandakan dalam masa yang akan datang.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Adakah benar, saya harap Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberi kenyataan dalam Dewan ini, pada satu masa saya terbaca dalam surat akhbar bahawa PERNAS telah menyeru ahli-ahli perniagaan bangsa Cina di negeri ini menyambut atau menjadi wakil barang-barang yang dibawa oleh PERNAS daripada negeri Cina tetapi tidak mendapat sambutan, adakah benar perkara itu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Setakat yang saya tahu tidak benar.

Tuan Othman bin Abdullah: Adakah Kementerian ini bercadang hendak membubarkan semua Dewan-dewan Perniagaan iaitu Dewan Perniagaan Melayu, Cina, India dan lain-lain dan digantikan dengan Dewan Perniagaan Nasional sahaja?

Yang kedua, adakah Kementerian ini bercadang hendak mengadakan badan penerangan di tiap-tiap buah negeri bagi menggalakkan lagi bumiputra berniaga menurut saluran-saluran yang tertentu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di Pertua, menjawab soal yang pertama, saya rasa ini sebagai masa jangka panjang, barangkali satu masa nanti tidak payah lagi kita mengadakan dewan-dewan yang berasaskan kepada perkauman seperti mana ada pada hari ini. Saya harap masa itu akan sampai nanti di mana kita dapat mengadakan satu sahaja dewan untuk mewakili semua orang-orang Malaysia di negara kita.

Menjawab soalan yang kedua, saya akan berikhtiar untuk mengadakan Pejabat-pejabat—Cawangan Kementerian saya di beberapa tempat dan menempatkan pegawai-pegawai kita dengan lebih banyak yang dapat memberi penerangan yang lebih lanjut seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi sementara itu, saya berharap dengan kerjasama daripada Dewan-dewan Perniagaan Melayu dan juga lain-lain Dewan maka dapatlah kita menghamburkan segala penerangan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian

sedar bahawa selama ini kurang benar orang-orang Melayu dapat ataupun boleh menjadi ejen atau pun mewakili penjual barang-barang di daerah-daerah di negeri-negeri, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil tindakan dengan menyeru ataupun meminta Dewan Perniagaan Cina melateh orang-orang Melayu dalam hal yang tersebut, jika ada, sila beri keterangan?

Tuan Mohamed Khir Johari: Mengikut maklumat-maklumat yang saya dapati, memang beberapa tempat sudah pun dijalankan dan seperti mana saya katakan tadi, saya berharap apa yang sedang dijalankan itu akan dilipat gandakan lagi di masa yang akan datang termasuklah melantek wakil-wakil pembahagi dalam beberapa barang dalam negeri kita ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa untuk menjadi wakil-wakil atau pun menjadi ejen dalam melaksanakan satu-satu barang perniagaan perlu ada pengetahuan yang tersebut, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengarahkan supaya Dewan-dewan Perniagaan Cina melateh orang-orang Melayu bagi membolehkan mereka menjadi ejen-ejen dalam bidang perniagaan yang berkenaan?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya belum lagi membuat arahan tentang perkara itu, tetapi Pusat Daya Pengeluaran Negara (National Productivity Centre) di bawah Kementerian saya telahpun mengadakan kursus-kursus secara prektikal yang mana kita telah jemput saudagar-saudagar yang terkenal di dalam bidang-bidang yang tertentu untuk mengajar orang-orang peniaga bumiputra di dalam berbagai-bagai bidang. Dan saya bercadang hendak melipat gandakan lagi kursus dan seminar seperti ini, kerana saya dapati bahawa kursus yang semacam ini sangatlah memberi faedah kepada bumiputra kita yang maseh kurang pengalaman di dalam perniagaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan yang mulia ini tentang contoh adanya orang-orang Melayu

yang menjadi ejen atau pun wakil dalam bidang perniagaan motokar, basikal dan tayar?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya hendak memberi jawapan yang tepat dan saya berkehendakkan notis dalam soalan ini. Sunggohpun saya tahu berkenaan dengan basikal dan sebagainya, tetapi biarlah saya beri satu jawapan yang lengkap pada satu masa akan datang.

LESEN-LESEN MENGIMPOT GULA—BILANGAN

10. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan lesen-lesen mengimpot gula mentah yang dikeluarkan hingga sekarang dan nama pemegang-pemegang lesen itu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di Pertua, pengimpotan gula mentah adalah di kawal dan lesen-lesen untuk mengimpotnya dikeluarkan kepada pekilang-pekilang tempatan yang menggunakan gula mentah dari luar negeri sebagai bahan untuk mengeluarkan gula pasir. Pekilang-pekilang tempatan ini ialah Syarikat Kilang Gula Tanah Melayu Sdn. Bhd. di prai dan Syarikat Central Sugars Berhad di Batu Tiga. Mengikut rekod-rekod yang ada di Kementerian saya sebanyak 31 lesen-lesen impot telahpun dikeluarkan kepada kedua-kedua syarikat tersebut untuk mengimpot gula mentah dalam tahun 1971 dan hingga bulan Jun, 1972. Dari jumlah lesen-lesen yang telah dikeluarkan itu Syarikat Kilang Gula Tanah Melayu Sdn. Bhd. telah diberi 17 lesen dalam tahun 1971 dan 5 lesen dalam tahun 1972 hingga bulan Jun. Syarikat Central Sugars Berhad telah diberi 8 lesen dalam tahun 1971 dan 1 lesen pada tahun 1972.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah dalam jangka panjang Kementerian ini bahawa satu masa akan datang kita tidak mengimpot lagi gula-gula mentah dari luar negeri dengan sebab negeri ini telah membuat perusahaan ladang-ladang tebu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Itulah harapan kita, Tuan Yang di Pertua.

PENGANGGURAN DI-SARAWAK— LANGKAH MENGATASI

11. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa bilangan orang-orang yang tidak bekerja di Sarawak sedang bertambah oleh kerana jatuhnya harga getah dan kayubalak, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya sedar bahawa bilangan orang-orang yang menganggur di Sarawak adalah makin bertambah. Tetapi pengangguran ini bukanlah sahaja disebabkan oleh kejatuhan harga getah dan balak. Walau bagaimanapun pekerja-pekerja balak yang diberhentikan adalah ditempatkan dalam pekerjaan-pekerjaan lain.

Mengenai langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian saya bagi memperbaiki keadaan pengangguran, kami telah menerangkan langkah-langkah itu di dalam jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Tuan Edmund Langu anak Saga.

Untuk maklumat Dewan ini, bilangan pendaftar-pendaftar pencari kerja di Pejabat-pejabat Pekerjaan di Kuching, Sibuan dan Miri yang belum mendapat pekerjaan sehingga 31-7-72 hanya sebanyak 2,998 orang sahaja.

Dr A. Soorian: Adakah Kerajaan mengambil langkah-langkah atau tindakan untuk membina perusahaan-perusahaan untuk mengatasi pengangguran di kawasan Sarawak?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di Pertua, saya telah jawab tadi mengatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini iaitu dalam masa jawapan yang lalu yang mana latehan-latehan juga diberi kepada penduduk-penduduk di negeri itu.

Tuan V. David: Tadi kita sudah mendapat jawapan dalam Dewan ini yang mengatakan bahawa ada juga di tiap-tiap daerah orang-orang yang mendaftarkan nama mereka di Employment Exchange yang tidak ada kerja. Ini bukan jawapan kepada soalan ini. Kami

mahu tahu dalam masa berapa lama Kerajaan boleh memberi jaminan supaya orang-orang yang hilang pekerjaan dalam ladang-ladang getah boleh mendapat kerja, ataupun berapa orang sekarang Kerajaan sudah memberi pekerjaan kepada orang-orang yang hilang pekerjaan di ladang-ladang getah?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di Pertua, Kementerian ini sedar atas pejabat-pejabat pekerjaan, tetapi tanggungan ini bukanlah tanggungan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sahaja bahkan termasuk juga Ahli-ahli Pembangkang untuk bekerjasama dengan pejabat pekerjaan bagi mendapatkan pekerjaan-pekerjaan yang banyak mereka itu mendaftarkan diri di pejabat-pejabat pekerjaan?

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, bukan Parti Pembangkang yang memegang pemerintahan. Kalau kita memegang pemerintahan, soal ini kita selesaikan. Tetapi sekarang Kerajaan Perikatan mestilah memberi jaminan bagaimana hendak beri full employment dalam negara kita. Kuasa itu ada dalam tangan Kerajaan Perikatan. Saya minta supaya Kerajaan Perikatan beri jawapan dalam Dewan ini bagaimana mahu menyelesaikan perkara ini di Sarawak di mana beribu-ribu orang hilang pekerjaan disebabkan harga getah telah turun dan ramai orang yang bekerja dalam ladang-ladang getah sudah hilang pekerjaan mereka.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, soalan daripada Ahli Yang Berhormat itu bukan ada sangkut-paut dengan soalan yang ditanya oleh Tuan Joseph Valentine Cotter. Sungguhpun begitu, tujuan Kerajaan Perikatan ialah hendak memberi pekerjaan kepada semua rakyat. Apa yang rakan saya minta pertolongan daripada Parti-parti Pembangkang, lebih-lebih lagi Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat, itu tak usahlah bercakap banyak, dan ini akan menakutkan mereka tanam modal (invest) dalam negeri ini. Ini berkait juga mengenai trade union dan lain-lain sungguhpun ada social justice dalam negara kita.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, barangkali Menteri Buruh sudah salah faham. Dalam dunia ini yang mana ada kilang-kilang yang lebih seperti di France, Amerika, England, ada kesatuan-kesatuan yang kuat.

Fasal apa, kalau tidak ada kesatuan dalam negara itu, siapa yang membawa modal pun, dia takut. Dengan kerana itu, saya ingat kesatuan di sini tidak kuat, dan mereka yang hendak menanam modal di negara kita, dia pun takut, dia lari, dia tidak berharap kepada Kerajaan. Menteri telah memberi jawapan bagaimana Kerajaan mahu menyelesaikan perkara unemployment ini. Ini bukan soal Parti Pembangkang boleh buat. Ada orang-orang yang sudah mendaftarkan nama di Pejabat-pejabat Buruh selama tiga empat tahun tidak mendapat kerja. Ini soal yang besar dan kami berharap kepada Kerajaan tolong beri jawapan atas perkara ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, kita pun sedar Parti Pembangkang tidak boleh buat apa-apa selain daripada membuat statement. Apa yang Kerajaan buat adalah dalam Rancangan-rancangan Malaysia Yang Kedua.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat ada memberi contoh mengenai kesatuan-kesatuan di Great Britain dengan United States. Kita di sini tahu apa sudah jadi dalam United States dan Great Britain. Tak usahlah kita import apa yang ada di sana dan memberi susah kepada rakyat di negara kita disini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, tadi Menteri Buruh menyatakan pehak Pembangkang tahu buat statement sahaja. Adakah Menteri yang berkenaan sedar Parti Perikatan telah memerintah selama 17 tahun mulai daripada tahun 1955 dan makin lama makin bertambah pengangguran. Adakah Menteri sedar?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, itu bukan salah Kerajaan Perikatan, itu adalah population yang sudah ada sebelum Parti Perikatan memerintah negeri ini. (*Ketawa*).

Tuan V. David: Jawapan yang semacam hendak lari daripada soalan.

Timbalan Menteri Buruh (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di Pertua, adakah Ahli Yang Berhormat dari Batu sedar tiap-tiap kali pilihanraya Perikatan menang, bermakna rakyat dalam negeri ini memberi sokongan yang penuh kepada dasar Perikatan. Adakah Ahli Yang Berhormat itu sedar?

Dr A. Soorian: Tuan.

Tuan Yang di Pertua: Nanti dahulu! Ini soalan daripada sebelah sana belum dijawab. (*Ketawa*)

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, kami mahu memberitahu Parti Perikatan bukan tiap-tiap hari Sunday, bukan selalu Sunday, mesti boleh jadi Monday, tidak susah.

Tuan Yang di Pertua, Parti Perikatan ini jangan ingat ada mandate cukup boleh buat apa-apa suka dia boleh menjalankan Kerajaan, tetapi apa yang mandate rakyat beri, mereka pun boleh tarek baiek. Soalan bagaimana Kerajaan mahu selesaikan perkara unemployment tetapi Menteri Buruh tidak ada jawab, dia selalu tunjukkan Buku Rancangan Malaysia Yang Kedua, Rancangan Lima Tahun ini. Ini semua orang tahu selalu dalam talivisyen, dalam surat khabar, macam advertisement kita ada dengar. Tetapi berapa jauh Kerajaan ada menjalankan atas employment programme ini? Tetapi sampai sekarang ada ikut progame itu, ramai orang sudah dapat kerja, tetapi setengah pun tidak dapat. Itulah satu soalan yang kami mahu Kerajaan tolong beri jawapan.

Tuan Yang di Pertua: Saya suka supaya Ahli Yang Berhormat jangan cakap menjerit kuat-kuat sangat, pecah microphone ini! (*Ketawa*)

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan beberapa kali sudah pun memberitahu apakah rancangan dan berapa orang yang mendapat kerja. Tetapi Ahli Yang Berhormat tidak pun mahu dengar. Saya percaya pada masa yang akan datang, saya sendiri hendak bawa Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat tengok ke fakteri-fakteri yang baharu di mana atas kepercayaan Parti Perikatan, Kerajaan Perikatan, banyak fakteri-fakteri memberi peluang pekerjaan dan telah banyak orang mendapat pekerjaan.

Tuan V. David: Ini rakyat mahu tunjuk kepada tourists daripada luar negeri. Saya duduk di sini, orang Kuala Lumpur. Soal berapa orang yang dapat kerja, tidak dapat. Beribu-ribu orang tiap-tiap hari, pagi-pagi dia sampai ke Pejabat Buruh mahu mendaftar nama. Orang yang sudah mendaftar menunggu tiga empat tahun tidak dapat kerja.

Ini juga Kerajaan mahu jawab bagaimana mahu beri mereka pekerjaan? Mereka sudah menunggu tiga empat tahun.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, itulah yang saya cakap tadi. Saya cakap kita pun tahu ada 150,000 orang lebeh kurang yang mendaftar nama untuk mencari kerja. Saya minta Ahli Yang Berhormat tak usahlah bercakap banyak. Investors boleh datang ke negeri ini dan boleh memberi peluang kerja.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, investors bukan takutkan kita, mereka takut kepada Kerajaan Perikatan, fasal apa mereka mahu tanam modal dan Ketua-ketua Parti Perikatan mahu saham dalam investment itu.

Tuan Yang di Pertua: Tidak payah jawab soalan itu, sebab kalau tidak mendengar nasihat saya, saya tidak izinkan lagi bertanya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di Pertua: Tambahan apa lagi? (*Ketawa*).

BAHAN KIMIA DAN RACUN— PENGUNAAN

12. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar atas masalah-masalah berikut yang menyebabkan kegelisahan orang ramai, dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasinya:

- (i) penggunaan bahan kimia dan racun oleh petani-petani telah menyebabkan ikan-ikan sawah menjadi mangsa dan memberhentikan pembiakannya; dan
- (ii) penyemburan baja bercampur kimia oleh pekebun-pekebun sayur telah menyebabkan sayuran dan tanamannya beracun dan membahayakan manusia.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua,

- (i) Kegunaan kimia-kimia, pertanian dan racun-racun serangga untuk mengawal musuh-musuh padi ialah satu teknologi yang moden untuk menjaga pengeluaran

hasil padi yang lebeh. Kematian ikan di sawah boleh dikurangkan atau dielakkan langsung sekiranya peladang-peladang padi menggunakan kimia-kimia pertanian atau racun-racun serangga dengan cermat. Perkhidmatan Perkembangan Kementerian Pertanian dan Perikanan sentiasa memberi nasihat dan menunjukkan kepada peladang-peladang padi bagaimana kedua-dua aktiviti iaitu menambah pengeluaran padi dan pemeliharaan ikan boleh dijalankan dengan berfaedah kepada peladang-peladang.

- (ii) Sebenarnya bukan semua racun serangga yang dipasarkan kepada peracun. Ada beberapa racun serangga yang tidak merbahaya kepada manusia sekiranya digunakan mengikut cara-cara menggunakan racun-racun itu. Walau bagaimanapun Perkhidmatan Perkembangan Kementerian Pertanian dan Perikanan sentiasa memberikan tunjuk cara dan memberi nasehat kepada peladang-peladang am bagaimana racun-racun serangga patut digunakan untuk mengawal musuh-musuh tanaman. Satu Akta Racun Serangga akan di bawa ke Parlimen supaya pemasaran dan penggunaan racun-racun serangga boleh di kawal.

PADI—MEMPERBAIKI MUTU TANAMAN

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa peladang-peladang yang mempunyai sawah tidak lebeh daripada dua ekar tidak bersetuju dengan rancangan penanaman padi dua kali setahun kerana hasil pendapatannya tidak seimbang dengan kerja-kerja yang mereka lakukan; dan
- (b) apakah langkah-langkah positif yang akan diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki mutu padi untuk tanaman sekali setahun kepada petani-petani seumpama ini.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Saya tidak mengetahui ada peladang-peladang yang mempunyai sawah kurang dari dua ekar tidak bersetuju

menanam padi dua kali setahun. Sebaleknya minat peladang-peladang tentang menanam padi dua kali setahun adalah amat memuaskan.

Keterangan Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur bahawa hasil pendapatan padi tidak seimbang dengan kerja-kerja peladang itu pun tidak benar. Hasil pendapatan dari tanaman padi bukan bersangkut dengan luas sawah yang diusahakan oleh seseorang peladang. Sekiranya peladang-peladang mengikut cara-cara menanam padi yang baik seperti yang diberi oleh Perkhidmatan Perkembangan Kementerian serta menggunakan baja dan lain-lain hasil pendapatan sawah adalah sama tinggi tidak kira luas sawah yang ditanam sama ada seekar atau 10 ekar.

- (b) Kementerian saya sentiasa menggalakkan peladang-peladang padi berusaha untuk meninggikan dan memperbaiki mutu hasil tanaman mereka tidak kira mereka menanam padi dua kali atau pun sekali setahun. Langkah-langkah positif sentiasa dijalankan oleh Kementerian saya sebagai menasehat dan menggalakkan petani-petani supaya menggunakan benih yang terpilih mutunya seumpama padi Mahsuri, Bahagia, Ria dan sebagainya. Mengawal musuh-musuh padi seperti tikus, pianggang, ulat batang dan yang menyerang tanaman-tanaman.

Kementerian saya bukan hanya mengambil berat untuk memperbaiki mutu padi dalam kawasan tanaman sekali setahun rancangan-rancangan bantuan ladang bagi menanam jagung, kacang tanah, ubi, keledek dan tanaman-tanaman tahunan pada luar musim padi untuk meninggikan hasil pendapatan mereka.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Hingga setakat ini dalam kemajuan padi, adakah telah didapati oleh Kementerian ini jenis padi yang boleh kita tanam 3 kali setahun di setengah-setengah kawasan?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, setakat ini belum ada, tetapi penyelidikan yang terus-menerus akan diadakan dan kita harap bukan sahaja 3 kali setahun, tetapi 6 kali setahun.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sangat sibuk di Kuala Lumpur, dia tak sedar keadaan di Jelevu, Pulau-pulau dan Pantai di mana ramai orang mengadu mengatakan tanahnya sangat kecil—satu ekar, 2 ekar tanam dua kali setahun tak boleh berjaya dan hasil sangat kurang. Bolehkah Yang Berhormat Menteri itu kalau ada masa senang pada satu hari bersama-sama saya pergi menjemput orang itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu sendiri tidak faham, kerana beliau duduk di Seremban dan tak pernah masuk ke sawah. Sebenarnya saya baharu sahaja balek dari Jelevu dan Jelevu boleh dikatakan padi yang paling tinggi hasilnya dalam Negri Sembilan dan Jelevu adalah pertama kali menanam padi 2 kali setahun. Dan begitu juga di pantai Sawah yang tidak jadi di Pantai itu bukan kerana mereka tak hendak menanam padi 2 kali setahun, tetapi masalah ada mengenai air dan setengah-tengah daripada penduduk-penduduk Pantai sendiri tidak duduk di kampung itu lagi dan dengan kerana itu tanah itu terbiar.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Kementerian Pertanian dan Perikanan ini sedar iaitu ada banyak kawasan-kawasan sawah padi dalam negara kita ini yang tidak ada termasuk di dalam kawasan perbentengan air. Dengan ini maka pesawah-pesawah tidak dapat membuat sawah atau pun menanam padi walaupun barangkali pada tiap-tiap tahun jarang sekali tetapi ada kadang-kala 2 tahun baharu dapat ditanam padi ini satu kali sahaja. Ini merugikan dalam masalah penanam-penanam padi. Adakah rancangan Kementerian Pertanian dan Perikanan supaya dapat menukar sawah-sawah yang tidak dapat ditanam padi samada 2 tahun atau 3 tahun itu, tanah-tanah itu ditukar kepada tanaman-tanaman yang lain. Kalau ada, sudahkan benda itu dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Perikanan, umpamanya tanaman kelapa dan tanaman yang boleh mendatangkan hasil lebih lumayan daripada padi?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, memang ada rancangan yang seumpama itu, tetapi ini terpulanglah kepada tuan-tuan punya tanah itu sendiri. Kalau sekiranya tanah itu tidak ada harapan lagi untuk mendapatkan air, maka Kementerian Pertanian dan Perikanan memang menggalakkan supaya ditukar daripada menanam padi kepada tanaman-tanaman yang lain. Saya telah berkata tiga empat hari dahulu dalam Parlimen, Kerajaan memang tidak lagi hendak membuka sawah-sawah yang luas untuk tanaman padi ini kerana tanaman padi dua kali setahun terlalu sangat berjaya daripada yang diduga. Jadi penambahan hasil padi sekarang ini terlalu banyak dan jika ada sawah-sawah yang kekeringan air yang tidak ada harapan untuk mendapatkan air yang baik memang digalakkan untuk menanam barang-barang yang lain daripada padi.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar, sungguhpun Kerajaan ada banyak cakap dan ada cakap satu ekar boleh dapat 1,200 gantang setahun kalau tanam dua kali, tetapi penduduk-penduduk di Jelevu ada satu kemajuan boleh mendapat 750 atau 800 gantang sahaja satu tahun. Kalau awak sedar, apakah langkah awak boleh beri kepada orang-orang itu

Tuan Yang di Pertua: Awak itu siapa?

Dr Chen Man Hin: Minta maaf, Yang Berhormat Menteri, apakah langkah boleh diberikan kepada mereka untuk menaikkan hasil pendapatan mereka?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Saya memang menyedari bahawa pendapatan yang dikatakan 1,000 kepada 1,200 gantang itu boleh didapati di Tanjong Karang, tetapi di tempat lain seumpama di Jelevu memang antara 600-700 dan 800 gantang satu ekar. Ini, Tuan Yang di Pertua, adalah bergantung kepada keadaan tanah di tempat itu dan juga benih-benih yang sesuai dengan keadaan tanah di tempat itu sendiri. Walaubagaimanapun, memanglah menjadi satu kewajipan Kementerian ini menasihatkan petani-petani menanam dari benih yang baik yang diberi oleh Kementerian Pertanian dan Perikanan melalui Jabatan Pertanian sendiri. Saya tidak dapat menjelaskan di sini apakah di tempat seumpama di Jelevu itu boleh

dapat 1,000 gantang satu ekar atau tidak belum dapat dipastikan. Akan tetapi Kementerian Pertanian dan Perikanan sentiasa memberi nasihat, galakan dan pimpinan kepada petani-petani kampung supaya dapat menambah hasil padi sebanyak-banyak yang boleh.

MARDI—PENYELIDEKAN TANAMAN BUAH-BUAHAN

14. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada MARDI akan menjalankan penyelidekan tentang buah-buahan Sarawak untuk menentukan bekalan sepanjang tahun pada masa yang akan datang.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, saya telah memberi arahan kepada MARDI supaya menyelideki tanaman buah-buahan sepanjang tahun di Malaysia Barat. Apabila hasil dari penyelidekan itu telah didapati percubaan tanaman akan dijalankan di Sarawak untuk menentukan kesesuaian jenis tanaman-tanaman yang boleh diusahakan.

PENERUKA-PENERUKA FELDA— MENGHAPUSKAN BAYARAN FAEDAH

15. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan kadar faedah yang dikenakan oleh Kerajaan kepada peneruka-peneruka di rancangan-rancangan FELDA; dan sama ada Kerajaan bercadang hendak menghapuskan bayaran faedah ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di Pertua, World Bank memberikan pinjaman wang kepada FLDA dengan interest sebanyak $7\frac{1}{2}\%$ sedangkan FELDA mengambil interest daripada settlers hanya $6\frac{1}{4}\%$ sahaja. Ini menunjukkan ada subsidi sebanyak $1\frac{1}{4}\%$ dan Kerajaan tidak bercadang hendak menghapuskan interest tersebut.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, tadi Menteri yang berkenaan telah menyatakan bahawa Kerajaan telah membantu atau subsidi peserta-peserta di FELDA sebanyak $\frac{1}{4}\%$. Bolehkah Menteri yang berkenaan mengurangkan atau bercadang

membantu atau subsidies peserta-peserta bukan $\frac{1}{4}\%$ tetapi lebih lagi, umpamanya $\frac{1}{2}\%$ untuk mengurangkan interest yang di bayar oleh peserta-peserta.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kalau Ahli Yang Berhormat daripada Batu minta kurang $\frac{1}{2}\%$, maka Kerajaan Perikatan lebih lagi bertimbang rasa lagi kerana saya sebut tadi " $1\frac{1}{4}\%$ ".

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, saya tak berapa dengar apa yang dikatakan oleh Menteri yang berkenaan. Kalau sekiranya beliau menyatakan sekarang Kerajaan telah membantu peserta-peserta sebanyak $1\frac{1}{4}\%$, maka saya mencadangkan Kerajaan membantu peserta-peserta sebanyak $1\frac{1}{2}\%$.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya tak fikir benda seperti itu boleh dijalankan, sebab saya tak percaya Parti PEKEMAS boleh memerintah Malaysia.

JAMBATAN DI KUALA SELANGOR— KELEWATAN PEMBENAAN

16. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kerjaraya dan Tenaga menyatakan samada beliau sedar bahawa jambatan yang dicadang di Kuala Selangor masih belum dimulakan pembinaannya walau pun beliau telah berjanji di Dewan ini setahun setengah yang lalu bahawa pembinaannya akan dimulakan pada awal tahun 1972, jika sedar bilakah jambatan ini akan dibina.

Menteri Kerjaraya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di Pertua, sebelum memulakan pembinaan jambatan tersebut, beberapa perkara seperti kajian tanah dan rekabentuk haruslah dijalankan terlebih dahulu. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kajian-kajian tanah telah pun diselesaikan dan rekabentuk terakhir akan dijangka siap sebelum akhir tahun ini. Adalah dijangkakan bahawa pembinaannya akan dapat dilakukan pada awal tahun 1973.

Tuan Yang di Pertua, disini saya ingin, menjelaskan yang Kementerian saya tidak ada menyatakan atau pun berjanji pembinaannya akan dimulakan pada awal 1972 ini. Apa yang saya katakan dalam soalan Ahli Yang Berhormat mengenai hal ini pada 11hb Januari, 1972, ialah sebuah konterek

bagi penyiataan tanah telahpun ditawarkan dan rekabentuk kejuruteraan bagi jambatan itu oleh JKR adalah dijangka siap lewat tahun 1972. Tawaran untuk pembinaan sebetulnya akan dijemput selepas sahaja penyiapan rekabentuk dan pembinaan adalah dijangka mengambil masa dua tahun.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 17 hingga 43 adalah diberi dibawah ini).

JAMBATAN TETAP MENGGANTIKAN PERKHIDMATAN FERI

17. Tuan Tai Kuan Yang minta Menteri Kerjaraya dan Tenaga menyatakan bilakah sebuah jambatan yang telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Pertama akan dibina menyeberangi Sungai Krian di antara Bandar Bharu dan Parit Buntar sebagai mengganti perkhidmatan feri yang ada sekarang.

Menteri Kerjaraya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Peruntukan bagi membina jambatan tetap di tempat yang disebutkan itu adalah tidak menguntungkan melihat dari segi ekonomi pada masa ini. Tambahan pula perkhidmatan feri yang ada sekarang ini adalah mencukupi untuk mengendalikan lalulintas yang ada di kawasan tersebut.

LEBAR JALAN MENGIKUT UKURAN

18. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerjaraya dan Tenaga menyatakan:

- (a) lebarnya yang dikehendaki bagi sesuatu jalan itu sebelum Kerajaan Pusat dapat memberi geran-geran jalan kepada Kerajaan Negeri; dan
- (b) samada Kerajaan Pusat akan mengurangkan lebar yang dikehendaki untuk membolehkan negeri mendapat geran-geran jalan dari Kerajaan Pusat.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:

- (a) Jalan yang luasnya 14 kaki serta seluas 5 kaki tambahan di kiri kanan-nya adalah layak untuk menerima "grant" daripada Kerajaan.

- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian memandangkan kepada jumlah lalulintas yang menggunakan jalan raya semakin bertambah.

ELAUN PAKAR—KESILAPAN MEMBAYAR LEBIH

19. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau terhadap kesilapan pembayaran berlebihan elaun pakar berjumlah \$157,300 kepada doktor-doktor; dan
- (b) memandangkan bahawa kesilapan itu telah dibuat oleh pegawai-pegawai di Kementerian beliau, samada jumlah ini boleh dihapuskan (write-off) sahaja.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Sioh Yew): Dengan sebab silap terjemahan surat pekeliling perkhidmatan, maka terjadi pembayaran lebih keatas elaun pakar yang berjumlah sebanyak \$157,300. Semua pegawai-pegawai yang berkenaan adalah memangku jawatan tertinggi dan mereka telahpun disahkan di dalam jawatan tersebut, di mana mereka mengisinya dengan cara memangku. Kementerian telahpun memohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membolehkan pegawai-pegawai pakar yang berkenaan diberi pembayaran kebelakangan mulai dari tarikh mereka disahkan dalam jawatan tertinggi itu, tetapi permohonan ini telah tidak mendapat kelulusan. Semua Pengarah dan Ketua Yayasan telahpun diberitahu supaya mematuhi kepada kandungan surat pekeliling tersebut.

Walau bagaimanapun tindakan lain telah pun diambil supaya pegawai-pegawai yang berkenaan dapat membayar semua pembayaran yang berlebihan itu.

HOSPITAL BARU SITIawan—PEMBINAAN

20. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah hospital yang baru akan dibina di Sitiawan, berapa anggaran wang yang akan dibelanjakan, di mana letaknya hospital ini dan bila akan disiapkan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Hospital daerah baru di Sitiawan adalah dijadualkan pembinaannya dalam tahun 1974. Anggaran jumlah perbelanjaan yang telah diluluskan bagi hospital ini ialah \$3.4 juta. Tapak bagi hospital ini telahpun diperolehi di bahagian luar perbandaran Sitiawan. Adalah dijangka bahawa pembinaan hospital ini akan mengambil masa selama dua tahun.

KOMPLEKS HOSPITAL IPOH— PERBELANJAAN

21. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah perbelanjaan bagi kompleks Hospital Ipoh dan bilakah ia dijangka siap.

Tan Sri Lee Siok Yew: Anggaran perbelanjaan Hospital Besar Ipoh ialah \$23 juta. Tender-tender untuk kerja piling telah ditutup dan kerja-kerja dijangka akan bermula pada bulan September. Dijangka Hospital itu akan siap dengan lengkapnya pada hujung 1975.

TUNGGAKAN GAJI GURU-GURU

22. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah yang menyebabkan kelambatan membayar tunggakan kepada beribu guru yang telah memilih Sekim Aziz; dan
- (b) bilakah tarikh muktamad pembayaran-pembayaran tunggakan itu boleh dilaksanakan.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Datuk Onn):

- (a) Bilangan guru-guru yang terlibat adalah lebih kurang 61 ribu orang dan dalam pembayaran tunggakan gaji ini beberapa peraturan tertentu mesti diikuti umpamanya menyediakan laporan perubahan, paysheet, voucher dan sebagainya. Walaubagaimanapun setakat ini, lebih daripada 75% guru-guru telah menerima tunggakan-tunggakan mereka.
- (b) Saya belum lagi menetapkan tarikh muktamad pembayaran-pembayaran tunggakan itu kepada guru-guru. Walaubagaimanapun adalah dijangka bagi pembayaran-pembayaran tersebut akan dibayar sebelum akhir tahun ini.

SEKOLAH IZZUDDIN SHAH DAN SEKOLAH RAJA PEREMPUAN TAA- YAH—MENGAMBIL ALIH

23. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerianannya menerima tuntutan penuntut-penuntut Sekolah Izzuddin Shah dan Sekolah Raja Perempuan Taayah di Ipoh supaya Kementerianannya mengambil alih pentadbiran sekolah-sekolah itu daripada Kerajaan Negeri.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Tidak.

SETIAUSAHA AGUNG KESATUAN KEBANGSAAN GURU-GURU— BANTAHAN

24. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru telah membantah terhadap rayuan yang dibuat oleh beliau meminta Kesatuan itu supaya jangan membincangkan perkara-perkara cuti dan perkhidmatan dengan ahli-ahli politik; dan
- (ii) memandangkan bahawa beliau telah bersetuju membincangkan perkara-perkara cuti dan perkhidmatan dengan MCA, samada beliau akan berbuat demikian dengan parti-parti politik yang lain.

Tuan Hussein bin Datuk Onn:

- (i) Selain daripada membaca beritu itu dalam surat kabar saya tidak menerima sebarang perhubungan secara bertulis daripada Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru yang membuat bantahan itu.
- (ii) Saya bersedia membincangkan sebarang perkara berkaitan dengan perkhidmatan guru dengan sebarang Wakil Rakyat yang bertanggungjawab jika perkara itu memberi faedah kepada perkhidmatan perguruan.

RADIO MALAYSIA SABAH— SIARAN TERGENDALA

25. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Tugas-Tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa penyiaran Radio Malaysia Kuala Lumpur menerusi Radio

Malaysia Sabah pada 2hb Jun, 1971, telah tergendala selama 7 minit dan dalam masa itu sepatutnya disiarkan warta berita tepat pada pukul 7.00 pagi waktu Malaysia Timur.

Menteri Tugas-Tugas Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Memanglah benar bahawa siaran Radio Malaysia Kuala Lumpur menerusi Radio Malaysia Sabah pada 2-6-72 telah tergendala selama 7 minit tetapi ini bukanlah sengaja dibuat, tetapi disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk yang mengakibatkan satu siaran yang tidak boleh didengari.

MEMBACA RUKUNEGARA MENERUSI TV

26. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Tugas-Tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada beliau akan menimbangkan supaya Rukunegara dibaca beramai-ramai oleh berbilang bangsa rakyat Malaysia menerusi TV pada tiap-tiap petang selepas lagu Negaraku kerana ini akan lebih menanamkan semangat taat setia kepada Negara Malaysia berpandu kan prinsip-prinsip Rukunegara.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Kementerian Penerangan tidak akan membuat rancangan khas untuk membaca Rukunegara menerusi TV tiap-tiap petang kerana tidak difikir perlu berbuat demikian. Maksud kita bukan melafazkan Rukunegara tetapi mengetahui maknanya. Bagaimanapun beberapa lagu Rukunegara yang telah dicipta oleh pencipta-pencipta tempatan selalu disiarkan menerusi Radio.

BAHASA DAYAK SELAKO— SIARAN DI RADIO MALAYSIA SARAWAK

27. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Tugas-Tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada beliau akan memasukkan rancangan berita Bahasa Dayak Selako di Radio Malaysia Sarawak.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Kementerian Penerangan tidak akan menyiarkan bahasa Dayak Selako menerusi Radio Malaysia Sarawak.

GAJI GURU-GURU— KELEWATAN MEMBAYAR

28. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ada perasaan tidak puas hati di kalangan guru-guru oleh kerana setengah-setengah daripada mereka tidak dibayar gaji-gaji mereka pada tiap-tiap hujung bulan kadang-kadang selepas enam bulan; jika ya, apakah langkah-langkah yang Kementerian beliau bercadang hendak ambil supaya tidak ada kelewatan membayar gaji-gaji mereka.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Saya tidak sedar bahawa guru-guru telah tidak dibayar gaji mereka pada penghujung bulan. Jika kelewatan membayar berlaku guru-guru berkenaan boleh berhubung dengan Pejabat Pelajaran Negeri atau Kementerian saya yang akan mengkaji kelewatan pembayaran tersebut untuk membetulkannya.

SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL)

29. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) jumlah Sekolah-Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Malaysia Barat;
- (ii) jumlah murid-murid sekolah-sekolah ini;
- (iii) jumlah guru-guru di sekolah-sekolah ini; dan
- (iv) apakah langkah-langkah sedang diambil untuk meninggikan taraf ajaran dan pelajaran di Sekolah-Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) ini.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Jawapan bagi soalan-soalan itu adalah seperti berikut:

- (i) 647 buah sekolah.
- (ii) 77,192 murid.
- (iii) 3,248 orang guru.
- (iv) Memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk memperbaiki serta meninggikan mutu pelajaran dan pengajaran disemua sekolah tanpa mengira apa jua bahasa pengantarnya. Satu daripada jalan ialah dengan menempatkan guru-guru yang terlatih dan mempunyai kelulusan yang lebih baik. Di samping itu peluang telah juga diberi kepada guru-guru sementara yang tidak terlatih mengikuti kursus-kursus yang akan meninggikan

lagi kebolehan mereka. Sambil itu guru-guru dari sekolah-sekolah Tamil juga dijemput menghadiri segala kursus Projek Khas pengajaran sains dan ilmu hisab yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran.

KURSUS BAHASA MALAYSIA— ADUAN GURU-GURU

30. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar akan aduan-aduan daripada guru-guru wanita yang telah berumahtangga bahawa Kursus Bahasa Malaysia selama tiga bulan di Kuala Lumpur dan Kota Bharu itu menyebabkan kesusahan besar dan mengujutkan masalah-masalah baru kepada rumahtangga mereka kerana mereka terpaksa berada jauh dari anak-anak mereka selama masa yang panjang dan jika ya, samada beliau akan menimbangkan dengan simpatinya untuk membenarkan guru-guru wanita yang telah berkahwin ini mengikuti kursus-kursus Bahasa Malaysia semasa cuti sekolah di pusat-pusat wilayah yang berhampiran dengan tempat-tempat mereka.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Ya, saya sedar. Kursus sepenoh masa diadakan di Maktab Perguruan Kota Bharu dan di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur. Di samping itu kursus-kursus dalam masa cuti sekolah juga diadakan di Maktab Perguruan Bahasa Kuala Lumpur, Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur dan di Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru. Perkara menubuhkan pusat-pusat wilayah yang berhampiran dengan guru-guru yang berkenaan tidak dapat diadakan oleh kerana kekurangan tempat penginapan dan tenaga pengajar yang cekap. Walaubagaimanapun Kementerian saya akan menimbang bagi menempatkan guru-guru yang telah berkahwin ke pusat latihan yang paling hampir.

SEKOLAH MENENGAH ATAS— BILANGAN PENUNTUT

31. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah penuntut-penuntut di Sekolah Menengah Atas pada awal tahun ini dan jumlah di antara mereka yang menerima latihan teknik dan vokesyenal.

Tuan Hussein bin Datuk Onn:

Bilangan murid-murid dalam Sekolah-Sekolah Bantuan Me-

nengah Atas pada awal tahun ini 111,197
Bilangan murid-murid tersebut di atas yang menerima latihan teknik dan vokesyenal 19,833

PAKAR-PAKAR/DOKTOR-DOKTOR/ JURURAWAT-JURURAWAT— MENGATASI KEKURANGAN

32. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa sebenarnya kekurangan pakar-pakar, doktor-doktor, dan jururawat-jururawat di Malaysia dan bagaimanakah Kerajaan dapat mengatasi masaalah kekurangan ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kekurangan pakar-pakar, doktor-doktor dan jururawat-jururawat di Malaysia mengikut perjawatan-perjawatan di dalam buku Anggaran Perbelanjaan mengurus 1972 adalah seperti berikut:

<i>Kategori Pekerja</i>	<i>Bilangan Jawatan</i>	<i>Bilangan diisi</i>	<i>Kosong</i>
Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa termasuk pakar-pakar	1,104	940	164
Pegawai-pegawai Perubatan Tingkatan Tertinggi termasuk pakar-pakar	181	168	13
Jururawat	2,516	2,158	358

Bilangan pakar-pakar diperlukan dengan segera adalah seperti berikut:

Pakar Bius	7
Pakar Telinga, Hidung dan Rongkung	3
Pakar Orthopedik	4
Pakar Sakit Otak	6
Pakar Perbidanan dan Sakitan	5
Pakar Kanak-Kanak	6
Pakar X-Ray	4
Pakar Kajipenyakit	5
Pakar Belah Mata	3

43

Tindakan bagi mendapatkan Doktor-doktor Pakar

- (i) Kementerian Kesihatan telah berusaha dan mengambil tindakan bagi mendapatkan doktor-doktor pakar dari luar negeri.

- (ii) Menghantar doktor-doktor melanjutkan pelajaran bagi kelulusan kepelajaran.
- (iii) Mengadakan pelajaran tinggi di Universiti Malaya.

Tindakan bagi mendapatkan Doktor

- (i) Doktor-doktor yang mendaftar diri akan berkhidmat dengan Kerajaan seiamam dua tahun lepas pendaftaran.
- (ii) Mengadakan Fakulti Perubatan di Universiti Kebangsaan.
- (iii) Pengambilan doktor-doktor dari luar negeri dengan kontrak atau sebagai doktor sementara.

Rombongan Pengambilan ke Pakistan telah berjaya memilih 6 Pegawai Perubatan perempuan, 1 Pegawai Kesihatan, 13 pakar-pakar dan 10 lagi Pegawai Perubatan masih dalam pertimbangan. Di antara mereka yang telah berjaya di pilih itu 3 telah pun melapurkan diri. Yang lain masih belum melapurkan diri.

Tindakan bagi membanyakkan Jururawat

Ada 5 sekolah latihan jururawat di Malaysia Barat dan 2 buah di Malaysia Timur.

2 lagi akan siap dibina di Kota Bharu dan di Ipoh. Adalah dijangka masalah kekurangan jururawat akan dapat diatasi menjelang tahun 1975.

Tindakan bagi membanyakkan Pembantu-Pembantu Jururawat

Kekurangan bilangan pembantu-pembantu jururawat akan diatasi dengan cara membanyakkan lagi pengambilan jururawat-jururawat pelatih.

BUMBUNG BANGUNAN LAPANGAN TERBANG SUBANG—KEBOCORAN

33. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kerjasama dan Tenaga menyatakan samada beliau sedar bahawa bumbung bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa, Subang, masih lagi bocor walaupun beliau telah berjanji akan mengambil tindakan segera mengenainya apabila perkara ini dibangkitkan di dalam Dewan ini setahun yang lalu, dan jika sedar, bilakah bumbung ini akan dibaiki.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Kerja membaiki bumbung di Bangunan Terminal Lapangan Terbang Subang sedang dijalankan sejak beberapa bulan yang lalu dan hampir siap. Bahan-bahan yang baru telah pun digunakan untuk mengelakkan kebocoran.

KILANG-KILANG DI KAWASAN MELAYU—PERANGKAAN

34. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah bilangan kilang-kilang yang telah dibuat dan dibangunkan oleh Kerajaan atau swasta di luar bandar yang kawasannya ramai penduduk orang-orang Melayu bagi meninggikan ekonomi mereka.

Tuan Mohamed Khir Johari: Adalah sukar untuk memberi perangkaan yang tepat berhubung dengan bilangan syarikat-syarikat yang tertubuh di kawasan-kawasan orang Melayu. Walaubagaimanapun maklumat tentang projek-projek yang diluluskan untuk mendapat taraf perintis pada dasarnya menunjukkan bahawa semenjak Januari, 1969 hingga Disember, 1971, 23 syarikat-syarikat telah pun mendirikan atau pun akan membina kilang-kilang perusahaan mereka di kawasan-kawasan luar bandar.

IMPOT-EKSPOT—KEMUDAHAN KAPADA BUMIPUTRA

35. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian memberikan kemudahan-kemudahan yang istimewa kepada bumiputra-bumiputra menjalankan perniagaan impot-ekspot barang-barang dari luar negeri, jika ya, apakah syarat-syaratnya.

Tuan Mohamed Khir Johari: Selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan bumiputra untuk mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan, Kementerian saya telah mengadakan beberapa kemudahan untuk menolong bumiputra dalam lapangan perniagaan ekspot. Bentuk-bentuk kemudahan yang diadakan oleh Kementerian saya terutama sekali menerusi Perkhidmatan Pesuruhjaya Perdagangan ini termasuk:

- (a) Menentukan kemungkinan pasaran-pasaran untuk satu-satu barang.
- (b) Mengadakan maklumat berkenaan dengan sekatan-sekatan impot, seperti

cukai impot, kuota, korentina, lambang barang dan undang pertukaran orang asing di luar negeri.

- (c) Memberi panduan terhadap pemasaran pengeluaran dengan menentukan seluran pemasaran yang tertentu.
- (d) Memberi nasihat tentang media-media yang baik untuk pengiklanan.
- (e) Memberi telahan berkenaan dengan jualan-jualan mengikut harga dan kualiti barang-barang yang bertanding.
- (f) Memberi pertolongan dalam mengadakan kontek dengan pengimpot-pengimpot seberang-laut.

Firma-firma bumiputra yang telah menjalankan atau ingin mengambil bahagian dalam perniagaan eksport adalah di nasihat berhubung terus dengan Bahagian Perdagangan Antarabangsa di bawah Kementerian saya sekiranya mereka berkehendakkan pertolongan. Kementerian saya adalah selalu bersedia untuk memberi maklumat kepada firma-firma bumiputra berkenaan dengan pertanyaan-pertanyaan perdagangan yang diterima dari seberang-laut, secara terus atau menerusi organisasi-organisasi seperti Persatuan-persatuan Dewan Perniagaan Melayu, MARA dan PERNAS.

Berikutan dengan ini, saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya ada menerima tawaran-tawaran peluang untuk mengikuti kursus-kursus dalam galakan eksport dari masa kemasa untuk ahli-ahli peniaga Malaysia daripada Kerajaan asing dan organisasi-organisasi antarabangsa. Dalam memberi sokongan kepada calon-calon dari Malaysia untuk kursus-kursus tersebut, keutamaan selalu diberi kepada calon-calon bumiputra yang mempunyai kelayakan dan pengalaman sebagaimana yang ditentukan oleh kursus-kursus tersebut.

Dalam hal impot, Perkhidmatan Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di seberang laut sedia menolong firma-firma bumiputra yang hendak mengimpot barang-barang dari negara-negara asing untuk mencari pembekal-pembekal yang boleh dipercayai atau menghubungkan mereka dengan persatuan-persatuan perdagangan yang penting di negara-negara seberang laut.

TALIPON-TALIPON DI LUAR BANDAR SARAWAK—MEMASANG

36. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau mempunyai rancangan-rancangan untuk memasang talipon-talipon awam di kawasan-kawasan luar bandar, dan jika ya, apakah rancangan-rancangan itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Jabatan Talikom sentiasa memereksa kemungkinan untuk mengadakan lebih banyak talipon-talipon awam dalam kawasan luar bandar di Sarawak. Ada cadangan-cadangan untuk tahun ini bagi memasang 12 lagi talipon-talipon seperti ini sebaik sahaja alat-alat talipon awam yang dipesan sekarang sampai.

TOPI KELEDAR—MENGENDURKAN UNDANG-UNDANG

37. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang mengendurkan undang-undang di atas pemakaian topi keledar oleh penunggang-penunggang motosikal Punjabi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Perkara ini telah pun saya terangkan di dalam jawapan saya kepada Uchapan Penangguhan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Ansun.

BACAAN RUKUNEGARA DI PANGGUNG WAYANG

38. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Tugas-Tugas Khas dan Menteri Penerangan samada boleh ditayangkan bacaan Rukunegara secara beramai-ramai oleh berbilang bangsa rakyat Malaysia di panggung-panggung wayang sebelum menayangkan gambar yang diperlihatkan kerana ini akan lebih menanamkan semangat taat setia kepada Negara Malaysia berpanduan Rukunegara.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Kementerian Penerangan tidak akan membuat rancangan khas untuk membaca Rukunegara menerusi panggung-panggung wayang kerana tidak difikirkan perlu berbuat demikian. Maksud kita bukan melafazkan Rukunegara tetapi mengetahui maknanya Bagaimanapun beberapa lagu Rukunegara yang telah dicipta oleh pencipta-pencipta tempatan selalu disiarkan menerusi Radio.

KELAYAKAN PEGAWAI-PEGAWAI IKTISAS—PERLANTIKAN

39. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa meletakkan pegawai-pegawai yang tiada mempunyai kelayakan iktisas kejawatan-jawatan adalah merugikan dan adakah benar bahawa kejadian-kejadian seperti itu biasa berlaku dalam pentadbiran negara ini; dan jika sedar, nyatakan adakah apa-apa cara bagi mengatasi kejadian-kejadian ini.

Perdana Menteri: Adalah tidak benar bahawa pegawai-pegawai telah diletakkan ke jawatan-jawatan yang mereka tidak mempunyai kelayakan iktisas yang diperlukan. Perlantikan pegawai-pegawai kejawatan-jawatan iktisas, walaupun secara sementara, adalah pada lazimnya dibuat berdasarkan kelayakan pegawai-pegawai itu sepertimana yang ditetapkan dalam sekim perkhidmatan atau iklan pengambilan yang berkenaan.

TERUSAN SEGENTING KRA— KESAN RANCANGAN

40. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan apakah persediaan yang telah dibuat oleh Malaysia berhubung dengan rancangan Negeri Thai hendak menebuk terusan di Segenting Kra dan apakah keuntungan/kerugian kepada ekonomi kita akibat rancangan seumpama itu.

Perdana Menteri: Seperti yang telah saya nyatakan dalam jawapan kepada soalan yang serupa dahulu, Kerajaan sentiasa akan memerhatikan perkembangan-perkembangan dan kemajuan-kemajuan terhadap cadangan hendak membina sebuah terusan di Segenting Kra, dan akan mengkaji kemungkinan kesan-kesan rancangan itu terhadap kedudukan ekonomi negara ini.

Hasil dari kajian-kajian itu, Kerajaan akan mengambil apa-apa langkah yang sesuai bagi memelihara dan memajukan ekonomi kita.

PERAIRAN MALAYSIA DI SELAT MELAKA

41. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar bahawa Amerika Syarikat melalui seorang wakil Presiden Nixon yang telah

datang ke Malaysia pada bulan Jun, 1972, mengiktiraf had perairan Malaysia sejauh 12 batu di Selat Melaka.

Perdana Menteri: Tidak. Perkara ini tidak dibincangkan dalam perjumpaan saya dengan wakil khas Presiden Nixon yang telah melawat Malaysia pada 30hb Jun. Walau bagaimanapun Tuan Connally telah dilapur mengatakan di dalam suatu pertemuan dengan parapemberita bahawa kedudukan Kerajaan Amerika Syarikat berkenaan dengan Selat Melaka adalah, saya turunkan di bawah ini cakupannya:

“Ini adalah perkara yang sangat penting kepada Amerika Syarikat dan juga Malaysia. Kami faham akan kedudukan Kerajaan Malaysia berkenaan perairan Selat Melaka. Ini adalah suatu perkara yang akan dibincangkan dengan mendalam di persidangan “Law of the Seas” pada tahun 1973. Amerika Syarikat semestinya-lah ingin mendapat jaminan bahawa Selat Melaka akan sentiasa dibuka kepada kapal-kapal perdagangan dan kapal-kapal perang.”

DZULKIFLI ISMAIL DAN HAMID TUAH—TAHANAN

42. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab:

- (i) Ahli Dewan Undangan Negeri, Dzulkifli Ismail ditahan terus; dan
- (ii) penahanan peneruka pemimpin Hamid Tuah; dan nyatakan bilakah mereka akan dibebaskan.

Tun Dr Ismail Al-Hajj:

- (i) Yang Berhormat Encik Dzulkifli Ismail ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960 selama 2 tahun lagi oleh kerana kegiatan-kegiatan beliau adalah memudharatkan keselamatan negara ini dan jika dibeaskan ada kemungkinan beliau akan meneruskan kegiatan-kegiatan itu. Kes beliau telah diulangkaji pada 27-7-72 oleh Lembaga Penasihat (Advisory Board) yang mengesyurkan supaya beliau terus ditahan lagi. Sungguhpun begitu, kes beliau akan diulangkaji semula mengikut peruntukan seksyen 13 Akta tersebut. Oleh

yang demikian tarikh beliau akan dibebaskan akan bergantung kepada lapuran ulangkaji itu nanti.

- (ii) Hamid Tuah ditahan oleh kerana sejak bulan Mei, 1960, beliau d'dapati mengambil bahagian yang cergas dan dengan sengaja menghasut segulungan orang-orang Melayu melanggar Undang-undang serta menduduki tanah Kerajaan Negeri tanpa kebenaran. Beliau hanya akan dibebaskan apabila beliau benar-benar mengubah sikap dan memperakui tidak akan berbalik kepada kegiatan-kegiatannya yang lampau.

PERNAS—NILAI HASIL PERNIAGAAN

43. Dr S. Seevaratnam minta Perdana Menteri menyatakan nilai hasil perniagaan (turnover of business) yang telah dijalankan oleh (i) PERNAS; dan (ii) Syarikat-syarikat PERNAS kecil sejak ianya ditubuhkan.

Perdana Menteri: PERNAS atau Perbadanan Nasional Berhad ialah sebuah syarikat berhad dan semua syarikat-syarikat dalam kumpulannya adalah syarikat-syarikat sendiri berhad yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat-syarikat tahun 1965.

Bukanlah menjadi kebiasaan bagi syarikat-syarikat seumpama ini mengumumkan maklumat mengenai nilai hasil perniagaannya. Pihak Kerajaan tidak berniat mengecualikan PERNAS dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya daripada kebiasaan yang dijalankan oleh sektor swasta.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PASARAN DAN PELESEN GETAH MALAYSIA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (16hb Ogos, 1972).

Dato' James Wong Kim Min (Miri-Subis): Minta izin, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yang di Pertua: Janganlah panjang sangat, orang lain hendak bercakap lagi.

Dato' James Wong Kim Min: Tidak panjang, Tuan Yang di Pertua, hanya dalam perkara mustahak saja.

Tuan Yang di Pertua: Kalau hendak cakap panjang dalam Bahasa Kebangsaan, boleh. (*Ketawa*).

Dato' James Wong Kim Min: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I note with some concern that there is a tendency in this country and even amongst Honourable Members who have previously spoken to discredit the contributions which have been made by the rubber industry and, therefore, by the rubber estates and foreign holding companies, to the prosperity and wellbeing of Malaysia. Indeed, it was a foreigner who originally brought the first rubber seeds into Malaysia. Let us, therefore, give credit where credit is due. Without the big estates, without the money invested and the people behind the companies, there would not be a rubber industry as we know it in Malaysia today. It is also true to say that the orderly and systematic progress of the rubber industry has been made possible by those who have confidence in natural rubber in Malaysia. The smallholders too, Mr Speaker, Sir, have benefited by the examples, the techniques and the clones which have been pioneered and proven by the estates. Hence, I feel we must not merely play to the gallery in this respect by decrying and condemning rubber estates but maintain our balance and a pragmatic outlook to the problem. The smallholders, Sir, would not have been able to achieve much by themselves. It is the partnership of the estates and the smallholdings which has made Malaysia one of the biggest rubber producing countries in the world today.

To illustrate my point, Sir, I need to point out the example of Sarawak. Sarawak, as I have pointed out earlier on, is a smallholders' country. There are no estates worth mentioning and I believe there are only two estates, if they can be called estates at all, of over 500 acres. Hence the smallholders there are in a very disorganised state. I have also stressed earlier on the need of assistance to the rubber smallholders in Sarawak. Although I do not wish to belabour this point, Mr Speaker, Sir, the importance of this obliges me today to again draw the attention of the Government to the possibility of

buying latex from the smallholders in the country and organise the smallholders in that respect.

In this respect, Sir, may I refer to Clause 4 (f) of this Bill. It says here that "the corporation and liaison with all other national agencies responsible for provision of agricultural credits, processing and marketing of rubber". The words 'processing' and 'marketing' here no doubt mean, I take it, that the Licensing Board would be responsible for assisting the smallholders in the processing and marketing of their rubber as well, and I hope they will do something about this in Sarawak.

Mr Speaker, Sir, the Sarawak smallholders are in no way as fortunate as their counterparts in West Malaysia because they have not benefited from the infrastructure which has been made available in West Malaysia and this has been brought about by the partnership of estates and smallholdings over the years. The rubber industry had been brought up from its infancy through the efforts and spirit of the private enterprise, and I hope it is not the intention of this Bill to shackle, I repeat, Mr Speaker, Sir, to shackle, the private enterprise so that it is not able to manoeuvre and has the necessary freedom in order to survive and progress.

Mr Speaker, Sir, while it is appreciated that the Government must take a more active interest, and indeed participate, in ensuring that this very important industry should not lag behind in research and marketing, it is also vitally important, however, that the initiative must rest with the private sector too. Too much Government control will kill the industry and, if not, at least stifle it. We have only to look at some of our neighbouring Asian countries to see what has been done to some of their primary export crops as a result of Government monopoly and Government control of exports. The argument that the Government knows best is not true. After all, Government Ministers and Government servants are only human beings and all human beings are fallible. In the context of our present economy, the very survival, Mr Speaker, Sir, of the rubber industry is vital for the survival of the economy of Malaysia.

Mr Speaker, Sir, I would like now to speak on the need of instilling confidence not only in the buyers and the users of natural rubber

but in the planters in this country on the natural rubber industry and the future of natural rubber. Our national policy of encouraging investments in the industry and welcoming investments from abroad in making contributions, capital and know-how would no doubt continue and, in fact, if this is so, it should be reiterated by the Government so that there will be no ambiguity on this point, particularly in relation to the rubber industry. This is even more essential, Mr Speaker, Sir, in the light of the remarks made by some Honourable Members in this House in the course of this debate. Malaysia has too big a stake in the rubber industry to be able to afford any erosion of confidence by those who have a big stake in the industry, be they the estates or smallholders, or be they buyers or consumers of natural rubber. The whole key, Mr Speaker, Sir, of the future price of rubber, therefore, appears to hinge on the genuine increasing demand for rubber and its uses. Therefore, in this respect, everything should be done both by the private sector and the Government to increase and diversify the use of rubber both in the goods manufactured for local use and also for overseas export in order to assist and create new uses for the rubber in the world.

In conclusion, Mr Speaker, Sir, I would like to express, again, that it is easy for an arm-chair critic to prescribe a panacea that with the wave of a magic wand and with more Government control and legislation, the prices of rubber will be increased. It is not that easy. Market prices of rubber are controlled by innumerable factors. In order not to dismantle the whole structure which had been built over the years, I would like, again, to strongly recommend caution in not acting emotionally and hastily.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister of Finance in his conclusion of his statement on this particular subject, said:

"The way ahead is clear. We must have the courage and determination to go ahead once we are sure that the paths we have charted are the right ones."

Sir, I agree with this, and indeed I would like to echo here what the Honourable Minister of Finance has said, with which I fully agree with him, that we must be sure that the course that we have charted is the right one—indeed, how true. If the course we

have charted is the wrong one, then I respectfully submit, Mr Speaker, Sir, that courage and determination alone will not get us where we wish to go and what we wish to achieve. Thank you.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Yang di Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Saya juga mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua, Bil ini bertujuan untuk menubuhkan Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia dan mempunyai kuasa mengawal semua aktiviti-aktiviti berhubung dengan pendaftaran pelesenan eksport, perkapalan, pembungkusan dan perniagaan getah dan menyelaraskan segala aktiviti-aktiviti tentang pemasaran getah dengan tujuan hendak memajukan pemasaran yang licin bagi getah dari Malaysia.

Dua hari dahulu Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama semasa mengemukakan Bil ini menyatakan bahawa Malaysia hingga sekarang tidak menukar corak perdagangan getah kerana ia mendapat hasil yang adil dari modal dan buruh yang ditanamkan diindustri getah. Tetapi akhir-akhir ini harga getah telah jatuh ketaraf yang paling rendah.

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama menyatakan dengan harga yang ada sekarang ladang-ladang yang besar dan cekap dapat mendapat hasil yang berpatutan ekonomi yang besar dan pandangan hadapan. Tetapi pekebun-pekebun kecil yang berjumlah lebih kurang $\frac{1}{2}$ juta orang tidak menanam semula sebesar ladang-ladang besar dan menderita mengalami kerugian yang besar. Kesedaran Kerajaan terhadap masalah pemasaran getah, walaubagaimanapun bukanlah akibat kesedaran dan pekebun kecil menghadapi kesulitan ataupun penderitaan kerana pekebun-pekebun kecil ini telah mengalami kesusahan yang beribagai-bagai macam serta dieksploitkan dalam abad yang lepas.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, what has prompted the Government to action is more the drop of Malaysia's foreign exchange earnings rather than the sufferings of the smallholders. In 1969, Malaysia's foreign exchange earnings from the export of rubber amounted to \$1,940 million or 48% of its total export earnings. In 1970, rubber production was more than that in 1969, but the

foreign exchange earnings from this source were only \$1,663 million or 40% of the total export earnings. This is what opened the eyes of the Government, which has remained in sleep for the last decade, and not the long-suffering plight of the smallholders.

The Government has not spelt out in detail as to how it proposes to re-organise the rubber market. But the D.A.P. warns that the whole operation of this Bill and other rubber Bills will be defeated if the smallholders and the rubber estate labourers do not receive any material gain in significant increases in incomes and earnings. In this connection, I wish to make two proposals which will directly assist the smallholders:

- (1) The Government should raise the rubber replanting grant to the smallholders from \$750 to \$1,050 per acre, in view of the higher cost of materials and labour.
- (2) The Government should abolish the replanting cess for smallholders, particularly in times of very low prices as at present.

The Minister of Finance in his Ministerial Statement to this House on the 8th of August said that the Rama Iyer Committee, which was charged with the task of devising a national policy for the Malaysian rubber industry, had looked into the possibility of reducing the replanting cess for smallholders in view of present low prices. The Committee, however, was of the view that such relief would not necessarily accrue to the smallholders but would instead benefit dealers and other market operators because of their hold on the smallholders. Firstly, this seems to be a confession on the part of the Government itself that the series of proposals that it is implementing will not help the smallholders in any manner from releasing them from the control of traditional dealers or market operators. This seems to be a very ominous way to start a cleansing of the rubber market. Secondly, if the Government is convinced that it can cleanse the rubber market to the benefit of the smallholders—and if it does not have this conviction, then it has no business to come to this House with concrete proposals framed in the form of the various Bills—then it should be able to ensure that the relief provided in the form of abolition or reduction of the replanting cess during low rubber prices should directly benefit the smallholders.

The estate labourers in this country have been completely forgotten by the Government and policy-makers in the present review of the entire rubber industry. This is typical of the attitude of the Government, which is a Government of the upper class and therefore uninterested about the sufferings of the lower classes of people. The estate labourers, who devoted the best part of their lives to the building up of the rubber industry, have always been exploited and denied a fair share in the economic returns from the rubber industry. What is more, an average of about 10,000 of them are being retrenched from the estates without any governmental concern or assistance. This is a very callous and heartless treatment of a section of our people who have contributed their part to the development of the economy of the country.

For instance, I remember that in May, I had taken up with the Honourable Minister of Labour and Manpower about the problems of re-employment of retrenched estate labourers. There are estate managements which refuse to re-employ retrenched estate workers even when there are job opportunities on the ground that they are prohibited by the Ministry of Labour because of a directive concerning the lack of racial balance in employment in their establishment. This is clearly in contravention of the spirit and letter of the Second Malaysia Plan which pledges that in the new economic policy, "no one will experience any loss or feel any sense of deprivation of his rights, income, job or opportunity". I had given an actual instance to the Minister of Labour and Manpower and asked him to issue a directive to all estate managements to give priority of employment and re-employment to retrenched estate workers, to help this group of unemployed. But to this date, not only have I not heard from the Minister, but he had also not given this directive to all estate managements as a concrete step to help the hundreds of thousands of retrenched estate labourers in this country. Probably, he is too busy fighting for his own survival in his own party.

Both the Honourable Finance Minister in his Ministerial Statement on the 8th of August and the Honourable Minister of Primary Industries when introducing this Bill have no word or thought for the estate labourers, although both admitted that the estates have no difficulties in earning favour-

able returns at even such low prices as 40 or 50 cents per pound f.o.b. or 88 cents to 110 cents per kilo f.o.b.

I call on the Government that in its present formulation of a new rubber policy, it should not continue to ignore or neglect the estate workers, but should have a special scheme to raise their incomes and assist the retrenched estate labourers to find alternative means of livelihood either by land settlement or other employment opportunities. It is precisely because the estate workers constitute an important element in the rubber industry that I hereby propose that the Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board should be broadened to include two representatives from the estate workers, so that the voice and interest of the estate workers can be heard and advanced. This is particularly pertinent as rubber accounts for 26% of employment in our country.

Before I leave the subject of estate workers, I wish to take this opportunity to urge the Government to protect estate labourers from being swindled by unscrupulous persons who are trying to make a fast buck from their woes and misfortunes. Fragmentation has created increased unemployment in the estate sector, and the Government has advanced millions of dollars of interest-free loans to the National Land Finance Co-operative Society to buy over estates. There are, however, disturbing reports of malpractices, mismanagements and corrupt practices which the Government must put an end to—not only because public money is involved, but to protect the estate labourers' meagre savings which they put into the Society on their participation. The Government must appoint a special committee to enquire into the workings and the malpractices of the National Land Finance Co-operative Society to protect the helpless estate workers from jumping from the frying pan into the fire. The Government should not allow the fact that the National Land Finance Co-operative Society was a thinly disguised MIC project to deter it from doing the right and proper thing in the interests of the estate workers in the country.

Mr Speaker, Sir, another aspect which the Government has conspicuously omitted in its general review of the rubber industry to find new answers is the question of repatriation of profits from the industry abroad. According

to a recent report, 75% of the investment in the national rubber industry is owned or controlled by foreigners who, over the past seven decades, when rubber was commercially produced at the turn of the century, have not only recouped their initial capital outlay, but made billions of dollars of profits and repatriated them back to their home countries. Even today, it is variously estimated that the total capital repatriated abroad from the entire Malaysian economy is in the region of \$700 million to \$800 million a year. This is a colossal sum, which represents one-fifth of the total Federal Budget expenditure yearly. This also means that since Merdeka we have allowed a few billion dollars to be repatriated abroad. If the bulk of the repatriated profits are retained inside Malaysia and ploughed back for further investments, it will greatly accelerate Malaysia's economic growth, whether in the rubber industry or other agricultural or industrial sectors, leading to a bigger Gross National Product and creation of more employment opportunities to counter the grave unemployment problem in our country.

It is highly regrettable that up to now the Alliance Government has given no attention to this serious problem of repatriation of profits abroad, which has such a great impact on the economic growth and development of our country. National interests demand that there must be a check to uncontrolled and unbridled repatriation of profits abroad. Such repatriation must be regulated to ensure that more of the capital is retained in our country for accelerating our general economic growth. This will result also in an increase in Malaysia's foreign exchange earnings. I, therefore, propose that a Parliamentary Committee with representatives from Members of Parliament from all political parties be set up to study this problem of uncontrolled and unchecked repatriation of profits abroad, whether from rubber, tin or other economic sectors, and to make recommendations to the next session of Parliament as to the best means of regulating it to ensure that there is optimum retained profits for ploughing back in Malaysia to generate greater economic growth and create more job opportunities. A happy medium will have to be struck to raise the retained profits in the country, as it is the seed-corn for expansion, without discouraging foreign investment.

Malaysia needs a more aggressive salesmanship of her natural rubber to counter the challenge posed by synthetic rubber in the world market. Synthetic rubber has made great strides and inroads into the world rubber market. 30 years ago, natural rubber dominated 95% of the world's rubber consumption, leaving 5% to synthetic rubber. Today, 30 years later, natural rubber's share of the rubber market has fallen from 95% to 35%. For Malaysia to meet the challenge of synthetic rubber, Malaysia must not only concentrate on high-yielding clones, the rationalisation of the rubber market, the discovery of new and more end-uses for rubber, it is also necessary to have an aggressive international salesmanship of natural rubber in the world market.

I understand that a recent consignment which PERNAS despatched to China was of a deteriorated quality, and was the subject of a claim for compensation by the Chinese authorities. If this is true, this is surely not the way to boost Malaysia's rubber sales in China or in the world. I suggest that the Government should train a team of expert salesmen of rubber and post them in the key industrial capitals. As the People's Republic of China holds a great potential as a rubber market, I also suggest that the Government should immediately set up a rubber mission or office in Peking to coordinate and organise rubber sales.

From today's press reports, the Honourable Prime Minister is going on a visit to Moscow. For our national interest in boosting rubber sales, which constitutes the lifeblood of our economy, Malaysia should have no qualms about setting up a permanent trade or rubber mission in Peking or Canton. Thank you.

Tuan Hashim bin Gera (Parit): Tuan Yang di Pertua, saya bangun bercakap sedikit bagi menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Kerajaan di dalam Majlis ini.

Dengan adanya Undang-undang ini dapatlah Kerajaan mengawal pasaran getah, menyiasat dan memperluaskan kegunaan getah asli supaya dapat digunakan lebih banyak oleh negara-negara asing atau negara kita sendiri. Dengan bertambahnya kegunaan getah itu mungkin harganya akan meningkat maka muga-muga akan menambah kemewahan rakyat negara ini. Ini ialah sinar

harapan rakyat di luar bandar terutama pekebun-pekebun kecil di negara kita yang sedang menunggu-menunggu selama ini yang telah bosan dengan penderitaan kerana kejatuhan harga getah. Mereka merayu kepada Kerajaan mengambil dayausaha supaya harga getah dapat dinaikkan, mereka merayu dengan suaranya yang lemah dan lenglu menyuarakan jeritan batinnya, maka langkah Kerajaan ini adalah tepat dan kena pada masanya: laksana ayam jantan yang sedang berkokok pagi, matahari terbit di langit tinggi.

Tuan Yang di Pertua, kejayaan rakyat di luar bandar yang hidupnya 65% bergantung kepada getah amatlah menyedihkan: kais pagi makan pagi, kais petang makan petang; tidak ada bahasa yang dapat saya katakan di dalam Majlis ini, tidak ada lukisan untuk saya gambarkan sebagaimana penderitaan mereka. Ada antara mereka itu yang ramai keluarganya, makan sekali sehari, hendak bercucuk tanam pembukaan tanah terkawal oleh Kerajaan, hanya dibuka kepada belia-belia dan syarikat-syarikat swasta dan Lembaga Kemajuan Tanah, orang-orang kampung tidak dapat walaupun tanah Kerajaan ada kosong berhampiran dengan kampung mereka. Permohonan mereka menempuh 1001 macam halangan.

Tuan Yang di Pertua, oleh kerana kesempitan hidup di kampung-kampung ini banyakkah mereka yang keluar ke pekan mencari pekerjaan di kilang-kilang kerana hendak hidup dan hendak makan, mereka bekerjalah di kilang itu dengan gaji yang amat-amat murah, di antara \$1.50 sehari dengan \$3.00 sehari bekerja 8 jam, terkadang-kadang siang dan terkadang-kadang malam. Kaum-kaum kapitalist yang menjalankan kilang-kilang itu seolah-olahnya manusia yang tiada mempunyai perikemanusiaan, yang memerah tenaga rakyat yang tidak seimbang dengan tenaga yang diberikan oleh buruh itu.

Tuan Yang di Pertua, bagi mengatasi kepincangan ekonomi negara ini disebabkan kejatuhan harga getah maka baiklah Kerajaan berikhtiar dengan secepat mungkin bagi mengeluarkan hasil-hasil getah dari negara ini, daripada Pelabuhan Klang sahaja, tidak melalui Singapura dan Kerajaan juga memberitahu negara-negara yang berniaga getah dengan kita akan perubahan ini supaya keuntungannya dapat dinekmati oleh negara

kita. Jangan orang dapat isi kita dapat kuah, dan harga getah di pasaran dunia kita yang menentukannya, sebab kita yang punya, Tuan Yang di Pertua, dan Kerajaan pula dengan adanya Lembaga Pemasaran ini hendaklah diluaskan bagi pasarannya ke negeri-negeri lain di dunia ini. Jangan hanya berharap kepada Amerika dan British sahaja, jangan Kerajaan memberikan satu-satu badan perniagaan yang tertentu bagi menjayakan pasaran getah kita sebagaimana yang lalu berharap PERNAS berniaga getah dengan Republik Rakyat Cina. Apa sudah jadi?

Hendak berniaga dengan Cina,
Tidak teratur, kurang sempurna;
PERNAS jaga tetapi lina,
Modal hiang untung kemana.

Pukul gendang timur barat,
Dari utara sampai selatan;
Tong kosong rupanya berat,
Habis ketawa Jin dan Shaitan.

Antinasional lagi cekap.
Dia diam bukan memekap;
Banyak kerja sedikit bercakap,
Kita bangun dia menyekap.

Tuan Yang di Pertua, penyudah-penyudahnya baharu ini saya dengar di suratkhbar bahawa PERNAS hendak berniaga dengan negara Eropah dan berpakat pula dengan Perancis hendak mendirikan sebuah studio filem. Bukan itu kehendak rakyat-rakyat di luar bandar, orang kampung. Mereka mengharapkan PERNAS dapat menjayakan perusahaan getahnya dengan negeri Cina. Jika PERNAS membuka perusahaan filem berapa kerat sahalalah maknusia yang dapat bekerja di situ yang akan diterima, itupun wanita-wanita yang cantik. Yang hodoh tidak akan diterima. Alangkah baiknya duit-duit itu, yang dicadangkan oleh PERNAS, yang dibantu oleh Kerajaan itu didirikan kilang-kilang di luarbandar, di tempat yang ramai bumiputra untuk memproseskan getah supaya dapat pekerja-pekerjanya bumiputra dan hasil itu akan murah lagi hasil dalam negara kita ini.

Tuan Yang di Pertua, terkadang-kadang sebagai seorang wakil rakyat, juga wakil rakyat yang lain, apakala melawat keluar-luar bandar, maka rakyat akan bertanya: "Bagaimana, Yang Berhormat harga getah kami tidak naik-naik? Daripada mula pilihanraya itu berkata hendak naikan kerana negeri Cina hendak membelinya,

tetapi getah kami hanya macam ini juga, harga gula yang naik. Apa Yang Berhormat buat dalam Parlimen, tidak pernahkah disuarakan? Barangkali Ahli Yang Berhormat ini berjoget sahaja, katanya, (*Ke.awa*). Saya terpaksa menjawab, "Perkara ini bukan tidak pernah saya kemukakan dan juga Ahli-ahli Pembangkang, tetapi dijawab oleh Menteri Kewangan: "Kejatuhan harga getah ini bergantung kepada pasaran dunia dan harga mata wang Amerika." Mereka menjawab: "Oh! harga getah kita Amerika yang menjaganya. Kami di sini, musim durian, kami punya durian, kami yang menentukannya. Ini mengapa pula negeri kita, getah kita, orang yang lain menentukan harganya." Ya, tidak ya juga. Jadi bila dia bertanya seperti itu, wakil-wakil rakyat, saya yang pernah ditanya, tenggelam-timbul. Bukan saya tidak mengemukakan.

Memang saya suka menari,
Menghilangkan penat berfikir sehari-hari;
Untuk rakyat dengan negeri,
Saya menari pilih sendiri.

Iniilah dia satu kesimpulan yang membuat orang-orang di luar bandar gelisah dengan kejatuhan harga getah, maka saya berharap kepada Kerajaan:

Iniilah harapan saya kepada Kerajaan,
Harga getah kita yang menetapkan;
Britain dan Amerika jangan diharapkan;
Kita selalu dia mainkan.

Dia pandai lagi cerdik,
Dia tinggi kita pendek;
Selalu menengking kadang-kadang mengherdik,
Dibuatnya kita macam adik
Wangnya tinggi kadang-kadang jatuh,
Kita juga mesti patuh;
Seolah-olah kita bodoh,
Tidak kenal besi dengan buluh.

Mari kita berdiri diatas kaki sendiri,
Sahabat jujur mesti dicari;
Musuh jangan kita hampiri,
Kelak nanti binasa diri.

Rakyat bergantung kepada getah,
Ekonominya sakit belum betah;
Dirinya kering dihisap lintah,
Nanti mereka bangun membantah.

Mari kita tolong dia,
Dengan pantas dayaupaya;
Rancangan Malaysia supaya berjaya,
Rakyat makmur bersukaria.

Terima Kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di Pertua, suatu undang-undang Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972 telah dikemukakan di dalam Dewan ini. Sesudah kita mengkaji dan meneliti Rang Undang-undang ini ternampaklah oleh kita bahawa Rang Undang-undang ini, tujuan pokoknya ialah hendak menubuhkan suatu Lembaga yang menjadikan suatu pertubuhan Perbadanan yang bernama Lembaga Pemasaran dan Pelesen Getah Malaysia, yang terdiri daripada beberapa orang ahli, dengan tugas-tugasnya untuk pengawalan, perkapalan, pembungkusan getah, pengawalan dan pengawasan benih getah, termasuk penjualan, pembekalan dan pengekspotan getah.

Tuan Yang di Pertua, mungkin dengan lulusnya Rang Undang-undang ini perusahaan getah di Malaysia ini akan dapat perubahan bagi meninggikan harganya sedikit, tetapi yang akan mendapat keuntungan yang lebih besarnya ialah pelesen-pelesen, swasta-swasta dan akan dapat menambahkan hasil negara.

Tuan Yang di Pertua, kepada pekebun-pekebun kecil atau penureh-penureh getah di desa tidak begitu banyak akan menerima perubahannya kerana pihak Kerajaan hanya sanggup mengawal sahaja, bukan diberi tugas kepada perbadanan untuk membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil, ataupun penureh-penurehnya. Kita tidak faham sebab-mesebabnya yang pihak Kerajaan tidak berani hendak mengarahkan tanggungjawab membeli getah ini kepada mana-mana agensi Kerajaan supaya nasib pekebun-pekebun kecil dan penureh-penureh getah di negeri ini akan menerima suatu perubahan yang lebih berkesan lagi. Kita ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama bagaimanakah Perbadanan ini dapat mengawal penureh-penureh getah apakala pergi menjual getahnya kepada pelesen-pelesen. Tuan Yang di Pertua, mengikut amalan biasa, apakala penureh getah pergi menjual getahnya kepada pelesen-pelesen, maka yang akan menentukan harga getah itu ialah pelesen, walaupun harga getah itu telah ditetapkan, tetapi pihak pelesen-pelesen itu pernah melakukan perlambatan, memberi tahu harganya itu sehari atau pun dua hari dan soal yang kedua, Tuan Yang di Pertua, ialah masalah grading. Kita difahamkan

bahawa pihak pelesen-pelesen inilah yang akan menentukan grade getah itu. Mengikut pengalaman kita, apa yang kita tahu bahawa misalnya kalau getah itu grade dua, maka pihak pelesen itu mengatakan getah itu grade empat, ataupun lima, maka hilang beberapa sen sekati ataupun sepaun harganya itu. Bila kita menyebutkan beberapa sen, Tuan Yang di Pertua, kepada kita merasakan ini adalah suatu perkara yang kecil, tetapi kepada pekebun-pekebun kecil, atau kepada penureh-penureh getah, beberapa sen itu dengan harga getah yang begitu melisit sekarang ini dan barang-barang bertambah mahal misalnya, apa yang kita tahu harga ikan bilis \$1.50 sekati, harga beras \$2.00 lebih sa-gantang dan harga gula 45 sen sekati. Jadi, beberapa sen, Tuan Yang di Pertua, amatlah besarnya kepada pekebun-pekebun kecil, atau pun penureh-penureh getah.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, kita tahu dalam masa setahun ialah 12 bulan, tetapi kepada pekebun-pekebun kecil apa yang saya tahu dalam setahun (12 bulan) itu, mereka dapat menureh getah ini hanyalah 5 bulan sahaja dan yang selebihnya itu ialah hujan dan penyakit lain-lainnya. Jadi, Tuan Yang di Pertua, inilah masalah yang harus benar-benar difikir dan ditimbang oleh pihak Menteri yang berkenaan ini, kalau benar-benar pihak Kerajaan dan pihak perbadanan ini hendak menolong pekebun-pekebun kecil dan penureh-penureh getah.

Soal yang ketiganya, Tuan Yang di Pertua, yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil dan penureh-penureh getah ini, apakala mereka membawa getah kepada pelesen-pelesen, maka yang akan menimbang getah mereka itu ialah pelesen-pelesen melalui paun atau meterolek yang akan menentukan beku cair, basah keringnya itu dan di situ pula timbangannya itu susut, Tuan Yang di Pertua. Saya tidak begitu nampak bahawa dengan mengawal begitu sahaja, maka boleh pihak Kerajaan betul-betul dapat mengawal apa yang saya sebutkan atas tiga perkara tadi, yang pertamanya ialah masalah harga getah yang betul-betul pada tiap-tiap hari; masalah yang keduanya ialah masalah menentukan gradingnya itu dan masalah yang ketiganya ialah masalah timbangan. Jadi, penuhlah harapan saya supaya perkara ini dapat dijelaskan oleh Yang Berhormat

Menteri Perusahaan Utama ini supaya sekembalinya saya daripada Dewan ini nanti apakala ditanya oleh rakyat atau pengundi-pengundi di kawasan saya, maka saya akan dapat menerangkan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di Pertua, soal harga getah ini adalah satu soal yang sulit dan rumit memang kita tahu dan pernah saya berbincang dengan seorang pakar, beliau mengatakan bahawa turun naiknya harga getah ini ialah terletak kepada keadaan dunia ini samada berperang besar atau pun berperang kecil. Kalau fikiran dan pandangan ini benar, Tuan Yang di Pertua, saya harap supaya pihak Kerajaan atau pun pihak Kementerian Perusahaan Utama ini membuat satu kajian yang mendalam, apakah benar turun naiknya harga getah pada persoalan pokok atau soal besarnya ialah bergantung kepada berlakunya peperangan dunia yang ketiga misalnya.

Tuan Yang di Pertua, apa yang saya maksudkan ini ialah kalau begitulah duduknya keadaan harga getah ini, sesudah dikajinya maka hendaklah pihak Kerajaan menghadkan penanaman kebun-kebun baharu atau pun ditambahkan lagi kebun-kebun getah ini supaya dengan Rang Undang-undang yang akan dikemukakan lagi di dalam Dewan ini untuk menambahkan quality dan quantitynya, kita percaya sedikit sebanyak keadaan harga getah ini akan terjamin.

Tuan Yang di Pertua, akhirnya saya mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya membuat dua kajian yang saya pandang ini ada kena-mengena dengan soal harga getah ini. Yang pertamanya, apakah keluasan tanaman getah di Malaysia ini perlu ditambah lagi ataupun dihadkan supaya harganya terjamin?

Dan soal yang keduanya, saya mengesyorkan supaya getah ini dibeli oleh perbadanan Kerajaan supaya apa yang saya sebutkan tadi terjamin dan tidak ada penipuan di waktu membeli getah ini. Sekian.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): Tuan Yang di Pertua, saya minta izin. This Bill seeks to make provisions for the establishment and

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Adakah Yang Berhormat sudah minta lebih dahulu?

Tuan Su Liang Yu: Ya, sudah minta izin.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Tadi keizinan belum dibenarkan, Ahli Yang Berhormat terus bercakap. Saya sudah pesan hari itu, minta izin dahulu, kalau sudah dapat izin dari Yang di Pertua, baharu boleh bercakap. Sekarang saya izinkan.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): (*Dengan izin*) Sir, this Bill seeks to make provisions for the establishment and incorporation of the Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board. It is a good step taken by the Government to curb all monopoly of rubber in the foreign markets and also the monopoly by the local rubber dealers. The new Bill will have full control of all activities relating to registration, licensing, export, shipping, packing and dealings in rubber, but it is regretted that the Government, being aware of the subversion and exploitation by the local rubber dealers on the small rubber holders, does not want to take any action against these rubber dealers, as it is not the intention of the Government to deprive rubber dealers of their livelihood, as announced by the Honourable Minister of Primary Industries when introducing the Bill to this House.

Tuan Yang di Pertua, many Honourable Members of this House have spoken about our Malaysian rubber prices being fixed and controlled by tycoons in Singapore and other foreign countries. So I do not want to repeat and elaborate further about the rubber price being manipulated by the foreigners, but I would like the Government to study carefully about the fact that our small rubber holders are being exploited by the rubber dealers. Unless the Government goes all out to break this monopoly and exploitation at the grass-root level, the Bill will be useless and meaningless. Even though the Government may control the price in the international market, the smallholders' produce would be at the mercy of the rubber dealers. The Bill does not provide any incentive or benefit to the smallholders and to the kampong people at all. In fact, it helps the rubber dealers through their Rubber Dealers' Association to take advantage of controlling rubber prices, as rubber dealers have to follow all the rules and regulations laid down by their Association. The local price is fixed by the Association, knowing very well that the small rubber

holders have to sell their produce to them at whatever price offered by the dealers in the kampongs. Thus the rubber dealers in the districts or kampongs have no competition among themselves. Sometimes, the Association, through its big boss, finances the rubber dealers to purchase rubber at a fixed price. Some of the small rubber dealers do not even carry on their business but sub-let their licences to the big boss on a nominal weekly rent. The poor smallholders never have a chance to sell their rubber as R.S.S. second or third grades. Their produce is considered to be ungraded by the local rubber dealers, while the rubber dealers when disposing of their rubber to their agents grade it as second or third grade R.S.S.

Sir, I would like the Government to consider seriously why the small rubber holders' produce sold at Bruas usually fetches two or three dollars more per picul than the rubber sold at Sitiawan on the same day. It is because in Bruas the rubber dealers do not associate themselves with the Association and that is why they have to compete for their business.

The present Licensing Board is very inadequate because the Board is controlled by the Rubber Associations whose representatives would oppose all new applications for rubber licences and that is why they could manipulate and control the rubber price at the district level. I urge the Government to include members of all political parties in the new Board at District and State levels and also to check on rubber dealers to see whether or not they are dealing with the smallholders justly and fairly. Thank you, Sir.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di Pertua, dengan terbentangnyanya Rang Undang-undang Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia tahun 1972 dan sudah tentulah Rang Undang-undang ini akan diluluskan oleh Dewan ini dan kemudian akan dipersetujui untuk dilaksanakan.

Saya berpendapat, Tuan Yang di Pertua, dengan kelulusan Rang Undang-undang Lembaga ini, bererti Kerajaan Malaysia, Kerajaan Perikatan telah mencatat satu sejarah baharu dalam bidang perdagangan mengenai dengan hasil utama ini kerana dengan lulusnya Rang Undang-undang ini bererti Kerajaan kita akan melenyapkan akan menghapuskan suatu Undang-undang yang

kita pusakai daripada penjajah selama ini, yang undang-undang kita pusakai daripada penjajah itu telah menindas rakyat negeri ini berpuluh-puluh tahun lamanya dan ini adalah merupakan suatu harapan yang besar kepada seluruh rakyat dalam negeri ini terutama sekali kepada pekebun-pekebun kecil dan sudah sesuailah, Dewan yang mulia ini diberi kesempatan membahaskan Rang Undang-undang ini sejak dari 15hb Ogos sehingga pada hari ini dan saya percaya seluruh pekebun-pekebun kecil pada hari ini sejak daripada 15hb Ogos telah menunjukkan perhatian dengan penuh minat kepada Dewan ini untuk mengikuti dengan sepenuhnya apakah Rang Undang-undang yang telah disebutkan oleh Menteri sebelum daripada Dewan ini bersidang bahawa Kerajaan akan mengemukakan suatu Rang Undang-undang yang akan menjamin bahawa nasib pekebun-pekebun kecil akan dibela.

Dengan adanya Rang Undang-undang yang ada dihadapan kita ini, kepada saya, Tuan Yang di Pertua, walaupun Rang Undang-undang ini kita berpendapat sudah lewat dibentangkan di dalam Dewan ini, namun demikian kalau Menteri yang berkenaan sebagai seorang Menteri yang belum sampai dua tahun memegang jawatan sebagai Menteri Perusahaan Utama dalam masa yang begitu singkat telah menumpukan perhatian, telah dapat mengemukakan Rang Undang-undang ini, ertinya suatu penghormatan bukan sahaja perlu diberi oleh Ahli-ahli Dewan dalam Dewan ini, tetapi ini merupakan suatu penghormatan yang patut diberi oleh seluruh pekebun-pekebun kecil kepada Menteri kita yang baharu yang diberi tugas sebagai Menteri Perusahaan Utama. Saya terpaksa berkata demikian, Tuan Yang di Pertua, kerana dari apa yang saya faham selama ini ada perhatian daripada pemimpin-pemimpin kita berkenaan dengan getah tetapi perhatian yang diberi selama ini hanya berchakap hendak mencari jalan hendak beriktir tetapi tidak pernah dikemukakan suatu Rang Undang-undang seperti yang ada di hadapan kita ini sejak daripada kita mencapai kemerdekaan. Kecuali ada tidak adanya sejak daripada 15hb Ogos dengan adanya Menteri kita yang baharu. Jadi itulah saya penuh keyakinan, Tuan Yang di Pertua, barangkali tujuan Kerajaan Perikatan di dalam penyusunan jemaah Menteri yang paling baharu dilantik seorang Menteri Perusahaan Utama dengan harapan dan

tujuan supaya perkara ini diberi keutamaan di dalam tugasnya. Jadi dengan sebab itu saya mengambil peluang bagi pihak pekebun-pekebun kecil mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di Pertua, berdasarkan pengakuan yang diberi oleh Menteri yang berkenaan waktu mengemukakan Rang Undang-undang ini bahawa hampir setengah juta daripada pekebun-pekebun kecil akan diberi pembelaan. Saya menaruh kepercayaan apabila kita mengkaji Rang Undang-undang ini daripada awal sampailah akhirnya, nampak benar tentang keiklasan dan kejujurannya. Cuma satu sahaja yang saya bukan kata tidak ada kejujuran dan bukan yang tidak ada keiklasan, satu sahaja yang saya kurang faham iaitu seperti yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli Dewan ini tentang kenapa dan apakah sebabnya di dalam Fasal 3 Ceraian (2) (d) tentang kedudukan Ahli-ahli Lembaga ini yang hanya diberikan kepada pekebun-pekebun kecil itu cuma dua orang tetapi setaraf dengan wakil daripada estet, daripada pekebun besar. Ini yang saya tidak dapat faham apakah maksudnya? Hendak dikatakan Rang Undang-undang ini hendak memberi hak yang sama kepada pekebun-pekebun kecil dengan gulungan estet, tidak sama pula! Dan apa yang telah diterangkan oleh Menteri Perusahaan Utama waktu mengemukakan Rang Undang-undang ini bahawa matlamat yang besar ialah untuk pekebun kecil, sedangkan keanggotaan, sedangkan wakil yang mewakili pekebun kecil itu diletakkan setaraf dengan wakil daripada kalangan estet atau pun ladang-ladang yang besar. Oleh kerana saya secara kebetulan, Tuan Yang di Pertua, mengikut edaran yang telah dikemukakan ini bahawa di dalam Jawatankuasa nanti Yang Berhormat Menteri akan mengemukakan suatu pindaan tentang ayat "dua", saya merayulah supaya semasa dibuat pindaan nanti, selain daripada apa yang sudah ada ini buatlah sedikit pindaan supaya perkataan "dua orang" hendaklah mewakili sektor pekebun kecil daripada perusahaan getah itu ditukar kepada ayat "empat". Kalau ditukar dengan ayat "empat", maka saya percaya tidak ada yang cacat di dalam Undang-undang ini. Tetapi kalau masih dikekalkan ayat "dua", saya berpendapat masih ada kecacatan di dalam Rang Undang-undang yang bagini baik.

Kemudian, Tuan Yang di Pertua, satu perkara lagi yang saya suka sebut di sini apabila pekebun kecil hendak menjualkan getah, maka sudah tentulah melalui suatu badan yang dinamakan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia, ataupun MRDC. Saya tidak tahu selepas Rang Undang-undang ini diluluskan samada MRDC yang ada sekarang ini akan berubah bentuk-nya atau tidak. Tetapi kalau MRDC yang ada sekarang ini, dari maklumat yang saya terima, Pengurus Besarnya bukan rakyat Malaysia. Kalau Pengurus Besarnya bukan rakyat Malaysia, saya kuatir, Tuan Yang di Pertua, MRDC yang akan menjadi tempat hendak disalurkan oleh pekebun-pekebun kecil dalam masa penjualan getah nanti tidak dapat memberi suatu pembelaan yang ikhlas kepada pekebun-pekebun kecil. Sebab dari apa yang saya lihat sekarang ini, Tuan Yang di Pertua, saya nampak benar MRDC yang ada sekarang ini amat kurang memberi perhatian kepada kepentingan pekebun-pekebun kecil. Pegawai-pegawai yang walaupun sudah diberi gaji yang agak besar, diberi layanan yang agak istimewa kalau hendak dibandingkan dengan kerja-kerja yang dijalankan setakat ini nampak lebih banyak rugi daripada untung. Saya tunjuk satu contoh. Dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, MRDC ini telah diberi tugas untuk membuka kilang dan kalau tak silap saya 35 buah, tetapi sekarang ini baharu hanyalah entah tiga-empat atau pun lima buahkah begitulah yang sudah dapat dijalankan. Saya tak tahulah kalau petang ini lulus berapa lagi, saya tak tahu, tetapi daripada penyiasatan yang saya buat dua-tiga hari ini nampaknya berjalan terlampau perlahan. Sebab itu saya kata kalau kita hendak kaji dengan perbelanjaan yang kita curahkan kepada MRDC dengan layanan yang kita beri kepada pegawai-pegawai yang tak sama dengan perhatian atau kepentingan yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil. Sebab itulah saya kata di dalam perjalanan MRDC ini lebih banyak merugikan pekebun-pekebun kecil daripada menguntungkan setakat hari ini. Sebab itu, Tuan Yang di Pertua, saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya kepada MRDC ini diberi satu nafas baharu dan antara perkara yang patut dipertimbangkan orang yang sekarang ini memegang jawatan sebagai Pengerusi MRDC ini patut dikaji samada perlu atau tidak dikekalkan dengan kedudukannya sebagai seorang yang bukan rakyat Malaysia.

Berbalik kepada tugas lembaga yang baharu akan di tubuhkan ini, Tuan Yang di Pertua, ada kait-mengait dengan masalah pelesenan dan lain-lain saya berharap kepada lembaga ini dalam menjalankan tugas nanti hendaklah memudahkan cara pemberian lesen kepada pembeli-pembeli getah di kampung-kampung, juga kepada peraih-peraih yang sekarang ini menjalankan kerja dengan tidak berlesen sebab mereka ini, Tuan Yang di Pertua, bukan mereka tak mahu ambil lesen sekarang ini yang menyebabkan mereka menjalankan kerja dengan tidak berlesen, tetapi cara-cara memproses, cara-cara memberi pertimbangan lesen seperti yang berjalan sekarang ini memakan masa yang lama. Bagi orang-orang yang hendak menjalankan perniagaan cara kecil, Tuan Yang di Pertua, kalau berkehendakkan satu lesen mesti tunggu sampai setahun, 2 tahun kena lobi pegawai-pegawai pula baharu hendak dapat lesen. Maka mereka lebih suka menjalankan kerja dengan tak berlesen sebab sistem lobi ini masih ada lagi dalam negara kita ini, kalau hendak memudahkan satu benda kita kena lobi pegawai-pegawai yang berkenaan itu. Kemudian sambil-sambil itu deposit yang dikenakan kepada pembeli-pembeli seperti yang ada sekarang ini perlu dikaji, sekurangnya kita rendahkan sedikit wang pertaruhan itu.

Dan saya juga berharap selain daripada apa yang saya sebutkan tadi kepada MRDC dan PERNAS, Tuan Yang di Pertua, patutlah di beri galakan supaya menjadi pembeli getah yang besar dalam Malaysia kita ini kerana kalau PERNAS dapat mengambil bahagian sama, saya fikir sedikit sebanyak akan memberi pertolongan kepada pekebun-pekebun kecil selain daripada yang kita hendak beri kepada pekebun-pekebun kecil sendiri mengendalikan masalah ini.

Dan perkara yang akir, Tuan Yang di Pertua, saya dengar-dengar khabar di dalam Malaysia kita ini ada satu perbuatan yang dikatakan undercut harga ini dimainkan oleh ejensi-ejensi house yang ada memiliki estet di negeri ini dan mereka ini ada mempunyai ejen pula di luar negeri. Kalau sistem undercut harga berjalan sudah tentu tidak terjamin untuk memberi pembelaan kepada pekebun-pekebun kecil. Dengan sebab itu, pada mula-mula tadi saya telah menyebutkan bahawa kalau benar hasrat dan niat Kerajaan dengan mengemukakan Rang Undang-Undang ini

untuk membela kepentingan pekebun-pekebun kecil, saya berpendapat kiranya wakil pekebun-pekebun kecil dapat menduduki ramai dalam lembaga ini, dapatlah dipecahkan beberapa masalah yang selama ini dipermain-mainkan oleh gulungan-gulungan yang tertentu.

Dan yang akir sekali, Tuan Yang di Pertua, saya juga sama berpendapat seperti sahabat-sahabat saya yang lain bahawa istilah "Ahli gilir" atau pun Pengerusi Gilir yang digunakan di dalam Rang Undang-Undang ini juga patut di kaji, sebab istilah "gilir" ini, Tuan Yang di Pertua, nampak sangat bahawa orang-orang yang akan menduduki di dalam lembaga ini mereka ketika senang mereka pergi mesyuarat, bila dia ada kerja lain yang di fikirkan lebih penting kepada keperluan dia, dia gilir orang lain. Jadi, Tuan Yang di Pertua, ini macam satu permainan budak-budak menghadiri mesyuarat ini boleh digilir-gilirkan, ahli boleh digilir-gilir. Jadi nampaknya satu perkara yang begitu murah harganya sedangkan maksud dan tujuan Kerajaan dengan Undang-Undang ini amatlah besar. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kerajaan supaya Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta wakil-wakil daripada Kementerian ini biarlah tetap dan Pengerusi, saya juga sama berpendapat seperti Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara bahawa janganlah dilonggokkan Pengerusi itu kepada orang yang sudah bertimbun-timbun dengan tugas, orang yang tidak begitu banyak kecenderungan kepada masalah getah ini, atau pun kita kata kita beri kepada seorang Pegawai Kerajaan yang sudah bersara misalannya. Dia ini umurnya sudah dekat dengan 60 tahun asik fikir dunia ini sedikit sahaja kepada dia, asik fikir benda lain. Kerana hendak menjaga tarafnya atau pun memberi sedikit rezki kepadanya kita beri dia jadi Pengerusi. Saya kuatir, Tuan Yang di Pertua, takut begitu terjadi sebab istilah gilir-gilir ini pun seperti saya kata tadi sebab kita ada Pengerusi, ada Timbalan Pengerusi, nanti pihak Menteri berpendapat apa salahnya kita cari seorang Pengerusi ini orang yang ternama, berilah dia lantik di situ, kerja tak banyak pun tidak apa sebab Timbalan Pengerusi ada, kemudian lari kepada Timbalan Pengerusi pula boleh Timbalan Pengerusi gilir pula. Jadi ke manakah kita hendak harap. Harap kepada Mamat, Mamat gilir ke Yusof; harap ke Yusof, Yusof gilir ke Kadir. Akhirnya gilir

punya gilir sampai masanya pekebun-pekebun kecil juga yang tertindas di dalam negara kita ini.

Jadi inilah pendapat saya, Tuan Yang di Pertua, dan saya minta dengan sesungguhnya kepada Menteri yang saya sanjung tinggi semua segala teguran dan kritik-kritik yang di datangkan daripada sama-sama sahabat dalam Dewan ini dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil bahagian di dalam perbincangan ini dan saya tidak berhajat hendak mengulangi perkara-perkara yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap lebih dahulu daripada saya.

Saya menyokong dengan kuatnya Rang Undang-undang ini dan mengucapkan tahniah kepada Menteri Perusahaan Utama kerana mengemukakan Rang Undang-undang ini dan saya rezabkan satu lagi tahniah bila Rang-undang ini menjadi undang-undang dan dilaksanakan. Dan tahniah itu, saya simpan dahulu sehingga saya dapat perhatikan dan berpuashati setelah peruntukan-peruntukan dalam Undang-undang ini ada dijalankan.

Saya berkata demikian, Tuan Yang di Pertua, ialah kerana adanya tekanan-tekanan atau desakan (pressure) dari dalam dan luar negeri, dan ini sudah terbukti baharu sahaja Rang Undang-undang ini sedang dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini, maka sudah ada kesan-kesannya terhadap saham-saham, terhadap perdagangan yang ada dalam negara kita ini. Semenjak Rang Undang-undang ini dikemukakan, saya dapati saham-saham yang memang meningkat-tingkat tiap-tiap masa sudah jatuh dan kelihatan pada saya bukan sahaja apa yang dikatakan artificial squeeze terhadap ekonomi atau harga getah, tetapi ada juga artificial squeeze terhadap perdagangan dan perniagaan dan lapangan-lapangan yang lain dengan turunnya harga saham pada beberapa perkara dalam beberapa perniagaan dan bidang sama ada bank, hotel dan lain-lain perniagaan disebabkan adanya Rang Undang-undang ini yang sedang dibincangkan di dalam Dewan ini. Jadi apa yang saya maksudkan supaya apabila Rang Undang-undang ini menjadi Undang-undang kelak, Kerajaan mestilah berani

dan tegas menjalankan segala peruntukan yang ada termaktub di dalam Undang-undang ini.

Tuan Yang di Pertua, semenjak 15 tahun kita merdeka, saya dapati tidak ada suatu usaha-usaha yang konkrit yang telah dijalankan oleh Kerajaan terhadap menjaga dan mengawal harga getah ini. Walaupun getah ini satu benda dan satu perkara yang flexible, tetapi dia juga sticky, kalau lekat atau lekit mengikut negeri mana kita menggunakannya. Dengan sebab itu, getah ini patutlah bagaimana yang ada dalam Undang-undang ini, Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang serius terhadap getah dan kena pada masanya iaitu masa harga getah sangat rendah dan mereka yang berhubung dengan perusahaan getah ini menderita khususnya orang-orang yang menjadi pekebun-pekebun kecil itu.

Tuan Yang di Pertua, saya suka juga menarik perhatian Kerajaan iaitu apabila kita membincangkan Rang Undang-undang ini bukan sahaja patut kita menimbangkan sistem pemasaran getah, tetapi juga hendaklah Kerajaan mengambil perhatian yang berat terhadap dasar pertukaran wang luar atau foreign exchange policy. Saya dapati Kerajaan masih belum menukar lagi dasar foreign exchangenya, kerana ini ada hubungan dengan pasaran getah.

Apa yang saya ketahui bahawa estet kepunyaan orang-orang Eropah umpamanya menjual getahnya, kita tahu pasaran besarnya di London dan hanya sebahagian kecil sahaja daripada hasil penjualan itu yang dibawa masuk ke dalam negara ini iaitu cukup-cukup untuk membayar gaji pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan estet itu, yang lainnya ditinggalkan di London. Dan dengan sebab itu, wang tersebut menjadi bertambah banyak (accumulated) dari satu masa ke satu masa dan terlalu banyak wang negara kita terikat di London. Dan dengan jatuhnya harga getah, nilai paun kita juga ikut turun atau jatuh. Dalam hal ini saya tidak berhajat hendak bercakap panjang sebab kita tidak membincangkan tentang foreign exchange, tetapi tindakan perlu diambil oleh pihak Kerajaan iaitu bukan sahaja membincangkan atau memikirkan masalah getah, tetapi juga masalah matawang dan juga foreign exchange yang ada sekarang dikaji semula dan dipinda dengan sewajarnya.

Tuan Yang di Pertua, kita membincangkan berkenaan kedudukan getah ini dengan sebab harga getah turun dan kita mengetahui iaitu Kerajaan menjalankan beberapa usaha supaya harga getah ini dapat kekal dengan baik, dengan berbagai-bagai cara termasuk juga pembelian stockpile. Dan pembelian stockpile ini setahu saya tidak langsung memberi kesan kepada harga getah. Dan mengikut penyiasatan saya ada hubungannya dengan mereka yang ada terlibat di dalam perusahaan getah atau pemasaran getah yang ada sekarang ini. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu apabila melantik Anggota Lembaga ini kelak, hendaklah memberikan perhatian berat supaya Ahli-ahli Lembaga ini selain daripada apa yang dinyatakan di dalam Fasal 3 (2) (e) iaitu wakil daripada perusahaan getah, hendaklah orang-orang yang tidak ada mempunyai kepentingan diri di dalam atau di luar negeri.

Apa yang pernah berlaku di dalam negeri ini mengikut penyiasatan saya ialah orang yang ada hubungan, pertamanya mengetahui hal yang ada berlaku atau langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan, tetapi mereka ini ada hubungannya di luar negeri, maka sebelum langkah itu dilaksanakan, maka pihak luar negeri sudah mengetahui langkah atau tindakan yang akan dijalankan oleh Kerajaan. Maka dengan sebab itu, sangatlah penting bahawa mereka yang menganggotai Lembaga ini ialah daripada mereka yang jujur terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan ke atasnya.

Tentang keanggotaan Lembaga, saya tidak berhajat hendak mengulangi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang bercakap terdahulu daripada saya, tetapi tentang wakil yang tersebut dalam Fasal 3 (2) (d) ini, saya bersetuju sangat dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap lebih dahulu daripada saya supaya wakil daripada pekebun-pekebun kecil ini dilebihkan kerana orang yang terlibat daripada kalangan pekebun-pekebun kecil itu lebih ramai daripada yang lain, walaupun luas kawasan getahnya barangkali kurang estet orang-orang Eropah, kerana ini melibatkan lebih daripada 250,000 keluarga yang mengharap kehidupan kepada getah ini dengan menjadi pekebun-pekebun kecil dan sebahagian besar daripada 250,000 ini

ialah daripada orang-orang Melayu sendiri. Jadi dengan sebab itu, saya rasa dan berpendapat bahawa patut sangatlah di dalam Lembaga ini ada lebih daripada dua orang yang mewakili sektor pekebun-pekebun kecil, kerana orang-orang yang terlibat dalam hal ini lebih ramai, janganlah dipandang daripada segi luas kawasan getah yang terlibat itu.

Tuan Yang di Pertua, demikian juga tentang usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan dan badan-badan yang lain seperti PERNAS untuk mendapatkan pasaran bagi getah kita ini dan saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan dan PERNAS yang telah mempelupuri penjualan atau mendapat pemasaran getah ini di negara-negara Blok Timor, yang saya percaya akan menjadi pembeli yang utama antara negara-negara yang utama menjadi pembeli getah kita kerana selama ini kita, hanya berharap kepada dua-tiga buah negara sahaja, tetapi dengan penyertaan PERNAS di dalam bidang dan di dalam lapangan ini dengan mengadakan perjanjian dan mendapat pasaran di negara-negara Blok Timor, maka saya percaya dan mempunyai harapan harga getah akan datang mendapat harga yang baik. Walaupun demikian, dengan sebab pada masa ini harga getah ini sangat merosot dan pekebun-pekebun kecil kesusunya di dalam kawasan saya sendiri penderitaan daripada pekebun kecil, kerana harga getah ini turun.

Saya suka mencadangkan bagi timbangan Kerajaan supaya diadakan satu harga minima yang terjamin atau GMP (Guaranteed Minimum Price) bagi getah ini. Saya tentu percaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidak memikirkan perkara ini barangkali sukar hendak dijalankan terutama di dalam tugas-tugas Lembaga ini berhubung dengan Fasal 4 tidak ada menyebutkan tentang kuasa Lembaga ini atau tanggungjawab Lembaga ini tentang harga minima ini. Tetapi kalau ditafsirkan 4 (e) boleh juga dijalankan 4 (e), kalau (e) ini tidak sesuai dengan ini iaitu tanggungjawab dan kuasa tidak ada termasuk di dalam Fasal 4. Ini saya berharap kalau syor saya ini disetujui supaya ditambah lagi satu pecahan dalam Fasal 4 ini. Saya menimbangkan iaitu oleh sebab mungkin jadi sukar untuk menentukan getah yang mana diadakan Guaranteed Minimum Price atau Harga Minima Terjamin ini, maka saya mencadangkan

kan supaya Harga Minima Terjamin ini dikenakan kepada susu atau latex. Dan dengan ini lebih mudah bagi menentukan walaupun pekerjaannya agak lebih bagi pihak Lembaga ini untuk membawa susu ini ke tempat-tempat memproses getah ini. Ini saya berdasarkan kepada apa yang disarankan oleh Kerajaan sekarang tentang padi mengadakan Harga Minima Terjamin (GMP) bagi padi dan saya percaya sudah tentu Yang Berhormat Menteri akan menjawab iaitu padi berlainan dengan getah, sebab padi ini hanya barang tempatan dijual setempat sahaja, tetapi getah untuk diekspor keluar negeri, tetapi ini tidak patut dijadikan satu alasan. Apa yang saya maksudkan di sini GMP ini akan membantu dan menolong pekebun-pekebun kecil yang luas kebunnya 3 ekar dan tidak lebih daripada 5 ekar, kerana mereka inilah yang menderita sekarang ini, kerana mereka ini juga tidak menanam getah semula, tidak menggunakan wang cess yang telah dikutip selama ini semenjak 20 tahun yang lampau daripada wang cess yang telah dipungut semenjak tahun 1952. Ini tidak digunakan untuk menanam semula; mereka inilah yang menderita, tetapi orang yang estetnya besar atau pekebun-pekebun kecil yang lebih besar luasnya mereka ini menggunakan. Saya tidak hendak bercakap atas perkara ini dengan lanjut di sini, kerana saya akan bercakap dengan lebih lanjut lagi dan lebih detail bila membincangkan Rang Undang-undang Pekebun Kecil kelak.

Saya juga berpendapat bahawa ini sangat patut dijalankan bagaimana dengan harga padi juga, walaupun ini bukan satu langkah yang boleh menyelesaikan masalah harga getah bagi negara kita ini terutama bagi pekebun-pekebun kecil, tetapi sekurangnya ini satu langkah yang sementara dan yang boleh dikaji semula apabila keadaan getah ini lebih baik. Dan saya belum dapat membuat kira-kira yang sebaiknya berapa harga minima yang terjamin itu dan saya mencadangkan supaya diperhatikan daripada harga getah sepanjang beberapa tahun yang lampau. Ambil satu tahun yang pertengahan dan digunakan angka ini tetapi kalau antara 40-45 sen, saya ingat satu paun boleh dijadikan minima dan ini tidak bermakna apabila harga getah melambung naik, yang dia tinggal harga banyak itu, kerana ini minimum price iaitu harga yang serendah-rendahnya. Jadi ini menjamin kepada pekebun-pekebun kecil tentang

kehidupan mereka tidak terganggu dengan keadaan bila harga getah sangat merosot seperti yang ada sekarang ini. Ini pada saya sangat penting dan kalau dapat ini ditimbangkan bukan menyelesaikan masalah seluruhnya, kerana sudah tentu ada juga orang yang tidak jujur, pelesen-pelesen umpamanya tidak jujur yang akan membeli, yang akan mengurangkan timbangannya, yang akan menggunakan lain-lain helah untuk mendapat keuntungan seperti juga pengilang-pengilang yang membeli padi hari ini menjalankan berbagai helah. Tetapi ini terpulang kepada Kerajaan untuk mengambil langkah ini dan begitu juga kalau syor ini disetujui detailnya itu terserahlah kepada Kerajaan membuatnya.

Tuan Yang di Pertua, itu sahajalah yang saya hendak cakapkan kerana saya tidak hendak mengulang apa-apa perkara yang sudah dibangkitkan di dalam Dewan ini. Terima kasih.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don (Kulim Utara): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia.

Saya percaya inilah satu langkah baik daripada pihak Kerajaan iaitu bagi hendak menolong pasaran getah-getah keluaran daripada pekebun kecil. Sebagaimana rakan-rakan yang telah terlebih dahulu berucap daripada saya juga menyokong bagi pihak Kerajaan iaitu dalam Fasal 4 (f) yang mana Kerajaan akan bekerjasama dengan semua ejen-ejen negara yang lain yang bertanggungjawab bagi mengadakan kredit pertanian memproses dan memasarkan getah. Kita tahu hari ini, Tuan Yang di Pertua, iaitu kalaulah hendak dikatakan getah ada berbagai jen's pengeluarannya. Saya tahu kalau daripada hasil susu getah yang mengalir daripada pokok itu adalah sama sahaja, tetapi kalau hendak dibandingkan dengan getah SMR, hari ini harga getah itu sahaja telah meningkat lebih daripada 90 sen bagi satu paun, tetapi getah yang keluar di kampung-kampung yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil hanya mendapat pasaran tidak kurang daripada 30 sen satu paun. Ini adalah menunjukkan satu jurang yang sungguh luas yang mana harapan daripada pekebun-pekebun kecil selain daripada mereka itu menjadi mangsa tekanan-tekanan daripada pekedai-pekedai getah yang membeli getah dengan cara mengeluarkan kredit pada

mereka itu, maka sudah tentu ada sahaja grading yang telah dikenakan kepada mereka ini. Getah mereka walaupun getah yang telah diusahakan dengan cara menggunakan cuka getah yang baik, mengasap getah yang baik tidak lebih daripada Grade Kelima, getah yang kelima ataupun yang keempat sahaja yang mereka dapati, maka dengan kerana itu harapan mereka untuk memasarkan getah-getah mereka itu dengan cara yang baik tidak dapat. Dari itu, saya rasa, pihak Lembaga ini hendaklah mengkaji dengan sedalam-dalamnya bagaimana kita dapat membuat kajian baik di dalam Fasal 11 (1) (a) iaitu bagaimana Kerajaan hendak mengadakan pembekalan dan pengeksportan getah termasuk juga dalam halehwal penjualan dan sebagainya.

Saya percaya ada juga bagi pihak setengah-setengah negara yang suka membeli getah dengan secara susu cair. Dengan cara ini, patutlah bagi pihak Lembaga Pelesen Getah tadi mengusahakan bagi syarikat-syarikat perkapalan juga kalau dapat mengadakan cara container system, maka dengan cara ini dapatlah kita tidak sahaja menghantar getah-getah kita dengan cara bundler yang dihantar dan ditentukan grade-grade-nya oleh pihak negeri yang lain.

Dan disamping itu, saya rasa tariff rate yang telah dikenakan oleh syarikat-syarikat perkapalan kepada getah-getah kita ini kadang-kadang dalam setahun dua-tiga kali mereka menukarkan rate mereka itu, maka dengan cara ini selalu yang menjadi mangsanya ialah daripada pekebun-pekebun kecil kita. Saya rasa Menteri Perusahaan Utama tentulah akan membuat kajian lebih teliti lagi iaitu bagaimana penderitaan yang ditanggung oleh pekebun-pekebun kecil kita. Jumlah pekebun-pekebun kecil kita yang begitu besarnya dan pihak Kerajaan kita telah mengeluarkan wang yang tidak kurang daripada \$719,298,253.19. Ini adalah satu angka yang cukup besar bagi menolong pekebun-pekebun kecil kita dan juga ladang-ladang menanam semula getah, tetapi dalam halehwal yang demikian, Tuan Yang di Pertua, saya percaya banyaklah kekecuan yang telah berlaku iaitu satu perbungkaran yang terpaksa dibuat oleh pihak Kementerian ini, kerana kalaulah dibanci dengan angka-angka yang ada, walaupun saya percaya dalam Rang Undang-undang ini tidak menyetujui dalam perkara itu, tetapi bantuan-bantuan baka baik yang telah diberikan

kepada ladang-ladang besar yang telah mendapat hasil sebanyak 85% daripada hasil getah yang keluar daripada ladang-ladang getah yang besar tadi iaitu 950 paun bagi satu ekar tetapi kepada pekebun-pekebun kecil tadi hanya terdapat 54% paun sahaja dan susu getah itu tidak kurang 571 paun sahaja seekar. Ini adalah sangat mengecewakan kita.

Bagi pihak R.R.I. telah mendapat satu sanjungan yang paling tinggi di dalam mata dunia iaitu kitalah yang mempunyai satu badan yang membuat research berkenaan dengan getah dalam negeri kita ini dan seluruh dunia mengakui tentang kehandalan mereka itu menjalankan kerja-kerja research, tetapi apakah research yang telah mereka buat kepada pekebun-pekebun kecil kita? Kalau hendak banding jurang yang membezakan antara ladang-ladang yang besar dengan pekebun-pekebun kecil. Saya mengatakan ini adalah satu kezaliman, kezaliman yang tidak dapat dimaafkan oleh pihak pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di Pertua, perkara-perkara macam ini ada-lah telah menjadi satu penyakit yang rasa tidak puas hati daripada pekebun-pekebun kecil kita, kita pandang dalam peringkat daerah sahaja sudah. Kalaulah pihak pekebun-pekebun kecil mereka adalah lebih suka mendampingi diri mereka kepada Lembaga Tanam Semula Getah, kerana Lembaga Tanam Semula Getahlah yang dapat memberi bantuan kepada mereka itu kalau, dengan cara pujuk rayu, kalau dengan cara tipu daya mereka boleh mendapat iaitu bantuan daripada Lembaga Tanam Semula Getah, tetapi kepada R.R.I. yang akan menjadi nadi kepada kebanyakan susu-susu getah bagi pokok-pokok getah mereka itu, mereka jarang sangat hendak mendampingi diri dan kita tahu ada juga pegawai-pegawai daripada R.R.I. yang rasa kurang senang hati sedikit hendak mendampingi diri mereka itu dengan pekebun-pekebun kecil. Inilah yang menjadi masaalah-masaalah pada pekebun-pekebun kecil. Mereka mengharapkan pimpinan yang sebenarnya tetapi pimpinan yang sebenarnya tidak sampai pada mereka itu. Ini kalau hendak dikatakan di dalam pihak R.R.I. atau pun pihak badan-badan getah yang ada di pusat ini adalah sebagai yang dikatakan top heavy sahaja. Mereka ini hanyalah memikirkan benda-benda dalam segi theory sahaja, tetapi bila

sampai kepada peringkat pekebun kecil, maka tidak ada satu badan, tidak ada siapa yang boleh terusmenerus berhubung dengan mereka itu.

Di pihak Lembaga Tanam Semula Getah juga kalaulah terdapat kesilapan sedikit, katalah di dalam kebun getah mereka itu terdapatlah lalang sedikit sahaja yang tidak mati kerana racun yang telah diberi itu maka bantuan ditahan dan kadang-kadang tidak dapat langsung, maka inilah dia, Tuan Yang di Pertua, yang menjadi penyakit kepada pekebun-pekebun kecil getah ini.

Tetapi angka-angka yang sebegini baharu kami dapat setelah Majlis Kebangsaan Pekebun-pekebun kecil ditubuhkan baru dalam setahun yang lepas, maka baru-lah kita dapati angka-angka yang bagini dan barulah suara-suara daripada pekebun-pekebun kecil baru didengar oleh pihak Kerajaan bahkan perkara ini telah berjalan mengambil masa selama 18 tahun lamanya.

Dan di samping itu pula, Tuan Yang di Pertua, perkara yang paling mendukacitakan kita di antara kerja-kerja yang telah dijalankan oleh pihak Lembaga Tanam Semula Getah ini terdapat exploitasi yang telah dijalankan oleh beberapa kerat manusia yang telah menggunakan kesempatan pekebun-pekebun kecil tadi membuka tanah yang luas lebih daripada 80,000 ekar iaitu disebelah Pahang yang bernama Keratong. Siapakah yang mendapat faedah? Apa yang saya dapati lebih daripada \$3.5 juta wang ini telah digunakan oleh beberapa kerat manusia ini dan manusia ini datangnya ada sekali saya dapat tahu daripada Johor, ada yang mengatakan daripada berapa kerat orang-orang Cina yang ada dalam negeri Pahang sahaja. Ini adalah mendukacitakan. Perkara-perkara ini akan berulang lagi ceritanya apabila kita dapat tahu sejumlah lebih daripada 178,000 orang lagi yang akan mendapat bantuan tanam semula di dalam rancangan-rancangan yang akan datang ini. Perkara ini akan berulang kali berlaku dan inilah satu perkara yang menyayatkan hati kita, Tuan Yang di Pertua. Kalau kita bandingkan dengan kerja-kerja yang telah dilakukan oleh badan-badan yang akan menolong nasib pekebun-pekebun kecil ini.

Di samping itu, Tuan Yang di Pertua, apa yang diusahakan oleh pihak Kerajaan, saya rasa, patutlah meliputi sehingga kepada menyiasat kedudukan perkara-perkara seperti Majlis Pengeluaran Getah Asli yang mana kita dapati diwakili oleh penanam-penanam getah yang mempunyai kesatuan-nya, wakil daripada kesatuan mereka itu, daripada pemilik-pemilik ladang getah dan berbagai-bagainya. Ada di antara mereka itu menduduki beberapa Jawatankuasa-jawatankuasa sehinggakan hendak dibandingkan dari pengerusinya juga menduduki hampir 30 komiti yang lain. Ini adalah yang paling mendukacitakan kita. Selama ini orang-orang yang telah berusaha telah memberi nadi kepada kewangan negara kita hanya menjadi mangsa sahaja, tetapi ada orang yang hanya mengambil kesempatan ini memasuki hanya daripada rubber tycoon sahaja di dalam Majlis Pengeluaran Getah Asli. Oleh itu, harapan saya yang saya menyuarakan dalam Dewan ini supaya dapat kita membuat kajian yang sepenuh-penuhnya bagaimana dapat bagi pihak Kerajaan kita membunkar sehingga keakar umbinya supaya tidak lagi berlaku perkara-perkara yang boleh merugikan sejumlah rakyat yang hampir setengah juta manusia yang mempunyai pekebun-pekebun kecil dalam negara kita. Sekian sahaja, Tuan Yang di Pertua, terima kasih.

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-Undang ini dan terlebih dahulu saya mohon izin supaya saya dapat bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di Pertua, jikalau getah asli akan bertanding dengan getah synthetic dengan lebih berkesan lagi, maka kita pasti mengambil ataupun gunakan satu strategi pasaran yang telah dijalankan oleh pembuat getah synthetic itu. Seperti yang kita semua maklum bahawa pembuat-pembuat synthetic itu semua ada diletakkan di dalam negeri-negeri pengguna atau pun negeri-negeri consumers, maka dengan keadaan itu getah synthetic yang dibuat oleh pembuatnya dapatlah dikirim secara langsung atau pun direct kepada pengguna.

Jadi, Tuan Yang di Pertua, maknanya paipline daripada pembuat sampai kepada pengguna itu adalah pendek. Tetapi kalau dibandingkan dengan itu, pengeluaran getah asli dapat mengirimkan hasilnya kepada

pengguna-pengguna hanya melalui intermediaries, ataupun orang tengah, maknanya paiplinenya panjang. Kalau paiplinenya sudah panjang, maka sudah tentu peluang untuk spekulasi itu pun makin banyak. Tuan Yang di Pertua, intermediary ataupun orang tengah itu pasti dihapuskan dan paipline itu dipendekkan kerana orang tengah atau intermediary itu tidak sedikit pun berkhidmat untuk kepentingan ataupun faedah pengeluaran-pengeluaran getah asli.

Tuan Yang di Pertua, seperti yang semua kita maklum, sistem pasaran kita sekarang selalu didorong oleh apa yang dikatakan market sentiment. Market sentiment itu ialah faktor-faktor psikologi yang mengakibatkan harga getah kita turun dan naik. Faktor-faktor itu ialah seperti peperangan, mogok-mogok ataupun nilai mata wang turun, atau pun devaluation of currency dan ini adalah sangat tidak sehat. Harga getah patutlah ditetapkan sahaja oleh apa yang dikatakan pure economic forces of supply and demand. Adalah diakui bahawa Rang Undang-undang ini tidak akan menghapuskan spekulasi-spekulasi yang telah dan akan lagi lahir oleh faktor-faktor psikologi itu, akan tetapi adalah perlu dan Rang Undang-undang ini akan mengeratkan spekulasi-spekulasi itu untuk mengawal harga supaya ianya distabilkan dalam masa jangka panjang.

Tuan Yang di Pertua, sekiranya pasaran getah kita akan dijalankan dengan licin dan berkesan, bekalan ataupun supply getah yang baik qualitynya dan harganya yang adil pasti diadakan sentiasa. Ini akan dilahirkan apakala Malayan Export Registration Board itu, ataupun Lembaga Pendaftaran Ekspot Getah Tanah Melayu disusun semula. Apabila anggota-anggota Lembaga baharu itu ditubuhkan, ianya akan menjadi satu badan yang betul-betul Malaysian dan akan menyenangkan lagi keluaran getah, quality yang baik melalui pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Saya penuh yakin dan percaya bahawa Lembaga baharu itu akan menjalankan tugas tugasnya dengan awas, halus dan tegas supaya apa-apa yang dimaksudkan oleh Rang Undang-undang ini dapat dipenuhi.

Tuan Yang di Pertua, sistem pasaran kita sekarang tidaklah mencukupi dan perlu dimodenkan dan dilicinkan lagi. Malaysia seperti pengeluaran-pengeluaran getah asli yang terbesar dalam dunia kita dan sebahagian besar daripada ekonomi kita bergantung atau

bersandar kepada pendapatan eksport dari getah asli. Maka perkara ini telah menjadi satu perkara yang patut diutamakan. Adalah baik dan perlu pasaran Kuala Lumpur ditambahkan lagi dan dimajukan menjadi satu pasaran getah antarabangsa supaya lebih banyak lagi getah kita dapat dijual kepada pengguna-pengguna dalam dunia ini melaluinya untuk mempersihatkan lagi ekonomi negara kita pada masa akan datang. Terima kasih.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): Tuan Yang di Pertua, saya minta izin untuk berchakap dalam Bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Campur-campur tidak boleh?

Tuan R. C. M. Rayan: Tidak boleh.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Diizinkan.

Tuan R. C. M. Rayan: (*Dengan izin*) Tuan Yang di Pertua, we all realise that we are today living in a world of science and scientific research and western countries and Japan are fully taking advantage of the knowledge gained from such science and scientific research to improve and better their positions in this competitive world. Sorry to say, we in Malaysia are living in a "plastic world", producing plastic articles out of tapioca, when in fact with all the available rubber in Malaysia, Indonesia and other countries, we should be living in the midst of a "rubber world" with goods and articles made of natural rubber surrounding us, so much so the demand from other countries for articles made of natural rubber should be so great that we should find it difficult to cope up with such excessive demands. Today the position is otherwise. There is no demand from anyone and we have also no rubber goods to offer them even if demanded. Thus, there is no demand and there is no supply.

It is generally said as an excuse that because of synthetic rubber coming in the way of natural rubber, natural rubber has lost its usefulness and value and therefore is on the decline. American synthetic rubber cannot make detrimental inroads into the Malaysian natural rubber industry because it is a well-established fact that synthetic rubber is not in any way superior to or even equal in

quality to natural rubber. For instance, experience has shown that a motorcar tyre made of synthetic rubber and imported from abroad is completely worn out and becomes threadbare and threadless after about 10,000 miles, whereas a tyre manufactured in Malaysia out of natural rubber stands up to about 25,000 miles. The tyre may become unserviceable due to bad manufacture but the threads never wear out until the tyre has rolled over at least 25,000 miles on the road. This shows that natural rubber tyre is able to stand the strain better than the synthetic rubber tyre.

The price of rubber has become low due to the neglect of the Government itself. The Government by now should have discovered a thousand and one ways of using natural rubber in various types of goods which are in essential use not only in this country but also in countries outside Malaysia. Even at this late hour the Government should first of all concentrate on ways and means of making use of natural rubber for essential and other goods so that the goods themselves could be exported to other countries. If the goods are good, useful and lasting, even countries like America, England and so on, who have no natural rubber, will have to buy our goods because of the quality and the cheapness in price. There is no use establishing a Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board without at the same time tapping and exploring all available avenues to manufacture suitable goods required for use by the public here in this country and abroad at suitable prices and for this purpose, what is required is not merely a licensing board but experts—I emphasise the word "experts"—from abroad who could help to explore ways and means of using natural rubber in goods required for daily use all over the world.

The price of rubber today is already at its lowest ebb and the smallholders are being exploited by rubber dealers. The Government should step forward and safeguard their interests so that they could dispose of their small quantity of rubber directly at a fair price without the intervention of the middleman. For this purpose more licences should be issued to people to deal in rubber and more centres should be established by the Government for the purchase of rubber from the smallholders. Thank you, Sir.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di Pertua, saya juga suka mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia yang ada di hadapan kita ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang bertanggungjawab, kerana ketegasan dan juga kesanggupan menghadapi beberapa masalah yang sangat rumit dan berliku-liku berkenaan dengan pasaran dan pelesenan getah ini, yang mana kita tahu, iaitu bukan mudah hendak diubah sistem yang lama, yang diamalkan pada suatu sistem yang baharu.

Saya menumpukan perhatian saya, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri dan juga dalam Rang Undang-undang atas dua perkara, iaitu pertama sekali, berkenaan dengan lesen. Kita tahu, iaitu dengan adanya dan lulusnya Rang Undang-undang ini oleh Parlimen, maka saya berharap melesen getah, untuk membeli getah, menjual, mengeksport dan sebagainya dapat ditadbirkan oleh satu badan dan dipusatkan di Kementerian.

Pada masa yang lampau pengeluar-pengeluar lesen ini, diberi kepada negeri-negeri dan juga daerah-daerah yang mana, masing-masing negeri ada Undang-undang masing-masing yang berlainan antara satu dengan lain. Dengan adanya Rang Undang-undang ini di mana kuasa yang penuh dipusatkan kepada Kementerian, maka satu Undang-undang serupa diseluruh negeri ini dapat diadakan.

Dalam segi Undang-undang melesen ini, Tuan Yang di Pertua, saya berharap iaitu, peluang-peluang untuk diberi lesen yang begitu banyak terutama sekali kepada bumiputra di dalam kawasan-kawasan kampung. Pada masa yang lampau atau yang ada pada hari ini, lesen-lesen, lesen-lesen yang kebanyakan negeri mengenakan \$500 satu lesen samada dia berniaga di Kuala Lumpur ataupun di kampung ataupun di bandar tidak kira waima dia itu peniaga lesen besar atau peniaga kecil. Ini saya rasa tentulah, dan saya berharap dapat kiranya ditibangkan bagaimana boleh bumiputra yang modalnya sedikit—yang kecil untuk membayar lesen yang begitu mahal.

Begitu juga, Tuan Yang di Pertua, seorang yang hendak menjadi packer ataupun hendak mengeluarkan getah—jualan luar negeri pada

hari ini dikenakan oleh Jabatan ini satu-satu packer itu mestilah ada modalnya sebanyak \$250,000 dan juga mesti ada penyokong tiga orang daripada pengeluar-pengeluar getah yang kekal dalam negeri ini. Ini, saya rasa, tidak mungkinlah dapat bumiputra mengambil bahagian bahkan pada hari ini, daripada penyiasatan saya, dari daftar-daftar yang ada, tidak ada seorang pun bumiputra yang ada mengambil bahagian dalam perkara ini. Saya rasa inilah, dua, tiga, kelemahan-kelemahan yang dialami oleh bumiputra, yang saya suka hendak mengambil bahagian, dari segi membeli getah di kampung-kampung dan juga untuk menjadi packer dan menghantar keluar negeri.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan lesen juga, saya rasa inilah satu perkara yang penting untuk memberi kemudahan supaya permintaan-permintaan lesen untuk memberi getah ini tidaklah sebagaimana seperti sekarang ini iaitu cuma setahun sekali sahaja diluluskan siapa yang hendak minta lesen. Dan juga badan pelesen-pelesen yang ada di daerah-daerah pada hari ini dianggotai kebanyakannya oleh orang-orang yang ada memiliki lesen di daerah-daerah itu. Sudah tentulah kalau ada pelesen-pelesen baharu yang hendak meminta lesen, maka tentangan yang hebat datangnya daripada mereka-mereka ini. Saya percaya dan saya dapat dari segi Undang-undang ini, kuasa-kuasa itu ada di tangan Yang Berhormat Menteri dan saya percaya daripada teguran-teguran ini dapat juga dipinda dalam perkara ini.

Saya sesungguhnya tertarik hati kepada ucapan Yang Berhormat Menteri iaitu dengan adanya Undang-undang ini beliau menyatakan:

“One of the immediate changes that would be beneficial is the enlargement of scope of the function of the Malaysian Rubber Development Corporation”.

Ini, saya rasa, satu badan yang telah diadakan oleh Kerajaan yang dikelolakan oleh Kementerian ini dan saya mendapat tahu perbadanan ini sedang giat membeli getah pekebun-pekebun kecil. Dan saya juga mendapat tahu iaitu pada tiap-tiap bulan pada hari ini dia sedang memproses lebih kurang 3,000 tan getah pekebun-pekebun kecil. Dan juga perbadanan ini ialah perbadanan yang saya tahu tidak mencari keuntungan oleh kerana semua modalnya

ialah dari Kerajaan yang mana Parlimen telah meluluskan pada dua tahun yang sudah dengan peruntukan sebanyak \$35 juta. Saya percaya dengan adanya perbadanan ini harga-harga getah yang didapati oleh pekebun-pekebun kecil, tidak lagi, dengan senang dipermain-mainkan oleh orang tengah.

Saya tahu, sekarang, di mana tempat-tempat yang mana perbadanan ini sedang bergiat, maka tidaklah dapat orang-orang tengah mempermainkan harga-harga getah dengan pekebun-pekebun kecil.

Saya harap Yang Berhormat Menteri sebagaimana dalam ucapannya menyatakan iaitu akan membesarkan syarikat ini, dalam usahanya saya berharap supaya ianya akan mengambil ingatan atas keterangan-keterangan yang dikatakan oleh rakan-rakan saya yang telah diucapkan pada masa yang lampau, supaya dapat mengambil ingatan, seperti pentadbiran-pentadbirannya mustahaklah ditimbangan, kerana ini ialah mengenai pekebun-pekebun kecil dan mengenai nasib pekebun-pekebun kecil, maka kita berkehendakkan iaitu seorang Malaysia yang tulin yang mengelolakan perbadanan ini.

Saya masuk kepada perkara pasaran, Tuan Yang di Pertua. Sesebuah negara, seperti negara kita, yang baharu membangun ini, perkara yang penting yang dihadapi, ialah dua perkara, iaitu siasah dan ekonominya. Maka sudah semestinya, tiap-tiap negara itu, akan memainkan peranan yang penting, atau pun membaharui dari semasa kesemasa kedudukan perjalanan ekonominya, supaya mengawal kedudukannya dalam ekonomi-ekonomi dunia ini, maka termasuklah negara kita. Maka dengan adanya kesedaran ini di negeri kita pendapatan yang besar akan didapati ialah daripada eksport getah kita. Maka sudah semestinya, yang kita tidak berharap sangat lagi kepada cara-caranya. Dengan sebab itu, maka saya menganggap Yang Berhormat Menteri telah mengkaji dengan mendalamnya atas perkara ini, maka terbentangleh Rang Undang-undang dihadapan kita ini, supaya dicari jalan, bagaimana satu daripada pendapatan negara kita yang besar, iaitu getah, sebagaimana keterangan Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan, bahawa undang-undang per-

niagaan, iaitu supply and demand tidak termasuk dalam perdagangan getah ini, yang tidak terfikir oleh kita.

Saya rasa, sudah menjadi kewajipanlah kita membuat peraturan-peraturan yang baharu ini supaya memberi kita keuntungan. Sistem pasaran kita ini, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, ada tiga cara di sini. Tetapi cara yang mengenai pekebun-pekebun kecil ialah cara yang pertama iaitu cara orang tengah. Ini Yang Berhormat Menteri, ada memberi tiga cara, iaitu melalui dealers, melalui brokers dan juga terus dengan pengguna-pengguna luar negeri. Maka dengan terus keluar negeri ini, ialah tidak lain dan tidak bukan, iaitu dijalankan oleh estet-estet yang besar dalam negeri ini. Tetapi yang melalui orang tengah, inilah, rasa saya, boleh dikatakan 100% getah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil, dan orang tengah ini, tentulah banyak masalah yang kita hadapi terhadap mereka ini, terutama mereka berkehendakkan keuntungan yang banyak, dan oleh sebab getah dalam dunia ini satu benda yang sudah pada hari ini, boleh dikatakan berlawanan dengan getah tiruan yang digunakan oleh dunia, kerana banyak kegunaan getah sudah jatuh lebih kurang ke 48% sahaja. Jadi sudah tetaplah, harga-harga yang kita harapkan untuk meninggikan ini, tidak akan kita capai, oleh sebab pesatnya perlawanan daripada getah tiruan ini. Dan pembeli-pembeli getah ini akan mencari keuntungan yang banyak dengan harga getah yang sedikit, yang kecil ini, dan mereka-mereka akan menggunakan beberapa helah, dari segi mutu getah kerana tak siapa yang boleh menentukan, melainkan ialah pembeli-pembeli sahaja. Jikalau pekebun-pekebun kecil menjual getah, tidak ada satu badan yang boleh menentukan adakah getah mereka itu nombor satu atau nombor dua atau nombor tiga, melainkan pembeli-pembeli itu sendiri yang akan menentukan. Ini sudah terjadi, Tuan Yang di-Pertua, di mana usaha Kerajaan supaya pekebun-pekebun kecil membuat getah yang baik dan bermutu, tetapi tidak dapat sambutan daripada pekebun kecil dengan sebab kerja-kerja yang dibuat itu tidak mendapat harga yang baik bagi getah yang baik. Oleh sebab menentukan mutunya ini ialah pembeli-pembeli sahaja. Oleh sebab tidak dapat jalan lain untuk dijual, maka dijualkan jugalah walaupun harga barangnya berharga yang baik, dijual juga dengan harga mutu yang rendah.

Itulah satu-satu cara pada pembeli-pembeli getah yang ada membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil.

Baharu-baharu ini, saya mendapat tahu pula tentang permainan daripada broker-broker, iaitu pembeli-pembeli getah pekebun-pekebun kecil ini, apabila mereka boleh mengumpulkan getah yang baik, yang banyak untuk dijual kepada broker-broker ini, broker-broker ini sudah tetap menentukan iaitu daripada Gred Satu, RSS I dia hendak beli cuma 30% sahaja katanya, lebih daripada itu dia tidak mahu beli. Jadi si pembeli tadi apa hendak buat dengan getah yang dia beli dengan banyak tadi, 70%. Si broker ini kata: "Baiklah, saya akan beli dengan harga nombor tiga". "Kalau hendak, juallah", katanya. Inilah masalah beberapa peringkat daripada pembeli getah di kampung-kampung dan broker-broker. Begitu juga, saya dapati, broker-broker di luar negeri memainkan masalah getah ini. Pada masa saya berada di New York, pengguna-pengguna getah yang menggunakan getah, tidak dapat hendak membeli getah. Saya telah ditemui oleh beberapa pengguna-pengguna getah dan pada hari itu mereka mengatakan hendak membeli sebanyak 25 ribu tan getah Malaysia. Tetapi apabila dia pergi kepada broker-broker ini, dia mengatakan getah Malaysia tidak ada kerana di Malaysia, katanya memotong getah tiga bulan setahun. Inilah permainan broker-broker di luar negeri dan di dalam negeri yang saya ceritakan tadi. Jadi inilah, rasa saya, penyakit-penyakit yang akan ditempo oleh Yang Berhormat Menteri ini dalam mengelulakan hal pasaran ini. Pasaran dalam negeri ini bolehlah kita jayakan, usahakan, cari jalan, tetapi di luar negeri, satu masalah yang besar bagi kita.

Perhubungan antara negara kita dengan negara luar, dari segi ini sangatlah mustahak, sangat penting iaitu semua pegawai-pegawai perhubungan trade mission kita, technical advisers kita di luar negeri hendaklah memberi penerangan yang penuh, terhadap getah-getah kita dalam negeri ini, menerangkan masalah-masalah apakah getah yang kita ada. Saya berharap ataupun berfikir dalam masalah ini, kita mestilah ada pasaran kita di sini sendiri. Kita jangan berharap lagi kepada pasaran kita di luar negeri. Kita jangan berharap lagi kepada pasaran di New

York dan London atau sebagainya untuk menukar satu-satu Sistem ini bukanlah senang, Tuan Yang di Pertua.

Pertama, kita hendaklah dapat mententeramkan pengguna-pengguna getah yang membeli getah negeri kita. Jadi, bermakna bersedia mengadakan bermacam-macam perkara persediaan kesenangan supaya pengguna-pengguna percaya dengan pasaran kita. Kita mesti ada pengangkutan yang baik, pelabuhan yang lengkap, sistem bank, punca kewangan yang kokoh dan juga sistem insuran dan sebagainya supaya mereka itu sanggup datang memberi perkhidmatan dengan pasaran kita di sini.

Kita tahu sekarang bahawa, kita masih lagi belum dapat memberi kepercayaan kepada pengawal ini. Jadi, di dalam perkara ini, rasa saya, Yang Berhormat Menteri akan menunjukan tenaganya untuk memberi kepercayaan kepada pengguna-pengguna getah supaya menggunakan 100% setelah kita ada pasaran kita.

Sistem menjual getah ini, Tuan Yang di Pertua, dalam pasaran ini, saya rasa, dengan adanya pasaran kita, pasaran yang monopoli atau pasaran yang ada seorang kawan saya mengatakan nationalised system iaitu ditentukan oleh pasaran harga getah kita sendiri tidak macam pada hari ini, Tuan Yang di Pertua. Pada hari ini siapa yang eksport getah, dialah yang akan menetapkan harga getahnya. Kita tahu, badan-badan yang mana ibu pejabatnya di London yang dipunyai oleh bukan warga negara kita yang ada getah, membawa getah-getah daripada negeri ini, keluar negeri kepada ibu pejabatnya di London atau pun di pusat-pusat perniagaan mereka. Dan di sini mereka-mereka akan memainkan kita, seumpamanya satu kaedah saya dapat tahu, Tuan Yang di Pertua, ada beberapa badan yang dipunyai oleh bangsa asing ini, untuk tujuan supaya rancangan Kerajaan menetapkan harga getah sebagaimana yang telah kita cuba, iaitu jikalau harga getah jatuh 40 sen pada masa yang lampau, Kerajaan membeli semua getah-getah kita, tetapi bila Kerajaan hendak beli getah, tak dapat getah, dan mereka-mereka ini pula, kerana hendak menepati kehendak Kerajaan ini, dia mengatakan dia menjual getah dengan harga lebih daripada 40 sen, iaitu 42 sen. Tetapi bila getah-getah ini sampai ke pasaran dunia mereka akan menjual kepada 39 sen. Ini bermakna jikalau

Kerajaan beli getah dengan harga 40 sen pun Kerajaan tak boleh jual getah di luar negeri sebab pasaran-pasaran dikawal oleh orang ini.

Kita tahu sekarang, dalam negeri kita ini, getah yang dipunyai oleh bangsa-bangsa asing dari 1.3 juta tan yang dikeluarkan oleh negara ini, 40% dipunyai oleh orang-orang yang saya sebutkan tadi. Sebab dia jual murah begitu, kerana processing cost-nya di dalam negeri ini satu paun tak lebih daripada 23 sen. Jadi masih lagi dia mendapat untung, walaupun dia jual kurang daripada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan 40 sen. Ini yang pertama sekali, akan mengeciwakan Kerajaan supaya menetapkan hendak mahu harga getah naik lebih 40 sen. Inilah, saya bercadang, supaya Badan Membeli Getah ini, menetapkan harga, iaitu membeli semua getah-getah yang dikeluarkan oleh negara ini, dan badan ini sahaja akan menemui pengguna-pengguna getah luar negeri ini. Dengan cara ini, Tuan Yang di Pertua, banyak masalah dapat diselesaikan.

Yang pertama, harga getah dapat ditetapkan, iaitu badan ini akan menetapkan 35 sen katakan, dan pelesen-pelesen ini menjadi ejen kepada badan ini diberi komisen tiap-tiap satu tan \$3 atau \$5. Dengan cara ini, harga getah akan sama dalam negeri ini.

Begitu juga, dengan badan ini boleh menjual getah keluar negeri mengikut pasaran dunia, dan pengguna-pengguna getah di luar negeri akan dapat tenteram, iaitu dia tahu dia boleh mengaturkan yang dia boleh mendapat getah dengan tidak tersekat-sekat dan harganya tertentu dan dia bolehlah buat planning untuk menjalankan perusahaan getah, faktori-faktori membuat barang-barang keperluan manusia di luar negeri sana. Berdasarkan kepada pengalaman yang saya tenguk yang saya katakan tadi, di mana, di New York, pengguna-pengguna getah tak dapat beli getah, bukan tak ada getah, Tuan Yang di Pertua, kerana pusingan-pusingan daripada broker-broker ini. Ini akan menyebabkan, Tuan Yang di Pertua, pengguna-pengguna getah tidak akan percaya kepada getah, dia akan lari kepada getah tiruan, kerana getah tiruan, sentiasa ada di hadapan mukanya, dan dia boleh beli pada masa itu juga, dengan segala keterangan yang begitu cantik dia boleh terima. Ini masalah dari segi menyampaikan getah-getah kepada

pengguna-pengguna di mana yang saya telah perhatikan semasa lawatan-lawatan saya di luar negeri.

Sistem ini tentulah akan menerima tentangan yang hebat. Barangkali saya, akan dituduh, mengontrol atau tidak beri kebebasan dari segi perniagaan kerana sistem kita iaitu sistem free enterprise. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, untuk negara kita, untuk keturunan rakyat, kita tidak pedulikan apa sistem sekalipun, Tuan Yang di Pertua, jikalau sistem ini sistem yang kita katakan, keras ataupun monopoli kerana rakyat yang menderita, sudahpun sewajarnya dijalankan sistem ini dan tidak siapa akan boleh menahan dalam rancangan ini.

Jadi, Tuan Yang di Pertua, saya rasa, saya akan diberi jawapan dengan diberi contoh-contoh, ada negara-negara yang buat semacam ini seperti negara Sri Lanka (Ceylon), iaitu satu sistem yang macam ini, tetapi kita mesti ingat, kita mengeluarkan getah dalam dunia ini 40% getah yang digunakan oleh dunia ini dikeluarkan oleh negeri kita. Rasa saya didasarkan kenyataan kegunaan getah dalam dunia ini yang masih lagi mahukan getah asli dan tak boleh lari ke getah tiruan, getah tiruan tak boleh mengambil getah asli dalam banyak perkara. Masih lagi getah-getah asli ini, boleh digunakan oleh manusia ini.

Seperti mana, mengikut Penyata Tahun 1970, Tuan Yang di Pertua, kegunaan getah asli masih lagi kekurangan sebanyak 22,000 tan. Ini satu kenyataan yang tak dapat kita lirikan, menerangkan yang getah asli kita masih kekurangan dalam dunia ini. Begitu juga, Tuan Yang di Pertua, getah-getah yang kita hantar ke luar negeri ini, tidak satu paun pun yang tak laku. Jadi tentulah kita patut mengambil langkah yang sewajarnya, Ahli Yang Berhormat kita seperti yang saya katakan tadi, sangat tegas, boleh dikatakan berat masuk dalam sarang tebusan, untuk mententeramkan negara kita. Saya percaya, dengan kerjasama, daripada penjual-penjual getah, dan yang kedua oleh mereka-mereka yang sayang kepada negara-negara luar atau ada wakil-wakil yang berasa sayang kepada negara Singapura, takut hilang mata pencariannya, dan takut Singapura tidak akan bekerjasama dengan negara, kita, dengan sebab adanya undang-undang ini, maka ada rayuan-rayuan yang timbul dalam Dewan ini yang saya fikir tidak patut diusulkan dalam

Dewan ini. Kita mahu mencari kehidupan negara kita, kita mahu mententeramkan negara kita, terutama rakyat yang menderita pada hari ini.

Saya berharap, Tuan Yang di Pertua, rayuan-rayuan ataupun bisikan yang semacam ini pada masa hadapan kita tidak patut sewajarnya menerima lagi atau mendengar lagi dalam Dewan ini.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri sebagaimana dari rakan-rakan saya, yang telah menyatakan, ketegasan Yang Berhormat Menteri, untuk membentangkan Rang Undang-undang yang controversial, yang boleh menaikkan perasaan perbincangan yang hebat, tetapi kita sanggup menghadapi segala masalah-masalah ini dengan satu tugas, Tuan Yang di Pertua, satu minat, iaitu, hendak menjaga ketenteraman negara, supaya rakyat yang menderita ini dapat ditenteramkan sebab perut mereka semuanya kosong.

Dr S. Seevaratnam (Seremban Barat): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I wish to congratulate the Honourable Finance Minister for his speech based on the Rama Iyer Committee Report; the Honourable Minister of Primary Industries for his speech in introducing this Bill; and also Mr G. K. Rama Iyer and his team of experts for producing a comprehensive Report on devising a national policy for the Malaysian rubber industry.

Though unfortunately we have not seen the full Report, at first glance, Sir, it looks very erudite as though it is going to cure all the ailments of natural rubber. However, if we view it in depth, there are a lot of difficulties and problems still there. I must hasten, however, to add, Sir, that this problem of natural rubber is not an easy one and the Paper also admits this. However, I feel that almost all the suggestions for improvement that are incorporated in this Paper are not new ones. These answers have been thought of in the past, though I agree not implemented fully or properly, which is usually the defect in most policies—i.e. the question of implementation.

When we compare the projected figures of world consumption of elastomers, i.e. both natural and synthetic rubbers, the figures are

not very encouraging, for while we note that the projected figures of world consumption of elastomers is to grow from 7.4 million tons in 1970 to 13 million tons in 1980, in the corresponding period world production of natural rubber is to rise from 2.9 million tons in 1970 to 4.9 million tons in 1980. In both cases, Sir, the figures are roughly double those of the 1970 figures. It just shows, Sir, that we are only marking time, but not producing more in a sense. Thus I feel, Sir, that although the world consumption of both natural and synthetic rubber will be 13 million tons in 1980, we will only be producing 4 million tons of natural rubber in 1980. Thus we are going back, for while in 1970 we met half the world's demand for all rubber, in 1980 we will be only meeting a little bit more than one-third of the demand. This shows, Sir, that we are losing and losing in a sense, Sir, I think, to the synthetic. This, Sir, is only my humble observation and probably there are many methods which this Task Force has up its sleeves to overcome this.

The price range of 40-50 cents per pound is the feel of the experts for the 70's, though this is a pessimistic projection in the view of the Honourable Finance Minister. This feeling, I would say, though it might be that of the experts, it might also be that of the capitalists who make money out of this price range. A price difference of $\frac{1}{2}$ cent per pound will be a loss or a gain of a few millions to them. But to be realistic to the smallholder, Sir, for, after all, he is the prime concern of this Paper, as mentioned earlier by the Honourable Finance Minister, the stakes involved particularly to the smallholder are too high. A price range of between 50-60 cents would be realistic and satisfactory to the smallholders, considering the various hazards of production and marketing he has to undergo. The Paper does not say how it is going to carry out the intentions of the Government to have high-yielding rubber holdings and economic-size rubber holdings. I agree that this is good but the problem is how to provide our smallholders with such economic holdings.

Further, Sir, the Paper goes on to say that the rubber industry will need much more than Government assistance and good intentions to survive; and this much more, it says, than intensive research into production and it also concerns the consumer end-use research. The

Paper declares that in the last half century we have done well in the field of production and in the immediate present, we must make significant expansion into new use of rubber, or consumption research. I feel, Sir, that we must still carry on with our research into production to find still higher-yielding clones, into soil and nutritional research to increase the production of our rubber and also into the coagulation of rubber to devise the means and methods by which we can prolong the coagulation time and thus induce our rubber trees to produce more latex.

Not only this, Sir, but for producing rubber, we must produce a rubber of specific, scientific and technological quality like the SMR, especially for the smallholders. At the moment, Sir, the smallholders are largely producing low-grade rubbers of varying quality. They have not the know-how nor the facilities nor the means for producing this kind of rubber—rubber of known specific quality for consumer usage. Therefore, Sir, the Government could arrange some means, or all the private agents could arrange some means, to collect all the liquid latex from the smallholders and process it in a factory, as is at present done in some places. I feel, Sir, there must be much more of these processing plants and more means of collecting latex from the smallholders, for it is the smallholder who produces the latex, and he has to go through the other laborious tasks of processing, coagulating, milling, drying or even smoking and in the process, lose in quality as well as in price. I feel, Sir, that if there is a large and speedy collection service, at least the smallholder will get the maximum price available in the market for his pure liquid latex. At least, he feels he is not cheated in the marketing process. This, I think, is the easiest and the best method of giving him a fair price. Any process that goes beyond this becomes more complicated and the smallholder will get less price for his extra efforts.

I suggest that the Government or the private enterprise which buys his latex from him should give him an immediate financial return so that he will have no difficulties to provide for his food and other necessities and, at a later stage, return the extra money that has been earned by processing, as it is done now for the rubber cess for replanting. It is suggested, in order to remove extra

short-comings of the smallholder where he has low-yielding, uneconomic smallholdings, to establish supplementary farm enterprises like vegetables and poultry farming. This, Sir, is not necessarily applicable only to the smallholder, but to anyone who wants to enhance his income. Practically, this does not work for many reasons. In fact, this practice and cash crops and other suggestions have been made for many, many years but it has still not improved the plight of the smallholder.

Similarly, Sir, the introduction of ethrel. Though it has worked well in some places, it still has not significantly benefited the smallholder's position because he is either ignorant of it or has not the means to do it. This is a practical fact despite all our theoretical knowledge.

Now, Sir, coming to the marketing system, I see that according to the Paper, it does not respond effectively to the interplay of supply and demand. It goes on to describe the multitudes of dealers, the packers and other market operators the smallholder has to go through. It also records at the same time the many services the rubber traders give to the smallholder in the form of credit and other ancillary facilities. This process causes a considerable erosion, however, in his return. This, therefore, emphasises my earlier observation to support the smallholder by buying his liquid latex direct from him either by a Government or a private agency. I wish that this body will look more into my humble suggestion.

In this connection, Sir, I would like to know more about the adventures of our Government's recent launching out into the rubber market to stabilise rubber prices. I remember, Sir, when this was discussed last in this House, the Government was very secretive and resented giving out figures on the assumption that it was not good for its market. I do not subscribe to this view, Sir, for most people in the private sector are not so secretive about their transactions. I would, therefore, Sir, like our Honourable Minister of Finance to give us an insight into the results of the Government's participation in the rubber market. I feel, Sir, since Government is using public money to speculate in rubber market, we have a right at least now to know—maybe in the early stages we could overlook this for reasons of financial

security—but now since rubber market is laid down here for all of us to see, this adventure in transaction would throw us some light to have a closer view on this subject.

First of all, Sir, I would like to know how much rubber is in our Government stockpile at the moment. The United States reveal their figures, probably not the correct ones, but still they publicly announce their figures now and then. Similarly, Sir, I would like to know how much the Government has sold and at what price and at what profit or loss. Surely, Sir, our Government must have learnt a lot by flirting with the rubber market. Except to blame Singapore and other international markets, no details are given for the failure of the market to react to the normal law of supply and demand.

It is also interesting or, shall I say, rather disgusting to note that there is substantial evidence to indicate that the policing function done by the Malayan Rubber Export Registration Board has not been effective all these years from 1949, the year of its establishment, till now, Sir. We have only a confession of failure to make in this august House. What I would like to know, Sir, is why nobody has been brought to book.

The Paper goes on to say that the rubber market must be transformed from a commodity market vulnerable to the pressures of excessive speculations to an efficient system when the producer and the consumer are not isolated from each other by layers of traders and speculators. But, Sir, did we not earlier on say that these traders—I do not know much about the speculators—are a necessary part and parcel of our marketing system, especially with the smallholders? It is quite true that the Paper hurriedly goes on to say that the external factors which impinge on the rubber market need more careful examination, and the Government is mounting a comprehensive in-depth study of all aspects of the international rubber market in producing and consuming countries. This, Sir, may take many, many years. Unless the Government takes some interim and immediate steps, I am afraid, the marketing system will not improve in the near future.

It is also interesting to note, Sir, the existence of “soft” and “hard” ports for our rubber, and the former, i.e. the soft ports are making illegal and excessive profits. Yet we

have not been able to take any action on these ports so far; and I hope that the new Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board will do its job and not meet the same fate as the Malayan Rubber Exchange and the Malayan Rubber Export Registration Board. As I said previously, Sir, it is the implementation and not the policy which is more important.

I am afraid, Sir, the question of cess has been raised but not clarified. As far as I know, this cess was imposed to encourage replanting. This cess has been paid back in the form of replanting grant to those smallholders who replanted and refunded to the estates of 100 acres or more in quarterly grants. Although the Government says that it is considering that the present practice of refunding automatically the replanting cess of 4½ cents per pound on proof of production should be discontinued—although the Deputy Minister of Finance says that the legislation on the administration of replanting cess will not be introduced during this session of Parliament but will be effected when a detailed scheme has been finalised. On this, I would like to say that there is not enough detail now as to how it is going to be administered. But I am sure that if the 4½ cents cess is not given back, the profits of the estates would be further reduced. It must be realised, Sir, however, that this was raised for a specific purpose and should rightfully be given back to the rubber producers either in the form of replanting grants or refunds, for after all, truly it is their money. This is not a tax. Why should the Government not return this cess, which they have legitimately earned?

Lastly, Sir, the question of turning our crude rubber into finished products has been raised a number of times, but has never been materially realised. I do hope that we can export rubber manufactured goods and get better price for our rubber. But I think we, again, will have to act more expeditiously and judiciously: in other words, we will have to industrialise faster and get proper men for the job and see that there is no inefficiency and corruption. The best men for the job should be put and there should be no distinction in race, creed or kind when such jobs are concerned. This, again, I say, Sir, is a long-term policy and we will have to set out with the right foot.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di Pertua, saya mengambil bahagian atas perbincangan Rang Undang-undang ini dan saya akan bercakap atas perkara yang mungkin tidak dicakapkan oleh rakan sejawat saya bagi menghormati masa.

Tuan Yang di Pertua, saya turut sama memberi sokongan penuh dalam peruntukan yang dikehendaki dalam Rang Undang-undang Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972. Di atas kesimpulan Undang-undang ini Tuan Yang di Pertua, dapat mengawal semua kegiatan bersangkutan dengan pendaftaran, pelesen, impot, perkapalan, pembungkusan dan perniagaan getah. Saya dan rakyat Malaysia mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, khususnya kepada Menteri yang berkenaan telah 50 tahun lamanya kita mengalami berbagai kesulitan dan kesusahan dalam masalah getah, sekarang dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini kita mempunyai pasaran bersendirian supaya Malaysia dapat kedudukan hak menentukan harga getahnya sendiri.

Tuan Yang di Pertua, saya bercakap sedikit dalam masalah pasaran pelesen luar negeri. Walau ada usaha mengawal dalam masalah ini, tetapi bagaimana yang telah dicakapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat rakan sejawat saya, Kerajaan tidak dapat tidak kena mengawasi dari satu masa kesatu masa, kerana kesan-kesan yang akan ditekan oleh gulungan-gulungan yang tertentu dengan terlaksananya undang-undang ini. Kita akan menerima pertentangan atau tekanan hebat yang didatangkan satu daripada setengah kuasa luar yang sangat memerlukan bahan-bahan utama ini.

Yang kedua, didatangkan oleh Dewan Perniagaan Getah dalam negeri ini yang mempunyai pengalaman, kuasa dan sokongan yang kuat, dengan terkawal kelak tentulah keuntungan kepada mereka akan berkurangan. Pada pusingan yang pertama, Tuan Yang di Pertua, mereka sanggup rugi dengan berjuta ringgit melumpuhkan usaha Kerajaan ini. Tekanan yang kedua, Tuan Yang di Pertua, dengan kenaikan tambang kapal mengangkut getah keluar negeri, malahan pula syarikat perkapalan antarabangsa dimonopoli oleh kuasa-kuasa besar.

Tuan Yang di Pertua, menurut hemah saya di antara perkara yang hendak meng-

atasi gejala-gejala yang telah saya sebutkan tadi pertama sekali Kerajaan hendaklah mengadakan satu sistem tawaran terbuka pada mengeluarkan lesen getah kepada semua syarikat perkapalan dan ejensi-ejensi mengimpot getah supaya menambah pasaran getah yang luas-luas.

Yang kedua, Kerajaan hendaklah menggiatkan lagi langkah penjualan getah secara langsung dengan negara-negara Blok Komunis, blok kecuali bagi menambahkan lagi pemasaran getah kepada negeri-negeri itu.

Yang ketiga, Kerajaan hendaklah seberapa yang boleh mengadakan kerjasama dengan negara-negara yang mengeluarkan getah tiruan. Kita tidak patut berlawan, bercanggah, bermusuhan dengan negara-negara ini sebab usaha ini, Tuan Yang di Pertua, bahan ini sangat diperlukan oleh negeri-negeri samada getah asli dan juga getah tiruan. Sekiranya kita berlanjutan dengan berlawan dengan negeri-negeri yang mengeluarkan getah tiruan ini, getah asli juga akan terancam.

Yang keempat, Tuan Yang di Pertua, kita hendaklah bekerjasama yang teguh dan padu dengan negara-negara pengeluar getah asli bagi membaiki pasaran getah pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di Pertua, gemar saya memberikan perhatian berhubung dengan pasaran getah dalam negeri ini dengan menaikkan mutu getah pekebun-pekebun kecil, kedua perbadanan Kerajaan hendaklah mengambil daya utama yang segera iaitu PERNAS dan juga Perbadanan Kemajuan Getah yang disebutkan M.R.D.C. Kalau Rang Undang-undang ini memberi kenikmatan kepada pekebun-pekebun kecil bagi membaiki pasaran getah ini. Badan-badan ini, Tuan Yang di Pertua, boleh mengeksport getahnya terus keluar negeri pada negeri pengguna-pengguna daripada pekebun-pekebun kecil tidak melalui orang tengah bagaimana yang telah disebutkan oleh rakan sejawat saya.

Dan yang kedua satu contoh, Tuan Yang di Pertua, pada masa dahulu Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan tidak kurang daripada \$35 juta kerana tujuannya hendak membaiki mutu getah pekebun-pekebun kecil dengan perbadanan yang saya sebutkan tadi M.R.D.C. dan perbadanan ini telah mendirikan hevea crumb dalam beberapa negeri

dan kita nampak bahawa bagi pehak Pengurus Perbadanan ini terdiri daripada orang yang bukan warganegara dan masalah ini saya fikir patut difikirkan iaitu satu masa ada warganegara kita yang layak memegang urusan ini patut diberikan pada mereka sebab kita mengadakan pengurus bangsa dagang ini maka masalah-masalah yang selalu yang dikemukakan oleh pekebun-pekebun kecil dalam pembelian getah pada perbadanan ini selalu diketepikan dan tidak dihiraukan.

Saya hendak contohkan, Tuan Yang di Pertua, kesulitan yang dialami oleh kilang-kilang getah kita selama dibuka itu pada masa sekarang kilang ini membeli getah susu daripada pekebun kecil potongan airnya 25%—ini merugikan pekebun kecil. Pada hal kalau pekebun-pekebun kecil kita ini membuat getah keping dan dia boleh dapat timbangan yang lebih dengan harga yang sama. Saya tahu, Tuan Yang di Pertua, ini merugikan pekebun kecil hingga FELDA—Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Kerajaan tidak sanggup hendak menjual getahnya kepada kilang getah hevea crumb.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, kilang getah ini yang menjadi kesulitan, sungutan orang ramai, wang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil itu selalu lambat.

Yang ketiga, tidak mengadakan tabung pinjaman. Bila mana pekebun kecil kita itu kesukaran pada mendapat wang dalam masa kesukaran mereka tidak dapatlah meminjam wang mereka pergi pula kepada peniaga-peniaga getah yang hendak melawat perusahaan Kerajaan ini. Saya harap pada masa yang akan datang Lembaga ini supaya dibekalkan pinjaman wang supaya dapat diberikan kepada pekebun-pekebun kecil kita.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di Pertua, saya nampak PERNAS boleh membuat usaha ini dengan membeli getah keping bermutu daripada pekebun kecil melalui rancangan memproses getah berkelompok. Malangnya masa dahulu, Tuan Yang di Pertua, rancangan getah kelompok ini bukan dibiayai oleh perbadanan Kemajuan Getah yang saya sebutkan atau dibiayai oleh PERNAS, dibiayai oleh MARA. Jadi dengan sebab itu, usaha hendak membuat getah kelompok ini dengan banyak tidak dapat dibuat. Saya harap pada masa akan datang Perbadanan ini akan membiayai rancangan-rancangan ini pada tempat yang tidak boleh adakan kilang

hevea crumb di mana yang telah saya sebutkan tadi. Tiap-tiap 30 pekebun kecil atau 50 orang kita adakan satu kilang memproses getah kelompok dan tiap 5 atau 6 kilang getah kelompok kita ada satu store kerana mengasap getah dan juga satu store kerana membungkus getah dengan keadaan ini kita memberi peluang kepada pekebun-pekebun kecil kita berdiri di atas kaki sendiri dari segi berniaga dan memasarkan getahnya.

Dengan ini, Tuan Yang di Pertua, saya memberikan sokongan yang penuh atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Yang Berhormat Tuan Speaker bercadang menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab petang esok selepas sahaja habis tempoh pertanyaan-pertanyaan. Jadi kita ada dalam dua-tiga belas minit lagi, siapa yang hendak bercakap, saya mintalah tolong pendek-pendekkan supaya dapat diberi peluang kepada Ahli-ahli yang lain yang hendak bercakap. Dijemput.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu (Santubong): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang sedang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana jasa baik beliau dengan bersusah payah membuat Rang Undang-undang ini untuk hendak meninggikan taraf hidup rakyat yang susah dan miskin.

Tuan Yang di Pertua, saya ingin menyatakan pendapat saya berhubung dengan Rang Undang-undang ini iaitu saya penuh percaya dan yakin tentang adanya Rang Undang-undang ini mungkin ada memberi kesan yang berfaedah di kalangan rakyat yang susah dan miskin. Dengan hal yang demikian, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memberi arahan kepada mereka yang akan dilantik kelak supaya menjalankan tugas mereka dengan bersungguh-sungguhnya supaya memuaskan hati pekebun-pekebun yang kecil.

Tuan Yang di Pertua, saya suka merujuk kepada mutu getah bahawa satu dua perkara yang tidak berapa baik yang boleh menjatuhkan mutu getah yang dibuat oleh

pekebun-pekebun yang kecil, yang mana saya ketahui dan saya telah melihat dengan mata saya sendiri bagaimana caranya mereka membuatkan getah ini, ialah dengan tidak ada peraturan yang betul dan ada kalanya mereka membuatkan getah ini, Tuan Yang di Pertua, dia menapiskan getah ini dengan memakai daun dan ada juga dia memakai rumput. Jadi, dengan hal yang demikian, Tuan Yang di Pertua, getah ini tidaklah bersih dan juga apabila mereka membuat getah ini tidak cukup elok dan tidak seperti getah yang dibuat oleh pekebun-pekebun yang besar-besar atau estet-estet yang besar-besar. Apa yang mereka buat tebal getahnya lebih kurang setengah inci atau suku inci. Ini adalah menjatuhkan mutunya. Jikalau kita bandingkan dengan getah yang diperbuat oleh estet atau pekebun-pekebun yang besar, kita nampak getah itu seakan-akan cermin, Tuan Yang di Pertua. Inilah mutunya yang tinggi sekali dan saya pernah melihat, sebagaimana yang saya katakan itu, getah-getah estet, jikalau kita bayangkan kemata hari, kita boleh nampak. Tuan Yang di Pertua, cukup bersih, cukup elok dan cukup kering.

Getah yang diperbuat oleh pekebun-pekebun kecil ini, dengan tidak teratur, dengan sebetulnya sehingga getah ini tidak cukup masak, Tuan Yang di Pertua, tetapi oleh kerana tidak ada orang yang menunjukkan jalan sebagaimana membuatnya, jadi pada masa sekarang saya merayu kepada badan yang akan di lantik kelak supaya boleh memberi pertunjuk kepada mereka, pekebun-pekebun yang kecil itu supaya membuat getahnya sebagaimana yang diperbuat oleh estet-estet dan pekebun yang besar-besar, Tuan Yang di Pertua. Dan juga, saya ingin memberitahu bahawa ada satu perkara yang boleh menjatuhkan juga mutu getah kita di Malaysia ini, iaitu getah yang datang daripada luar negeri, jiran kita yang berdekatan, Tuan Yang di Pertua.

Getah ini lebih buruk lagi daripada getah pekebun-pekebun kecil, sehingga tidak ada berbunga, digiling begitu sahaja dan tidak dikinginkan. Getah ini dicampurkan dengan getah-getah di Malaysia. Ini yang menambahkan, menjatuhkan mutu getah kita di Malaysia.

Tuan Yang di Pertua, saya suka menyentuh pada para pelesen ini. Pelesen ini adalah saya anggapkan sebagai satu lintah darat

yang menghisap darah, Tuan Yang di Pertua. Manakala mereka datang ke kampung-kampung membeli getah yang dibuat oleh pekebun-pekebun kecil itu, mereka mengatakan sekarang harga getah telah turun, tetapi yang sebenarnya, getah itu masih misalnya, Tuan Yang di Pertua, 50 sen sekati, tetapi dia mengatakan 45 sen sahaja. Dan juga bukan sahaja dengan jalan itu, Tuan Yang di Pertua, orang yang duduk di luar bandar sebagaimana yang saya ketahui di kawasan saya ini yang sebenarnya di luar bandar dan sedikit sahaja yang di dalam bandar. Hal ini yang saya tahu benar-benar ada berlaku. Sebab orang di luar bandar ini, Tuan Yang di Pertua, bukan mereka banyak mengetahui masalah ini. Apakala dia berjumpa dengan orang perempuan yang menjualkan getah ini, di sini dia menekankan lagi. Misalnya getah itu jikalau ada 10 kati, dia katakan 9 kati. Sebabnya orang yang mempunyai getah itu tidak tahu mata dacing.

Dari itu, pada pendapat saya, saya katakan lagi sa-kali tentang mutu getah ini, Tuan Yang di Pertua, getah yang dikeluarkan daripada estet-estet dan kebun-kebun yang besar-besar itu mendapat harga yang sangat baik. Mithalnya harganya 60 sen sepaun. Jadi, getah kebun-kebun yang kecil hanya mendapati harga 40 sen atau 35 sen sepaun sahaja. Ini disebabkan ialah kerana mutunya jatuh sangat rendah, getah kurang baik dan kotornya pun banyak. Oleh sebab itulah saya tidak akan bercakap panjang, Tuan Yang di Pertua, barangkali ada rakan-rakan yang lain lagi akan bercakap dan saya merayu kepada Menteri yang berkenaan ini supaya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil, yang mana menderita, yang saya ketahui sebilangan besar di dalam kawasan saya.

Getah-getah ini, jikalau saya tidak silap, yang banyak keluarnya ialah dari negeri Sarawak. Inilah negeri yang banyak mengeluarkannya. Jadi, oleh kerana kedatangannya tadi, getah dari jiran tetangga kita itu, mutunya kurang, yang lebih buruk lagi itu dicampurkan oleh pelesen-pelesen ini dihantar ke Singapura. Di Singapura diproseskan barang ini lagi, dipilihnya yang tidak baik ditolak ke sebelah. Jadi, keuntungan ini terpulanglah kepada taukeh yang membeli dan taukeh-taukeh besar kompeni itu. Inilah yang membunuh rakyat

yang menderita. Inilah saya katakan tadi, pelesen-pelesen ini adalah sebagai lintah darat yang menghisap darah rakyat di negara kita, Tuan Yang di Pertua.

Saya rasa had inilah sahaja yang dapat saya jelaskan, Tuan Yang di Pertua. Saya ucapkan terima kasih.

Dr A. Soorian (Port Dickson): (*Dengan izin*) Sir, one of the most acute needs is the necessity to provide training for more people knowledgeable in all aspects of the rubber industry. We have hardly any rubber technologists except for a few who do research into producing more latex from more high-yielding rubber clones. But what about the technologists to study into how our natural rubber could find greater usage to make and manufacture different types of rubber goods, for example, rubber shoes, rubber floor tiles, rubber roofing sheets, rubber water-proofing compounds, rubberised roads and even rubberised houses? This is a practical objective if we were to study how the plastic industry can find diverse uses for plastics—from plastic water hoses to even plastic dwelling houses today.

Sir, plastics have been used as a base material for so many products. We can emulate and do the same for rubber. This has two added advantages:

- (1) The creation of more factories would help to solve the time immemorial unemployment problem in the country.
- (2) Fight synthetic rubber by finding more uses for natural rubber and so break the grip of synthetic by replacing synthetic with natural rubber as raw material for manufacture.

Another group of rubber experts which is badly needed in the rubber market is a corps of top flight rubber economists who know all the twists and turns of the rubber industry both at home and abroad. Here I urge the Faculties of Economics in the higher centres of learning, for example, the University of Malaya and so on, to concentrate more in teaching the students and graduates on the various economic facets of the rubber industry. We want to see, furthermore, extra Honours Economics Graduates do research and specialise on different aspects of the rubber industry. We suggest . . .

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

PENANGGUHAN

(Usul)

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PERJUDIAN DI CASINO GENTING HIGHLANDS

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di Pertua, ini bukanlah kali pertama atau kali terakhir bagi saya untuk menyebutkan tentang perjudian yang timbul dari sebab-sebab perjudian di-negeri ini amnya dan perbuatan mengeluarkan lesen-lesen casino khususnya.

Bukanlah tujuan saya untuk hendak menjadi juara moral. Dan bukanlah terlintas di hati saya untuk hendak memberi tunjuk-ajar kepada Menteri Kewangan berhubung dengan hal-hal yang bersangkutan dengan moral. Tetapi tidaklah dapat hendak dinafikan bahawa Pusat Perjudian di Genting Highlands sekarang ini tidaklah dapat hendak menarik perhatian orang-orang luar negeri tetapi rakyat kita sendiri.

Telah banyak kesah-kesah yang kita dengar mengenai dengan keruntuhan moral dan porak-porandanya rumah-tangga dan kesemuanya ini adalah disebabkan bahawa pejudi-pejudi itu tidak dapat hendak menahan hawa nafsunya untuk menziarah Casino, Genting Highlands.

Salah satu daripada kesan perjudian ini ialah tentang peristiwa-peristiwa rompak yang berlaku di sepanjang perjalanan ke Genting Highlands. Dan kesan yang satu lagi ialah tentang bertambahnya jumlah pegawai-pegawai Kerajaan yang melawat Casino itu. Saya tidak pula menyalahkan pegawai-pegawai Kerajaan yang ke sana untuk tujuan-tujuan makan angin atau menglipur lara ataupun juga mengheningkan fikiran dengan menyedut udara nyaman pergunungan.

Saya tidak pula menentang perbuatan pegawai-pegawai Kerajaan yang pergi ke sana untuk mencari keseronokan ketika mereka bercuti atau sebagainya sungguhpun saya tidak menggalakkan perbuatan seumpama itu. Tetapi kita mestilah mencari garis pemisahan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang melawat ke sana untuk berjudi di waktu masa-masa pejabat. Salah seorang daripadanya ialah tidak lain dan tidak bukan, Pegawai Daerah Kuala Lumpur.

Apabila buat pertama kalinya saya menyebutkan soal ini di dalam Dewan ini dalam persidangan yang lalu, Perdana Menteri telah meminta saya menyebutkan nama pegawai tersebut dan beliau telah berjanji hendak mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai yang berkenaan itu.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pegawai itu supaya kita dapat menghentikan pegawai-pegawai Kerajaan daripada pergi ke Casino itu pada waktu-waktu pejabat. Tuan Yang di Pertua, saya berasa tidak puas hati untuk menyebutkan nama pegawai itu di dalam Dewan ini, tetapi bagi saya tidaklah ada satu alternatif yang lain yang dapat saya lakukan dalam hal ini kecuali menyebutkan nama itu di dalam Dewan ini.

Sekianlah, Tuan Yang di Pertua.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan sememangnya sedar bahawa perjudian dalam apa bentuk sekali pun mempunyai kesan yang buruk kepada masyarakat, tetapi kita tidak dapat lari dari kenyataan bahawa perjudian tidak boleh dihapuskan dengan undang-undang. Menyedari tentang hakikat bahawa berjudi akan berterusan samada secara sah atau secara haram maka Kerajaan merasa lebih wajar untuk menerima kenyataan ini dan mendapat sedikit hasil daripadanya yang walau bagaimanapun akan tetap berlaku tanpa kebenaran Kerajaan.

Untuk mencegah rakyat Malaysia yang berpendapatan kecil daripada berjudi di kasino di Genting Highlands Kerajaan pada mulanya telah mengenakan syarat di mana orang-orang Malaysia yang masuk ke Kasino dikehendaki membayar "deposit" sebanyak \$100. "Deposit" ini kemudiannya telah dinaikkan kepada \$200. Seterusnya perjudian

secara berhutang dan penukaran cek-cek adalah ditegah di kasino ini. Hakikat bahawa kasino ini terletak di sebuah gunung yang terpencil dan jauh daripada tempat kediaman dengan sendirinya patut mencegah orang-orang berpendapatan rendah daripada pergi ke Genting. Belanja pengangkutan dan perjalan hotel serta peraturan-peraturan lain seperti pakaian selain daripada deposit sebanyak \$200 yang diwajibkan akan menambahkan bebanan kepada mereka yang hendak ke Genting. Malahan ini semua hanya membawa orang-orang ini kemuka pintu kasino sahaja dan mereka mestilah mempunyai wang baki yang cukup untuk berjudi kesitu.

Sejak bulan Mac, tahun ini peratus orang asing yang tinggal di hotel telah bertambah. Saya telah diberitahu bahawa angka ini ialah lebih dari 48 peratus dan saya juga diberitahu bahawa terdapat kesan-kesan yang menunjukkan bahawa jumlah ini akan bertambah tinggi hasil daripada kempen-kempen galakan yang intensif di seberang laut yang dijalankan oleh syarikat tersebut. Di dalam kasino ini sendiri orang-orang asing yang berjudi adalah lebih kurang 35 peratus daripada jumlah pejudi-pejudi keseluruhnya mulai dari bulan Mac tahun ini. Ini adalah anggaran kasar sahaja oleh kerana orang-orang luar tidak dikehendaki membayar "deposit" sebelum masuk ke kasino tetapi mereka dikehendaki mendapat tiket-tiket masuk yang dikeluarkan percuma. Sistem ini akan memberi rekod yang lebih jelas mengenai orang-orang asing yang melawat ke kasino.

Sementara itu saya boleh memberi jaminan bahawa sekiranya tindakan-tindakan yang telah diambil di atas tidak mencukupi untuk mencegah orang-orang Malaysia yang tidak mampu untuk berjudi di kasino maka Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengenakan peraturan-peraturan yang lebih ketat. Bagi orang-orang Malaysia yang berpendapatan tinggi sungguhpun kita tidak menggalakkan mereka berjudi tetapi kita bolehlah meninggalkan perkara ini kepada mereka untuk memutuskan oleh kerana mereka mampu untuk berjudi dan kalah jika mereka tidak bernasib baik. Saya juga ingin menjelaskan bahawa bukanlah semua yang pergi ke hotel adalah juga berjudi di kasino. Dan lagi setengah daripada orang-orang yang pergi ke kasino adalah cukup waras untuk

berhenti berjudi apabila mereka kalah dan mendapati bahawa mereka tidak boleh menanggung lebih banyak kekalahan.

Mengenai tuduhan bahawa terdapat Pegawai-pegawai Kerajaan yang berjudi di kasino pada masa pejabat, saya berharap Ahli Yang Berhormat ini benar-benar tahu bahawa mereka bukanlah sedang berjudi pada masa tersebut. Sekiranya beliau benar-benar yakin maka saya cadangkan yang perkara ini dilaporkan oleh beliau kepada Badan Pencegah Rasuah (ACA—Anti Corruption Agency) dengan mengemukakan kepada Badan tersebut maklumat yang perlu supaya penyiasatan yang lengkap dapat dibuat. Terima kasih.

GURU-GURU MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM POLITIK

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di Pertua, saya bangun hari ini untuk membawa perkara permohonan oleh seorang guru di Sekolah Rendah Clifford Kuala Kangsar di Perak, Encik P. Patto, untuk mengambil bahagian di dalam politik. Encik Patto adalah seorang ahli DAP dan ingin mengambil bahagian yang aktif di dalam aktiviti-aktiviti Partai.

Encik Patto telah menulis sebanyak lima kali untuk mendapatkan kebenaran, tetapi tidak dapat apa-apa jawapan. Lima kali tersebut ialah pada Januari 19, 1971; Februari 23, 1971; Mac 18, 1971; Mac 24, 1972 dan Julai 17, 1972.

Terdapat lebih dari seribu guru-guru yang telah diberi kebenaran oleh Kementerian Pelajaran untuk mengambil bahagian yang aktif di dalam politik Perikatan. Dari satu soalan yang saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada mesyuarat Parlimen bulan Disember, saya diberitahu bahawa 799 guru-guru telah diberi kebenaran untuk mengambil bahagian yang aktif di dalam politik UMNO, 210 guru-guru mengambil bahagian yang aktif di dalam politik MCA, dan 82 untuk politik MIC. Angka-angka untuk parti-parti Pembangkang adalah seperti berikut:

Parti Islam—19;
Parti Rakyat—10;
Gerakan Rakyat—5;
DAP—3 dan PPR—1.

Dari itu, saya tidak faham mengapa, bila lebih dari seribu guru-guru telah diberi kebenaran untuk mengambil bahagian yang

aktif di dalam politik Perikatan, Encik Patto masih lagi menunggu-nunggu jawapan selama 18 bulan sejak beliau membuat permohonan yang pertama.

Adalah mustahak yang Kementerian Pelajaran mestilah bersikap adil semasa memberi kebenaran kepada guru-guru untuk mengambil bahagian yang aktif di dalam politik. Ianya janganlah mengambil dua sikap (double standard) di mana memberi guru-guru yang ramai kebenaran untuk mengambil bahagian yang aktif di dalam politik Perikatan, sementara menghalang atau memberi kesusahan kepada guru-guru untuk mendapatkan kebenaran untuk mengambil bahagian yang aktif di dalam politik DAP atau Pembangkang.

Mengenai perkara ini, saya inginkan jaminan dari Kementerian Pelajaran yang ia tidak akan menganiayakan guru-guru yang berani berdiri untuk mengambil bahagian di dalam politik pembangkang. Terima kasih.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, saya telah menyiasat tuduhan-tuduhan tersebut dan mendapati bahawa permohonan-permohonan daripada Encik P. Patto untuk mengambil bahagian cergas dalam politik yang bertarikh 19hb Januari, 23hb Februari, dan 18hb Mac, 1971 memang diterima oleh Jabatan Pelajaran Negeri Perak. Permohonan-permohonannya itu tidak dapat dipertimbangkan kerana beliau adalah seorang pegawai Kerajaan. Ini disebabkan pada masa itu kakitangan Kerajaan, termasuk guru-guru, tidak dibenarkan mengambil bahagian cergas dalam politik sesuai dengan kehendak-kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1969, bertarikh 21hb Ogos, 1969 iaitu ketika NOC. Encik P. Patto sepatutnya sedar tentang keadaan ini oleh kerana semua sekolah telah diberitahu tentang tegahan itu. Selepas tegahan itu dibatalkan, mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1971, bertarikh 15hb Ogos, 1971 satu lagi permohonan daripada Encik P. Patto bertarikh 24hb Mac, 1972 telah diterima oleh Jabatan Pelajaran Negeri Perak. Permohonan ini telah dihantar kepada Kementerian Pelajaran untuk pertimbangan, bersama-sama dengan permohonan daripada guru-guru yang lain, daripada parti-parti politik lain, termasuk Parti Perikatan. Kementerian Pelajaran telah

memproses permohonan-permohonan tersebut tetapi telah mendapati kesilapan-kesilapan di dalam semua borang yang dikesemukakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Perak itu. Oleh itu Kementerian Pelajaran telah mengembalikan kesemua permohonan itu kepada Jabatan Pelajaran Negeri Perak untuk diperbetulkan.

Mengenai permohonan yang bertarikh 17hb Julai, 1972, Jabatan Pelajaran Negeri Perak memberitahu bahawa permohonan itu tidak diterima.

Dari hujjah-hujjah yang saya sebutkan tadi nyatalah bahawa tuduhan beribu-ribu guru telah diberikan kebenaran untuk mengambil bahagian dalam politik dalam Parti Perikatan manakala permohonan-permohonan daripada guru-guru yang ingin mengambil bahagian cergas dalam parti politik, dalam Parti-parti Pembangkang dilambatkan adalah tidak berasas. Kementerian saya tidak pernah menggunakan "double standard" dan juga tidak pernah menghalang atau menganiayai guru-guru yang ingin mengambil bahagian cergas dalam politik dalam Parti-parti Pembangkang.

Untuk maalam, Kerajaan ada membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan penyertaan guru-guru Kerajaan dalam politik. Peraturan-peraturan itu adalah seperti yang

terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 tahun 1971 bertarikh 15hb Ogos, 1971 iaitu seperti berikut:

- (1) Guru-guru Kerajaan yang termasuk dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas dan yang setaraf dengannya adalah ditegah sama sekali daripada mengambil bahagian dalam politik. Walau bagaimanapun semasa dalam cuti sebelum bersara mereka boleh bercergas dalam politik dengan syarat kebenaran Kerajaan diperolehi terlebih dahulu.
- (2) Guru-guru Kerajaan yang lain dari Kumpulan Pengurusan dan Iktisas dan yang setaraf dengannya adalah bebas mengambil bahagian dalam politik dengan syarat kebenaran Kerajaan diperolehi terlebih dahulu.

Peraturan bagi guru-guru bukan Kerajaan masih dalam kajian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 18hb Ogos, 1972.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.